



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalukan Pelantikan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
9. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
11. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
14. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
15. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*
16. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. " Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
19. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
22. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
24. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
25. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
27. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
28. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
29. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
30. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
31. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
32. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)
33. " Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
34. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
35. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)

36. Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
42. “ Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
43. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
44. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
45. “ Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
47. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
50. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
51. “ Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah (Dilantik)
52. “ Datuk Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
53. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
54. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
54. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
56. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
57. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
61. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
62. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. “ Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
65. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)
66. “ Tuan Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari A/P Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

Hazliyana binti Yahaya

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 8 Disember 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Datuk Lihan Jok
2. Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin
3. Yang Berhormat Datuk Yoo Wei How

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan selamat pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja mendengar sebentar tadi angkat sumpah daripada tiga orang Ahli Dewan Negara iaitu pertama sekali, Yang Berhormat Datuk Lihan Jok yang disambung penggal kedua; seterusnya ahli yang baru, Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin; dan Yang Berhormat Datuk Yoo Wei How.

■1010

Yang Berhormat yang baru dilantik dan juga semua Ahli Yang Berhormat termasuk saya juga, kita baru sahaja melihat tadi angkat sumpah dan kita pun mengangkat sumpah lafaz yang sama juga iaitu kita berkrar taat setia pada Malaysia dan juga memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Itulah perkara-perkara yang inti pati yang kita angkat sumpah tadi.

Apabila kita telah mengangkat sumpah ikrar taat setia, sila hayati dan memahami dan laksanakan apa yang telah pun kita ikrarkan sebentar tadi, bahawa sebaik sahaja Ahli Yang Berhormat menjadi Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat adalah salah seorang Ahli Parlimen Malaysia. Makna kita ada dua Dewan, Dewan Rakyat, Dewan Negara. Dewan Negara terdiri daripada Ahli-ahli yang telah kononnya berjasa, berbakti kepada negara dan peranan Ahli Dewan Rakyat dilantik oleh rakyat. Bidang tanggungjawab kita di sini *is the check and balance* apa yang telah dikemukakan sebelum setiap rang undang-undang dibentangkan. Yang Berhormat semua perlulah betul-betul meneliti dan memahami dan bertanggungjawab sebelum ia menjadi satu undang-undang.

Perkara ini bukan perkara senang. Yang Berhormat mesti tahu apa tanggungjawab Yang Berhormat. Juga dalam proses berbahas dalam Dewan, saya ingin mengingatkan diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat hendaklah betul-betul bersikap profesional, bertanggungjawab, jangan sekali-kali bersikap emosi dan juga bersikap personel. Dewan ini Dewan untuk dilihat dan diperhatikan oleh seluruh rakyat. Peranan Yang Berhormat amat penting, perilaku Yang Berhormat juga penting, perangai Yang Berhormat juga penting, diawasi oleh seluruh masyarakat Malaysia.

Itu saya fikir sampai masanya Yang Berhormat bersyukur, berterima kasih kepada Yang Berhormat sendiri dan orang yang melantik Yang Berhormat. Bukan semua orang dapat menjadi Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Saya telah menyatakan apabila dalam persidangan *be serious*, dengan izin. Jangan anggap Dewan ini hendak datang, datang dan tidak mahu datang, tidak payah. Kalau ini perangai Yang Berhormat, saya melihat KPI Yang Berhormat dan saya boleh beritahu pihak yang melantik Yang Berhormat, sampai masa tidak payah lagi jadi Ahli Dewan. *I mean business*, dengan izin. Kita ingin melihat bahawa Dewan ini betul-betul dihormati. Sebelum kita dihormati, kita tahu dia mesti menghormati diri kita dahulu. Maka itu, saya rasa inilah konsep dan saya harap falsafah yang mesti kita sama-sama dukung.

Sekian sahajalah ulasan saya dan sekali lagi mengambil kesempatan kepada semua tiga orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, mengucapkan selamat bersidang seterusnya. Yang Berhormat yang baru ini tidak boleh balik sudah dan Yang Berhormat terus bersidang. Jangan takut-takut dan segan untuk mengeluarkan pendapat, berbahaslah dan itu menunjukkan kebolehan Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan *you are part and parcel*, dengan izin, of Senator Malaysia tidak kira pembangkang, tidak kira penyokong kerajaan. *You are a Senator Malaysia*, satu sahaja bentuk Senator Malaysia. *You* mesti bertanggungjawab pada Malaysia dan masyarakat. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa pelan jangka panjang dan jangka pendek yang dilaksanakan bagi meningkatkan lagi penglibatan wanita dalam bidang politik di negara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Mahat. Izinkan juga saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ketiga-tiga Yang Berhormat Senator yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009-2015. Salah satu objektif khusus pelan tindakan ini mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita di Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Antara tindakan yang diperakukan oleh kerajaan ialah:

- (i) mengadakan latihan, membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda;
- (ii) mengadakan latihan kepekaan gender kepada ahli politik, individu yang cenderung kepada politik;
- (iii) memberikan kesedaran gender dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita kepada pemimpin di setiap peringkat dalam sektor politik;
- (iv) mengenal pasti dan mengiktiraf serta menyediakan senarai bakal pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber di semua peringkat kepimpinan, organisasi politik;
- (v) memberikan penugasan *ostensive* kepada sekurang-kurangnya 30 peratus pemimpin wanita berdasarkan kebolehan dan kompetensi;
- (vi) mengenal pasti halangan untuk menceburi bidang politik dan kepimpinan;
- (vii) memberi latihan dan kempen kesedaran dalam kalangan ahli politik wanita bagi membolehkan mereka mengatasi halangan yang dikenal pasti; dan

- (viii) menggalakkan parti politik mengadakan pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam barisan kepimpinan.

Secara keseluruhannya, terdapat perkembangan memberangsangkan dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas (PRU Ke-13). Perkara ini dapat dilihat melalui 81 Kerusi, 58 Kerusi Dewan Undangan Negeri, 23 Kerusi Parlimen yang telah dimenangi oleh wanita dalam PRU Ke-13 berbanding dengan hanya 63 Kerusi iaitu 40 Kerusi DUN, 23 Kerusi Parlimen pada Pilihanraya Umum Ke-12. Jumlah calon wanita yang bertanding dalam PRU Ke-13 juga turut meningkat kepada 168 orang berbanding 120 dalam PRU Ke-12. Perkembangan ini merupakan peningkatan sebanyak 40 peratus. Secara khususnya pula, peratus Ahli Dewan Rakyat wanita susulan PRU Ke-13 -10.4 peratus daripada keseluruhan 222 Kerusi yang dipertandingkan. Bagi Dewan Negara, peratusan wanita dalam kalangan Ahli Dewan Negara pada Disember 2014 26.6 peratus berbanding 28.8 peratus pada Disember 2013.

Dalam hal ini, parti-parti politik yang merupakan *stakeholders* utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi dan program yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kesediaan, komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry point* akan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya serta Ahli Dewan Negara. Parti-parti politik juga perlu lebih peka dan sedar akan kepentingan kesaksamaan gender dalam perjuangan parti masing-masing. Selaras dengan saranan dalam Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga ingin semua parti politik untuk terus secara serius mengkaji kemungkinan bagi menetapkan kuota sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai calon pilihan raya bagi setiap parti di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Pada tahun 2015, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan melaksanakan latihan kepekaan gender kepada Ahli-ahli politik dan individu yang cenderung kepada politik. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga bersedia untuk bekerjasama dengan agensi-agensinya yang lain di bawah Pelan Tindakan Pembangunan Wanita untuk mengadakan program-program yang sesuai. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat menjawab dengan begitu baik sekali. Walau bagaimanapun, kita ini manusia memang masih belum puas hati Tuan Yang di-Pertua, atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Soalan saya, jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain Tuan Yang di-Pertua, Malaysia antara tercorot peratusnya iaitu 10 peratus. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, penyertaan wanita dalam politik, kalau dibandingkan dengan penyertaan wanita dalam politik yang teratas iaitu negara Filipina - 27 peratus; Singapura – 25 peratus. Sedangkan kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kalau di Malaysia ini, di universiti-universiti, ramai kalangan wanita yang menjadi mahasiswa-mahasiswa.

■1020

Ini bermakna wanita lebih tekun, lebih rajin belajar. Bukan saya kata orang lelaki tidak rajin, orang lelaki rajin juga tetapi tidak berapa hendak ramai. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau wanita diberikan amanah atau tanggungjawab untuk bekerja...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah faham Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya. Ini sudah lama tidak dapat hendak soal ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi wanita ini Tuan Yang di-Pertua, kalau di Filipina juga ia mempunyai Suruhanjaya Pembangunan Wanita yang mempunyai undang-undang pembangunan wanita yang digelar *Magna Carta on Women*, dengan izin, dan program khas presiden untuk mencapai agihan perkongsian kuasa politik 50-50 wanita dan lelaki. Mereka bersungguh-sungguh melaksanakan, walau Filipina dan Malaysia pada tahun 1979 bersama-sama menandatangani perjanjian untuk mengurangkan diskriminasi terhadap wanita. Jadi soalan saya, apakah pendapat Menteri dengan pandangan antarabangsa yang mengatakan Malaysia dalam diam masih lagi mengamalkan diskriminasi?

Satu lagi, adakah kerajaan bercadang mengambil tindakan yang lebih agresif dan menggunakan pendekatan yang lebih agresif iaitu untuk memastikan kuota 30 peratus wanita dan pembuat dasar ini tercapai? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang memang amat mencabar sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mesti sokonglah. Jawab Yang Berhormat, jawab.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Walau macam mana pun akan dijawab jugalah, *inshaaAllah*. Memang saya bersetuju bahawa negara Filipina merupakan negara yang paling tinggi peratusannya iaitu 27 peratus yang ada wanita yang telah mencapai penyertaan wanita di dalam Parlimen, 27 peratus. Kita masih lagi di peringkat 10.4 peratus.

Seperti mana yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya tadi bahawa kita telah mempunyai dasar dan pelan tindakan. Antara *stakeholder* yang perlu menjalankan tugas ini supaya kita boleh capai 30 peratus ialah parti-parti politik. Parti-parti politik ini merangkumi semua. Bukan sahaja parti politik kerajaan, tetapi parti politik yang berada di sebelah sana juga sama-sama mempunyai tanggungjawab. Oleh sebab itu, tadi saya telah menyatakan, adalah penting supaya parti-parti politik mengkaji secara serius kemungkinan untuk menetapkan kuota sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai calon pilihan raya bagi setiap parti di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Kalau boleh dapat dilaksanakan pada PRU Ke-14 nanti.

Berkaitan dengan diskriminasi ini, saya sebenarnya tidak setuju dengan apa yang dikatakan bahawa di Malaysia ini kita masih ada diskriminasi. Sebenarnya banyak usaha yang telah dilakukan untuk kita dapat membangunkan kaum wanita dalam pelbagai bidang, bukan sahaja dalam bidang politik, dalam bidang kerajaan. Sekarang ini kita sudah ada lebih 30 peratus wanita yang memegang jawatan yang tinggi di dalam kerajaan. Ini perkara yang penting menunjukkan tidak ada diskriminasi.

Apabila kita melihat bahawa sudah 68 peratus wanita kita yang belajar di institusi pengajian tinggi, ini juga menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak ada diskriminasi. Wanita dibenarkan untuk belajar sampai ke peringkat yang tertinggi pun sehingga sampai hampir-hampir 70 peratus sudah kita menguasai bidang pendidikan pada hari ini.

Insyaa-Allah akan berlaku juga perubahan di mana kita akan capai bukan sahaja 30 peratus, tetapi mungkin lebih daripada itu akan kita capai. Jadi diskriminasi ini saya tidak bersetuju sama sekali kerana banyak usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan. Di bawah kementerian kita ini, bukan sahaja kita melihat daripada dasar politiknya, tetapi juga dari dasar wanita dalam perniagaan, wanita dalam sektor swasta juga kita laksanakan, pelbagai program sekarang ini sedang kita laksanakan. *Insyaa-Allah* akan terus kita adakan.

Saya juga ingin memberitahu bahawa dalam usaha untuk kita meningkatkan kepimpinan wanita ini juga, kita telah menubuhkan satu Kerusi khas untuk kepimpinan wanita di Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana objektifnya ialah untuk membantu wanita mencapai tahap kepimpinan dan *capability* yang tinggi. Ini masih lagi berjalan dan kerajaan melalui kementerian kita memberikan peruntukan kepada UKM untuk melaksanakan program-program mereka untuk meningkatkan kapasiti wanita.

Daripada segi pendekatan agresif ini, kita kena bekerjasama dalam soal ini bukan sahaja kementerian, sebab kementerian sendiri sahaja tidak boleh melaksanakan. Saya juga meminta kepada pemimpin-pemimpin wanita yang ada di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat juga kena agresif untuk memperjuangkan. Saya teringat kata-kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam suatu program meminta supaya wanita dengan izin, katanya *must be pushy*- "P-U-S-H-Y". Jadi kita kena bertindak sedemikian sama-sama.

Sebagai pengakhirannya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita di Malaysia ini masih lagi apa yang dikenali sebagai mengamalkan sistem patriarki, oleh sebab itulah kita masih belum dalam mencapai 30 peratus ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengemukakan soalan. Banyak soalan yang saya hendak kemukakan tetapi kerana kesempitan waktu, saya hanya hendak fokus kepada satu perkara sahaja. Yang Berhormat Menteri tadi menyebut tentang merujuk kepada dasar wanita yang saya rasa sangat dialu-alukan, Dasar Wanita Negara.

Akan tetapi yang saya ingin tahu, adakah Dasar Wanita Negara ini mengalami nasib seperti dasar-dasar kerajaan yang lain, digubal, dibentangkan tetapi pelaksanaan dan pemantauannya agak kurang. Jadi oleh sebab itu, soalan saya yang spesifik ialah sejauh manakah Dasar Wanita Negara ini dimasyarakatkan terutama di kalangan pemimpin-pemimpin wanita termasuk wanita-wanita di dalam Dewan ini?

Saya tidak tahu berapa orang di antara wanita-wanita di dalam ini dibekalkan dengan naskhah Dasar Wanita Negara itu. Kalau tidak, belum lagi tolong bekalkan supaya mereka mengetahui apakah Dasar Wanita Negara itu. Saya cabarlah kalau ada beberapa orang yang faham apa dia Dasar Wanita Negara.

Selain daripada itu, saya ingin tahu sejauh manakah dasar pelaksanaan dan pencapaian Dasar Wanita Negara itu telah dilakukan? Akan tetapi apa mustahak sekali, tolong bekalkan setiap seorang daripada pemimpin wanita di sini. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini bukunya... [*Menunjuk buku Dasar Wanita Negara*]. Saya telah minta sebenarnya kalau ada yang belum dapat buku ini, saya telah meminta para pegawai hari ini untuk membekalkan semua. Saya difahamkan mungkin nanti sebentar lagi akan dibekalkan kepada semua dan boleh kita sama-sama membaca dan memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua: Bekalkan sahaja Yang Berhormat semua Ahli-ahli Dewan Negara.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Di sini akan diberitahu bahawa *stakeholders* untuk kita melaksanakan dasar ini bukan sahaja kerajaan, bukan sahaja kementerian tetapi semua pihak, kementerian-kementerian yang lain, jabatan-jabatan yang lain, juga para pemimpin dan parti-parti politik sama-sama melaksanakan.

Alhamdulillah, saya ingin memaklumkan di sini bahawa apabila kita bercakap tentang Dasar Wanita Negara ini, ia bukan sahaja tentang politik, tentang kepimpinan tetapi juga mengambil kira banyak tentang wanita. Ia ada banyak di sini Tuan Yang di-Pertua, boleh dibaca nanti termasuklah media, tentang pegawai di dalam kerajaan, ekonomi, ibu tunggal, semua mereka yang kita perjuangkan.

Dalam kementerian ini, kita kebelakangan ini banyak menumpukan kepada bagaimana kita dapat memperkasakan *empower* wanita di luar bandar, wanita dalam bidang perniagaan termasuklah para ibu tunggal, wanita yang marhaen dan sebagainya. Jadi program banyak kita tumpukan ke arah itu. *Inshaa-Allah* pada tahun 2015 ini kita akan banyak pula memberi tumpuan untuk memberikan ilmu kepada wanita kita, di seluruh negara ini untuk menjadi pemimpin wanita dan *inshaa-Allah* pada PRU Ke-14 nanti akan ramailah wanita yang bersedia untuk menjadi calon-calon di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Parlimen ini dan berikanlah peluang kepada mereka. Terima kasih [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri datang. Kalau boleh seramai mana Yang Berhormat Menteri datang, bagus juga.

2. Dato' Goonakaren A/L Raman minta Menteri Kerja Raya menyatakan, memandangkan Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur merupakan lebuhraya yang mencatatkan kadar kemalangan maut yang tinggi terutama pada musim cuti, apa usaha kerajaan dalam memastikan lebuhraya ini selamat digunakan dan adakah kementerian sudah mengenal pasti punca kemalangan serta keadaan lebuhraya itu sendiri.

Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkesempatan hari ini untuk bersama-sama di Dewan Negara dan Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada tiga Ahli Dewan Negara yang baru mengangkat sumpah tadi.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak atau lebih dikenali sebagai E8 sepanjang 60 kilometer pada asalnya ialah merupakan Jalan Persekutuan yang dinaikkan taraf kepada lebuhraya. Lebuhraya ini telah siap dibina dan dibuka pada lalu lintas pada tahun 1997.

Geometri Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ini telah direka bentuk dengan had kelajuan antara 70 kilometer sejam hingga 90 kilometer sejam sahaja berikutan ia terletak di kawasan bentuk muka bumi yang berbukit bukau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), jumlah kes kemalangan yang dicatatkan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dari tahun 2009 hingga bulan Jun 2014 ialah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	PERKARA			JUMLAH KEMALANGAN
		Maut	Parah	Cedera Ringan	
1.	2009	18	93	148	837
2.	2010	20	118	209	799
3.	2011	18	99	146	745
4.	2012	17	118	162	748
5.	2013	17	125	142	687
6.	Jun 2014	4	52	67	279
Jumlah Keseluruhan		94	605	874	4,095

Pecahan punca kemalangan pula disebabkan faktor manusia seperti memandu melebihi had laju 83 peratus, faktor kenderaan 13 peratus dan faktor persekitaran 4 peratus. Manakala 64 peratus kemalangan berlaku pada waktu siang dan 34 peratus lagi pada waktu malam. Untuk peratusan kemalangan mengikut cuaca pula, 71 peratus kemalangan berlaku semasa cuaca baik dan 29 peratus lagi semasa cuaca hujan.

Untuk mengurangkan risiko kemalangan, kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia dan kerjasama daripada pihak konsesi lebuhraya iaitu MTD Berhad telah melaksanakan beberapa penambahbaikan keselamatan mitigasi kejuruteraan jalan seperti berikut:

- (i) pemasangan penanda jalan baru ataupun tambahan;
- (ii) melaksanakan penambahbaikan penanda jalan menerusi piawaian baru yang telah ditetapkan oleh pihak LLM;
- (iii) menambah baik *pavement* dengan izin, *pavement* jalan menerusi penggunaan teknologi seperti *porous asphalt*, *micro surfacing*, *whisper grip*, *zebra line* dan juga *gap radar*, dengan izin;
- (iv) memasang jalur keselamatan khas anti licin;
- (v) memasang pemantul cahaya khas dan berkualiti tinggi yang diguna pakai oleh negara-negara maju;
- (vi) menaik taraf sistem pengendalian jalan dan jambatan secara berperingkat; dan
- (vii) menambah baik pagar sempadan bagi mengelak kecurian dan vandalisme.

Di samping itu, pemantauan dan usaha untuk mengurangkan kemalangan di lebuhraya juga dilaksanakan menerusi kaedah berikut:

- (i) pelantikan juru perunding keselamatan oleh pihak konsesi untuk melaksanakan Audit Keselamatan Jalan di sepanjang lebuhraya berkenaan;
- (ii) kempen-kempen kesedaran tentang aspek keselamatan lebuhraya dengan kerjasama agensi kerajaan berkaitan;

- (iii) LLM sebagai agensi kawal selia lebuhraya akan memastikan semua kerja penyelenggaraan lebuhraya dilaksanakan mengikut tempoh masa dan piawai yang ditetapkan; dan
- (iv) penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) kementerian ini untuk mengurangkan kes kemalangan di Jalan Persekutuan dan juga lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan oleh kementerian ini dan LLM dari semasa ke semasa bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan juga lebuhraya lain yang beroperasi. Terima kasih.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana jawapannya. Walau bagaimanapun, jawapan tetap jawapan dengan cadangan dan syornya. Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak lebuhraya yang sudah 44 tahun tetapi cadangan-cadangan dan syor-syor yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya kira masyarakat di kawasan khususnya kawasan kemalangan tidak nampak lagi. Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sentiasa gelap pada waktu malam. Apabila kita sampai di Genting Sempah, kita nampak ada tiang lampu supaya orang boleh masuk Genting ataupun orang boleh melepasi terowong. Selepas terowong itu, tidak ada tiang-tiang lampu di Lebuhraya Karak, ada sesetengah tempat sahaja kita nampak. Jadi soalan saya, lebuhraya ini dibina pada tahun 1970, maknanya sudah 44 tahun. Lebuhraya ini mempunyai banyak selekoh yang berbahaya. Kalau kita tengok trak *formula ONE*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah sebut tadi, apaKAH soalan itu?

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Ya Tuan Yang di-Pertua. Trak *formula one* di Sepang pun baru ada lima belas buah selekoh tetapi Labuhraya Karak-Kuala Lumpur lebih daripada lima belas buah selekoh. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk meluruskan selekoh-selekoh yang berbahaya ini memandangkan 44 tahun mengutip tol sehingga sekarang. Soalan kedua, selain dari Lebuhraya Karak dan Kuantan, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuat laluan lebuhraya yang menghubungkan Temerloh-Seremban memandangkan negeri Pahang Darul Makmur merupakan negeri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Mungkin soalan kedua Tuan Yang di-Pertua, terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi saya akan mengambil maklum cadangan dan hasrat Yang Berhormat Senator sama ada untuk mempertimbangkan jalan tersebut akan dilaksanakan. Berkaitan dengan data yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa memang benar jalan ini memang jalan yang lama. Akan tetapi seperti mana saya katakan tadi, *upgrading* jalan ini dari jalan lama sehinggakan menjadi lebuhraya siap pada tahun 1997, yakni maknanya baru 17 tahun jalan ini. *Upgrading* secara berterusan salah satu *responsibility* ataupun tanggungjawab syarikat konsesi ialah untuk menyelenggarakan jalan. Jadi sebab itu kita naikkan standardnya dan pihak konsesi mesti mematuhi penambahbaikan dari semasa ke semasa jalan tersebut supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Misal kata contohnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di Kilometer 35.1 Genting Sempah, ini salah satu yang dikenal pasti sebagai *black spot*, kawasan yang kerap berlaku kemalangan. Kawasan kerap berlaku kemalangan ini didefinisikan sebagai kemalangan yang tiga kali lebih kurang keadaan yang sama tiga kali dalam tempoh tiga tahun berturut-turut berlaku kemalangan di kawasan tersebut, maka ia disifatkan sebagai kawasan *black spot* ataupun kawasan berlaku kerap kemalangan. Jalan ini sudah kita naik tarafkan dengan *micro surfacing* dan juga kita pasang *rumble strip* untuk memperlahankan kenderaan supaya kenderaan perlahan.

Kedua ialah di Labuhraya Kuala Lumpur-Karak juga di Kilometer 46.5 Bukit Tinggi. Penambahbaikan yang sama dilaksanakan iaitu membaiki *surface* dan juga memasang grip untuk memperlahankan kenderaan. Sebagaimana saya katakan tadi mengikut kajian, kalau kita melihat sebenarnya kemalangan ini lebih kepada berpunca kecuaihan manusia. Memang bentuk muka bumi kawasan ini ialah berbukit-bukau sebab itu kelajuan dihadkan 70 ke-90 km/jam. Kalau kita melihat kajian, kalau dikatakan kawasan ini gelap tetapi bila kekerapan berlaku kemalangan lebih banyak pada waktu cuaca yang baik dan waktu siang. Itu mengikut kajian dan rekod yang ada.

■1040

Jadi, maknanya bukan keadaan jalan tetapi lebih kepada kecuaiannya kita sebab kita hendak laju dan bila waktu hujan kurang kemalangan sebab orang lebih berhati-hati waktu hujan. Ini mengikut catatan yang kita rekodkan sebab itu kalau berlaku waktu siang kemalangan 64 peratus, waktu malam 34 peratus sahaja. Manakala kemalangan waktu cuaca baik 71 peratus berbanding dengan waktu cuaca hujan 29 peratus. Ini yang saya katakan tadi imbangannya ialah lebih kepada sifat kita sebagai pemandu. Kalau kita mengikut peraturan dan berhati-hati, menjaga kenderaan kita, memandu secara berhemah, *insya-Allah* inilah cabaran untuk kita sebenarnya mengurangkan kemalangan dan kita akan terus bekerjasama dengan agensi lain untuk memastikan supaya kita akan sentiasa berhati-hati di jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pengamatan saya, fenomena yang kita dapati di jalan-jalan raya kita di seluruh negara, sama ada jalan JKR ataupun yang dikendalikan oleh swasta ialah banyak tanda kita nampak tentang wujudnya perangkap laju tetapi lalulah memang tidak ada perangkap laju. AES pun sudah tidak berfungsi sekarang.

Saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah kita membuat perancangan dalam satu masa yang ke hadapan? Katalah lima tahun daripada sekarang, seluruh jalan raya kita ada papan tanda perangkap laju tetapi ada juga pelaksanaannya demi mengurangkan kemalangan jalan raya. Pada pengamatan saya berbanding dengan banyak negara, memang pun rakyat Malaysia sangat tidak bertanggungjawab atas jalan raya. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Adam. Untuk makluman, dalam bidang penguatkuasaan yang mengawal selia peraturan berhubung kait dengan jalan raya, kita ada Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga KDN melalui polis sudah pasti. Di peringkat kementerian, kita hanya bertanggungjawab untuk membina jalan tetapi kita akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan juga MIROS bagi memastikan bahawa jalan yang kita bina mesti mematuhi standard dan audit dilaksanakan oleh mereka untuk memastikan jalan daripada segi semua aspek keselamatan mesti dipatuhi.

Itu yang kita laksanakan tetapi kita akan sentiasa bekerjasama dengan mereka dan untuk lebuh raya dan sebagainya, memang ada bidang kuasa kita untuk menetapkan had laju. Itu sahajalah bidang kuasa kita. Akan tetapi sama ada untuk menguatkuasakan daripada segi *speed trap* dan sebagainya, itu jatuh di bawah JPJ dan juga di bawah Jabatan Polis KDN. Jadi, kita akan sampaikan maklumat ini dan kita akan bersama-sama dengan mereka untuk mempertingkatkan daripada segi penguatkuasaan peraturan jalan raya ini. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat.

3. Datuk Hajah Rohani binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, peruntukan yang disediakan untuk mangsa-mangsa banjir di Pantai Timur yang dijangka akan melanda pada hujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa membantu rakyat yang ditimpa musibah banjir di seluruh negara. Jadi, bantuan wang ihsan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara sebanyak RM500. Ini merupakan bantuan yang diberikan kepada ketua isi rumah yang layak.

Penyerahan ini bukan hanya diberikan kepada mangsa bencana di Pantai Timur, tetapi agihan ini akan dibuat di seluruh negara. Agihan ini akan mengguna pakai senarai yang didaftarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu berdasarkan kepada orang yang berpindah. Akan tetapi bagi mereka yang tidak berpindah, senarai itu hendaklah didaftarkan oleh JKKK dan selepas itu disahkan oleh pejabat daerah dan selepas itu pejabat daerah akan menghantar kepada Majlis Keselamatan Negara untuk dibuat pembayaran.

Dalam kes Perlis, Perlis tidak ada pejabat daerah. Jadi, bolehlah dirujuk pada Pejabat Kemajuan Negeri ataupun MKN sendiri yang menghantar terus kepada Majlis Keselamatan Negara setelah mendapat pengesahan daripada mungkin UPD ataupun Pejabat Kemajuan Negeri.

Walau bagaimanapun, agihan bantuan ihsan daripada Kerajaan Persekutuan ini bukanlah merupakan bentuk pampasan yang merupakan kerugian yang dialami oleh mangsa tetapi bukti keprihatinan kerajaan untuk mengurangkan beban mangsa yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda. Pemberian ini juga bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Soalan saya, apakah kerajaan mempunyai perancangan jangka panjang dalam merangka pelan tindakan daripada segi penstrukturan semula bangunan dan kemudahan awam bagi mengelak daripada berlakunya banjir? Bagaimanakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah dan juga kelemahan di pusat pemindahan banjir dari pelbagai aspek daripada memberi keselesaan kepada mangsa banjir? Akhirnya, berapakah jumlah anggota keselamatan yang terlibat dalam persediaan menghadapi banjir pada tahun ini pada keseluruhannya? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perancangan jangka panjang, kita bersetuju dengan cadangan-cadangan Yang Berhormat dan saya minta supaya pihak yang berwajib di seluruh negara terutamanya kerajaan negeri dan kerajaan tempatan supaya mengambil kira perkara ini sebelum membenarkan apa-apa pembangunan dibuat.

Saya bagi contoh, ada sebuah kawasan di Sarawak di mana pembangunan asalnya ialah di tanah rendah iaitu di Bintulu tetapi sekarang ini pembangunan di buat di kawasan yang tinggi. Longkang dan perparitan tidak mempunyai saiz yang mencukupi untuk disalurkan air ke kawasan sungai ataupun laut menyebabkan banjir sering berlaku. Jadi, masa akan datang menyeru kerajaan negeri supaya ukur betul-betullah longkang yang hendak dibina di kawasan baru yang terpaksa melalui kawasan yang lama. Kalau yang terbaiknya, sepatutnya longkang itu dibuat terus ke sungai dan bukan menumpang kepada perumahan yang lama. Jadi ini ialah untuk jangka panjang, meminta kerajaan negeri, Majlis Perbandaran supaya memikirkan perkara ini kerana kuasa membangun ini ialah kuasa kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan. Jadi Yang Berhormat yang berada di peringkat negeri, tolong bagi cadangan kepada mereka supaya perkara-perkara ini diperhatikan.

Kemudian yang keduanya, di pihak Kerajaan Pusat kita akan meningkatkan projek tebatan banjir yang kita lihat telah dapat mengurangkan banjir tetapi kita kena ingat, tebatan banjir ini kebanyakannya ialah pembesaran sungai dari kawasan takungan ataupun daripada mana-mana sumber air mengalir, maka kita harapkan banjir tidak berlaku. Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekarang ini banjir berlaku bukan kerana sumber air tetapi banjir berlaku kerana hujan dan banjir besar yang berlaku baru-baru ini di Kuantan dan di Kemaman dan juga beberapa buah tempat lagi kerana hujan yang lebat luar biasa yang berlaku dalam tempoh 100 tahun yang dahulu.

■1050

Kemudian yang keduanya, pusat perpindahan memang diperbaiki dari semasa ke semasa dan sekarang ini sebelum banjir hari itu pun kita telah galakkan supaya semua Jawatankuasa Banjir di peringkat negeri memperbaiki bilik air di peringkat sekolah di mana tempat yang selalu kita pindahkan mangsa banjir seperti yang berlaku di Kelantan, di mana sekolah itu menyediakan tempat bilik air dan di situ juga tempat mandi. Cuma yang silapnya ialah bila tiada banjir, mereka tidak gunakan tempat itu. Akhirnya tempat itu rosak. Telah kita syorkan supaya tempat itu digunakan. Mungkin diberi kepada guru-guru dan sebagainya jadi tempat perpindahan.

Kemudian yang keduanya, kerajaan pada 25 hari bulan ini kita akan dapat khemah baru dan juga *partition* baru ya kerana kita terpaksa panggil ikut tender. Hendak beli macam itu pun boleh, memang ada dalam pasaran tetapi kita beli ikut tender sebab ia akan menimbulkan masalah di kemudian hari. Jadi, benda itu akan menjadi kenyataan iaitu 4,000 unit khemah dan juga 2,000 lebih *partition*. Kemudian kedudukan anggota mencukupi Yang Berhormat, di semua tempat yang dijangka berlaku banjir. Pada masa sekarang dengan *typhon Tagohit*, saya lupa nama *typhon* di *Philippine*, *typhon* besar yang sedang melanda *Philippine* sekarang. Jadi monsun kita kena sekarang ini, sudah masuk ke fasa yang kedua. Kita bersiap siaga di seluruh negara dan kita pun semua tidak bercuti untuk memastikan supaya mangsa banjir dapat dipindahkan ke pusat banjir yang sekarang ini sudah ada peningkatan dan juga kebaikan.

Kita telah arahkan supaya, dulunya kita hanya bagi makan makanan *fresh* selepas tiga hari, tetapi sekarang pada hari kedua, kita sudah bagi makanan *fresh*. Jadi semuanya dipastikan berada dalam keadaan yang baik dan saya mohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua supaya sama-sama berada di tempat banjir dan sama-sama menyertai sukarelawan dan juga jawatankuasa banjir yang kita gerakkan dalam masa 24 jam dari semasa ke semasa.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang mana setiap kali banjir berlaku akan menyebabkan kemusnahan, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah badan bertindak sebagai menyalurkan bantuan dan juga mengkoordinasi kerja-kerja pembaikan memandangkan pada masa yang lepas timbul banyak kekeliruan dalam mendapatkan bantuan dan ketidakseimbangan bantuan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Roslin. Apa Yang Berhormat timbulkan ialah apa yang berlaku di Kuantan, saya tahu ya, Kuantan dan juga persekitaran termasuk Kemaman. Ini banjir yang besar, yang tidak pernah berlaku di Malaysia dalam bentuk yang begitu teruk. Apa yang berlaku di Kuantan di mana perpindahan dalam masa dua hari dengan menggunakan logistik yang sedia ada, melebihi 30,000 orang. Jadi satu gerakan manusia yang begitu hebat yang telah dibuat dan semasa mereka berpindah di pusat-pusat yang boleh menampung contohnya, satu pusat itu boleh menampung 1,000 orang tetapi kita bubuh 5,000 orang. Jadi hari yang pertama memang ada sedikit kekurangan, tetapi hari yang kedua dan saya sendiri berada di Kuantan mengetuai operasi tersebut. Hari yang kedua, semuanya berjalan dengan elok dan hari yang ketiga paling elok kerana semua anggota kerajaan Pahang pun turun bersamasama.

Namun apa yang berlaku selepas itu, saya minta maaf sebab saya kena sebut ini, media mungkin temu duga beberapa orang yang mungkin tidak puas hati ya. Akan tetapi saya rasa majoritinya berpuas hati. Apabila hari yang ketiga, semua sekali gerakan yang telah dianjurkan itu telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Sekarang ini kita ada jawatankuasa banjir di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan, di peringkat daerah dipengerusikan oleh pegawai daerah. Akan tetapi bila berlaku banjir, pejabat polis daerah itu akan mengetuai pergerakan yang pertama untuk menggerakkan perpindahan dan sebagainya.

Di pusat perpindahan, kita serahkan pada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang akan menyediakan makanan, tempat masak dan juga lain-lain. Tempat masak ini pun ada pelbagai. Ada sesetengah tempat, mereka mahu peralatan mereka sendiri dan ada sesetengah tempat mereka minta kita bawa dapur tentera. Jadi yang ini di pusat perpindahan, ia telah berjalan dengan lancar. Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, berita terbaru, saya telah minta supaya semua sekali di Parlimen-Parlimen mengambil pegawai sementara. Saya galakkan kalau boleh *graduate* yang masih menganggur, sekurang-kurangnya tiga ataupun empat orang bagi tiap-tiap kawasan. Kita ambil serta-merta dan mereka ini boleh bertugas dalam masa enam bulan sebagai pegawai kebajikan masyarakat untuk tujuan pendaftaran dan juga pengendalian pusat perpindahan.

Kadangkala pusat perpindahan ini dikendalikan oleh seorang kerani dan dia terpaksa mengendalikan 5,000 orang. Jadi kita boleh bayangkan bagaimana dia boleh buat semua perkara ini dan dia kadangkala bekerja 24 jam. Sekarang ini JPA sebenarnya sudah ada semua sekali jabatan, ada yang telah sedia maklum tetapi sesetengah jabatan tidak tahu tentang ada sekular daripada JPA bahawa mereka boleh ambil pegawai tugas harian serta-merta untuk melaksanakan fungsi-fungsi kerajaan terutamanya bagi keadaan-keadaan darurat dan sebagainya.

Jadi, pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam barisan menghadapi apa-apa bentuk bencana kena faham benda ini bahawa kita boleh rekrut serta-merta sama ada kita ambil Tok Empat pun boleh, kita ambil pengerusi JKKK pun boleh ataupun siapa sahaja yang kita rasa boleh membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengendalikan pusat perpindahan. Jadi pusat perpindahan sekarang, kita mempunyai cukup anggota pentadbiran itu.

Daripada segi anggota untuk mengendalikan logistik daripada tentera, polis, JPAM dan sebagainya sudah cukup tetapi yang untuk di pusat perpindahan, kita mempunyai bukan sahaja pegawai, kerani ataupun pegawai tetapi kita mempunyai *graduate* kita yang belum bekerja itu supaya mereka mengendalikan tempat tersebut.

4. Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian akan mengambil khidmat syarikat atau agensi pengutip hutang (*debt collection agency*) bagi mengutip wang peminjam tegar sebanyak 170,000 orang peminjam PTPTN yang masih tidak mahu membayar balik wang tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah. Soalan tentang PTPTN. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak berhasrat untuk menggunakan khidmat agensi pengutip hutang kerana kaedah dan pendekatan kutipan yang digunakan oleh mereka adalah kurang mesra pelanggan di mana ia akan menjejaskan reputasi Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, semalam sahabat saya menelefon saya dan menyatakan bahawa anak beliau baru saja enam bulan bekerja dengan sebuah sekolah. Beliau menyatakan, beliau bertanya kepada anak beliau, adakah kamu telah membayar PTPTN kamu? Maka jawab beliau tidak ada sesiapa pun yang menghubungi beliau. Tidak seperti mana yang kita lihat, Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun *Income Tax*, bila kita bekerja saja, maka potongan terus akan dibuat. Jadi kalau kita tidak menggunakan agensi *debt collectors*, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengutip wang kerana kalau kita melihat wang yang begitu besar dibelanjakan untuk PTPTN ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada ayah pelajar tersebut yang memberi peringatan kepada anak beliau supaya mengambil pendekatan untuk membayar.

■1100

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan peminjam membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. Sebenarnya, saya akan berkongsi lebih kurang enam cara yang telah kita guna pakai.

Pertamanya, kita telah mempelbagaikan saluran pembayaran balik di kaunter PTPTN dan melalui bank utama, Pos Malaysia serta perbankan internet. Kedua, PTPTN juga telah membuka 25 buah cawangan PTPTN di lokasi strategik di seluruh negara bagi memudahkan peminjam mengadakan rundingan untuk penyelesaian pinjaman, penstrukturan ataupun penjadualan semula pinjaman ataupun penangguhan bayaran balik. Ketiga, kita juga mengenakan tindakan penguatkuasaan perundangan serta senarai hitam oleh Jabatan Imigresen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi, sehingga 31 Oktober 2014 seramai 134,008 orang peminjam melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM2.4 bilion telah disenaraihitamkan di Jabatan Imigresen. Daripada jumlah tersebut, seramai 48,430 orang peminjam telah datang berunding dan membuat pembayaran melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM244.5 juta. Seramai 107,064 orang peminjam telah dikenakan tindakan saman yang melibatkan amaun pinjaman sebanyak RM1.7 bilion.

Seterusnya, promosi pemberian diskaun 20 peratus untuk penyelesaian pinjaman secara sekali gus bagi tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013 dan bagi tempoh 10 Oktober 2014 sehingga 31 Mac 2015. Promosi pembayaran rebat 10 peratus untuk pembayaran konsisten mengikut jadual pembayaran balik selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015.

Memperkenalkan program Sahabat bagi mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan atau swasta bagi menggalakkan kakitangan memilih kaedah potongan gaji bagi bayaran balik pembiayaan dan penambahan deposit SSPN-i di samping menjana pendapatan sampingan kepada Sahabat PTPTN. Setiap agensi yang menyertai program ini akan menikmati pemberian komisen sebanyak RM10 bagi bayaran balik pinjaman secara potongan gaji kali pertama yang berjaya. Di samping itu, pemberian komisen sebanyak RM2 bagi setiap pembukaan akaun SSPN-i yang berjaya dan 50 sen bagi penambahan deposit SSPN-i yang dilaksanakan secara potongan gaji turut diberikan kepada Sahabat PTPTN.

Terkini Yang Berhormat menyenaraikan peminjam tegar ke dalam sistem maklumat rujukan kredit berpusat (CCRIS) mulai Januari 2015. Prestasi bayaran balik sejak pengumuman CCRIS pada 3 November 2014 bagi tempoh 1 hingga 30 November 2014 yang adalah sebanyak RM74.85 juta. Perbandingan prestasi sebelum dan selepas pengumuman CCRIS untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dari 1 hingga 31 Oktober 2014, RM58.11 juta dan daripada 1 hingga 30 November 2014, RM74.85 juta dapat kita pulang balik. Peningkatan sebanyak RM16.74 juta dengan purata kutipan harian meningkat daripada RM1.8 juta kepada RM2.5 juta bagi tempoh tersebut. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa PTPTN mempunyai satu insentif iaitu menukarkan pinjaman ke status geran bagi pelajar-pelajar yang mendapat *first class*. Polisi ini untuk fikiran saya memang bagus tetapi mempunyai kelemahan sedikit sebab ia dengan izin, *strictly base on merit*, tidak mengambil kira sama ada pelajar itu daripada pedalaman, orang-orang Sabahkah, Orang Asli dan orang-orang daripada golongan yang tertinggal. Bila polisi ini *strictly base on merit* dengan izin, hanya sekumpulan mereka dari bandar ataupun mereka yang mempunyai lebih banyak ilmu, buku-buku boleh mendapat *first class* menyebabkan mereka dari tempat lain tertinggal. Saya hendak tahu sama ada PTPTN ataupun Kementerian akan mengkaji balik polisi hendak menukar geran ini supaya mereka dari tempat lain pun yang tertinggal dapat menikmati insentif ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dasar yang telah kita luluskan ini yang mana memberi pengecualian bayaran balik kepada pelajar-pelajar merupakan satu cara yang terbaik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang telah memakai gunakan sistem ini setakat 31 Oktober 2014, lebih 22,521 orang pelajar telah menerima faedah daripada sistem ini dan sistem ini tidak digunakan secara pelajar-pelajar bandar atau luar bandar.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, 22,521 ini melingkungi semua pelajar Malaysia di seluruh negara di bandar, di luar bandar, anak-anak Orang Asli, anak-anak di pedalaman, semua telah pun menikmati polisi ataupun dasar yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Walau bagaimanapun, cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat akan kita teliti dan kita rasa jurang pembelajaran di antara bandar dengan luar bandar kita sekarang dalam proses untuk merapatkan jurang tersebut dan apabila ini berlaku, kita pasti pelajar-pelajar lagi pun universiti-universiti di mana mereka belajar ini kebanyakannya di bandar. Maka pelajar-pelajar di luar bandar sudah ditempatkan di bandar dalam IPTA dan IPTS berkenaan. Maka isunya tidak timbul tetapi cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat akan kita teliti dan sekiranya dapat menambah baik lagi proses ini kita akan cuba laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

5. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan, status UNESCO *Global Geopark Langkawi* yang telah menerima *Yellow Card* daripada pihak UNESCO kerana kegagalan pematuhan beberapa kriteria oleh pihak-pihak berkenaan serta bagaimana usaha baik pulih, pematuhan dan penjagaan yang dijalankan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan pihak UNESCO mengeluarkan *Yellow Card* kepada *Global Geopark Langkawi* adalah tidak benar, sebaliknya Langkawi masih memegang status *Geopark* Kad Hijau yang diiktiraf sebagai Ahli

Global Geoparks Network sejak 1 Jun 2001 hingga sekarang. Pengiktirafan ini akan dinilai semula setiap empat tahun bagi memastikan kriteria keahlian dipatuhi.

Langkawi Geoparks sebenarnya telah diberi pengiktirafan kali kedua bagi tempoh empat tahun bermula dari tahun 2012 hingga 2015. Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sebagai agensi penyelaras sentiasa memberi penekanan dan perhatian serius mempertahankan status pengiktirafan *Langkawi Geoparks* oleh pihak UNESCO. Melalui *Blueprint* Pelancongan Langkawi 2011 hingga 2015, Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM45 juta bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf kemudahan pelancongan sedia ada dan projek baharu seperti *Geoparks Discovery Centre*, jeti pelancongan dan kemudahan pusat pelawat di bawah inisiatif Ikonik *Geoparks*.

Berdasarkan perancangan dan inisiatif yang dinyatakan, persediaan yang teliti dan lengkap telah direncanakan bagi menghadapi penilaian kedua oleh UNESCO yang dijangkakan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2015. Sekian, terima kasih.

■1110

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih. Jadi Langkawi menerima berjuta-juta pelancong saban tahun termasuk juga di Pulau Langkawi sendiri terdapat penduduk tempatan. Soalan saya, bagaimanakah pihak kerajaan mendidik terutama para pelancong yang datang ke Langkawi terutamanya dari sudut pembuangan sampah bagi memastikan status *Geopark* ini terjaga? Ini terutamanya dari sudut pembuangan sampah-sampah plastik yang boleh dikitar semula. Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya daripada segi jumlah pelancong yang masuk ke Langkawi tahun 2012 sebanyak 2.9 juta, tahun 2013 telah meningkat sehingga 3.14 juta. Memang daripada segi untuk melihat terutamanya mengekalkan pengiktirafan daripada segi kad hijau ini, sebenarnya dia mempunyai beberapa kriteria di mana kriterianya juga terlibat dalam pengiktirafan *Geopark* ini di mana ia ingin melihat pengurusan dan penglibatan komuniti, pembangunan ekonomi, pendidikan dan juga konservasi dan juga pemulihan.

Maka sebenarnya, langkah-langkah ini ada dibina dan dijalankan oleh terutamanya dengan pihak LADA, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bukan sahaja untuk memberi didikan kepada pelancong tetapi penting juga untuk memberi pendidikan kepada daripada segi orang-orang tempatan supaya mereka boleh memberitahu maklumat tersebut kepada pelancong. Memang daripada segi pembuangan sampah ia merupakan sesuatu cabaran yang perlu dihadapi kerana dengan adanya peningkatan pelancong, maka daripada segi sampah-sarap yang perlu dikendalikan kian meningkat. Maka daripada segi Kerajaan Persekutuan, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak LADA dan kerajaan negeri untuk cuba menambah baik daripada segi sistem yang dilaksanakan sekarang. Sekian, terima kasih.

6. Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang menghina pemimpin dan Institusi Raja-Raja. Apa undang-undang yang ada sekarang ini yang harus diperketat atau adakah perlu menggubal undang-undang baru untuk mengelakkan perbuatan ini dari berulang lagi.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang yang sedia ada bagi melindungi kemuliaan Institusi Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong adalah mencukupi. Perlembagaan Persekutuan menjamin kedudukan istimewa Institusi Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong. Di antaranya dalam Perkara 32, Perkara 38 dan Perkara 71.

Perbuatan menghina atau mengeluarkan kenyataan yang menghina Institusi Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong boleh terjumlah sebagai satu kesalahan yang diperuntukkan di bawah beberapa undang-undang sedia ada seperti berikut:

- (i) subseksyen 4(1) Akta Hasutan Tahun 1948 [*Akta 15*];
- (ii) seksyen 425 Kanun Keseksaan [*Akta 574*]; dan

(iii) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Peruntukan-peruntukan undang-undang yang dinyatakan sebentar tadi juga terpakai bagi perbuatan menghina atau mengeluarkan kenyataan yang menghina pemimpin negara. Tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terdapat keterangan dan bukti yang kukuh kerana menghina Institusi Raja-Raja, Yang di-Pertuan Agong dan pemimpin negara ialah dituduh di mahkamah di bawah mana-mana peruntukan undang-undang jenayah yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Datuk Raja Ropiah bin Raja Abdullah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya nampak bahawa akhir-akhir ini walaupun ada peruntukan dalam undang-undang tetapi lagi ditegur perbuatan ini nampak gayanya lagi berleluasa dan seolah-olah seorang yang menghina pemimpin dan Raja-Raja itu seorang hero dan ada juga pengikut-pengikutnya.

Alvin Tan umpamanya boleh dikatakan seorang yang pengecut juga kerana telah keluar negara, lari dari negara tetapi dari luar negara dia meneruskan penghinaannya baru-baru ini. Saya hanya ingin tahu bahawa adakah langkah-langkah lain yang kerana kita tidak mahu ini menjadi ikutan. Langkah-langkah lain yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk menentukan bahawa penerapan nilai-nilai murni dan menghormati Raja-Raja dan pemimpin-pemimpin utama diadakan.

Seterusnya saya ingin juga menyatakan bahawa sedikit sebanyak perbuatan penghinaan ini ada menimbulkan rasa ketidaktenteraman rakyat jelata dan boleh juga dikatakan mengganggu-gugat keselamatan negara kalau dibiarkan berleluasa dan menjadi ikutan. Jadi inginlah saya tahu bahawa bolehkah orang yang tidak setia kepada negaranya, kepada Raja-Rajanya dan pemimpin-pemimpinnya dilucutkan kerakyatan. Saya ingin tahu. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Agak panjang sedikit soalan tadi tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita cuba menjawab seberapa yang boleh. Pertama tadi mengenai kesalahan misalnya contoh nama yang disentuh tadi ialah fasal Alvin Tan dan kesalahan-kesalahan yang telah menghina Raja sehingga menimbulkan ketidaktenteraman di dalam negara kita. Itu kita sedari, sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini telah dalam satu persidangan sebelum ini telah menyatakan untuk mengekalkan Akta Hasutan di mana kita melihat potensi mereka yang sering kali memprovokasi kerajaan untuk seolah-olah mencabarkan kerajaan untuk diambil tindakan.

Namun begitu, yang diperketat adalah lebih kepada Institusi Kesucian Islam dan juga agama-agama dan juga berhubung dengan tindakan untuk mereka yang cuba menghasut supaya keluar dari Sabah dan Sarawak. Kalau Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua dan juga senator yang berada di dalam Dewan yang mulia ini mengikuti perkembangan mengenai Akta Keharmonian Nasional yang telah diuar-uarkan untuk diperkenalkan pada masa-masa yang telah dinyatakan dalam masa dua, tiga tahun ini, kita lihat bahawa melalui rang undang-undang ini nanti kalau ia telah digubal nanti, saya percaya dalam rang undang-undang ini kita juga boleh memasukkan elemen mengenai kesetiaan kepada Raja dan Negara. Memang daripada segi perundangan tidak ada masalah untuk kita menarik kerakyatan seseorang itu, tetapi ia perlu memenuhi kriteria-kriteria tertentu.

Kita juga sebagai sebuah kerajaan perlu menjadi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan perlu menilai apakah kesalahan seseorang itu sehingga ia boleh ditarik balik kerakyatannya. Jadi sebab itu untuk menjawab itu, ia bukan satu jawapan yang begitu mudah sekali untuk kita mengatakan ia tidak menarikannya tetapi ia perlu dinilai dahulu sejauh mana dengan izin, *the degree of* dia punya kesalahan itu untuk dijadikan satu alasan untuk kita menarik kerakyatannya.

Berhubung dengan kes yang disabitkan ataupun kesalahan yang dilakukan oleh Alvin Tan ini dan mereka yang telah banyak memprovokasi kerajaan, bukan kita tidak mengambil tindakan, bukan kita tidak tahu atau tidak mahu mengambil tindakan tetapi untuk mendakwa mereka yang menggunakan *social media* ini agak sukar sedikit untuk kita. Ia tidak begitu mudah untuk kita dapat mengambil tindakan begitu sahaja kerana kalau menggunakan *social media* misalnya *Facebook*, kita terpaksa melalui beberapa sebab dia punya *source* itu dari luar negara.

■1120

Jadi, kita perlu juga bantuan dari negara lain tetapi ini memerlukan masa yang begitu panjang. Buktinya, daripada segi *evidence*, dengan izin, buktinya sama ada orang itu yang melakukan kesalahan juga perlu dilakukan kerana adanya menggunakan *multiple account*, dengan izin.

Jadi ada lagi perkara-perkara lain, misalnya sama ada dia menggunakan *cyber cafe* misalnya. Walaupun menggunakan nama seseorang, 'A' misalnya, tetapi untuk membuktikan sama ada orang itu betul-betul melakukan kesalahan itu, ia memerlukan masa yang begitu panjang juga kerana mungkin dia pergi ke *cyber cafe* menggunakan nama akaun Mr. 'A' tetapi bukan dia, mungkin kerana - kalau tidak ada bukti daripada segi misalnya tak ada *image evidence*, dengan izin, kita nak membuktikan sama ada orang itu betul-betul melakukan kesalahan itu agak sukar. Jadi, sebab itu mereka yang melakukan kesalahan di bawah sosial media ini mengambil masa untuk kita mendakwanya kalau dapat bukti yang sah. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita selaku rakyat marhaen yang sentiasa mendaulatkan Institusi Raja-Raja, kita tidak mahu satu hari rakyat bangkit untuk menentang Institusi Raja-Raja kerana kita sentiasa mendaulatkan mereka. Soalan saya, apakah pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan kepada individu-individu di istana yang telah ataupun menyalahgunakan kuasa selaku orang-orang yang kita daulatkan? Jadi, apakah pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan dalam hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya tadi. Berhubung dengan Institusi Diraja, pertama sekali, kalau seseorang yang mempunyai gelaran itu tetapi bukan memegang jawatan dalam kapasitinya, bukan sebagai Raja pada masa melakukan jenayah ataupun melakukan kesalahan, kalau Yang Berhormat Senator ingat, pada satu masa ketika dahulu ada diluluskan satu - dibenarkan untuk mengambil tindakan, ada mahkamah istimewa untuk mereka yang menduduki kalau kapasitinya sebagai seorang Raja.

Akan tetapi kalau seseorang itu cuma menjadi kerabat melakukan kesalahan jenayah misalnya, kalau kita lihat pada beberapa tahun kebelakangan ini, ada juga kes itu diambil di mahkamah secara biasa oleh sebab seseorang itu tidak memegang jawatan dalam Institusi Diraja itu sendiri. Cuma, kita ada melindungi- bukan perlindungan tetapi mempunyai sebuah mahkamah khas untuk mereka yang memegang jawatan dalam kapasiti sebagai Raja tetapi kalau belum lagi memegang jawatan itu, ia masih juga menggunakan prosedur yang biasa iaitu prosedur mahkamah biasa. Terima kasih.

7. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) peratus tahunan kebergantungan hasil Kerajaan Persekutuan kepada sumber minyak setiap tahun sejak tahun 2010 hingga kini dan purata tahunan harga minyak mentah piawai *Brent* sejak tahun 2010; dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan akan membuat pindaan kepada Bajet 2015 memandangkan harga minyak mentah piawai *Brent* kini jatuh ke paras USD82.00 setong tetapi anggaran hasil Kerajaan Persekutuan mengikut Bajet 2015 adalah berdasarkan harga minyak mentah USD110.00 bagi tahun 2014 dan USD105.00 bagi tahun 2015.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Khalid. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang dijadualkan pada 11 Disember 2014.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Chua Tee Yong: Tuan Yang di-Pertua, hasil berkaitan petroleum menyumbang 35.4 peratus atau RM56.5 bilion daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2010. Pada tahun 2011, sebanyak 35.8 peratus atau RM66.4 bilion.

Pada tahun 2012, sebanyak 33.7 peratus atau RM70.2 bilion dan pada tahun 2013 menyumbang 31.2 peratus atau RM66.6 bilion. Sumber hasil ini terus dijangka menurun pada tahun 2014 dan dianggarkan menyumbang sebanyak 29.7 peratus atau RM66.9 bilion daripada jumlah hasil keseluruhan. Trend tersebut menunjukkan kebergantungan kepada hasil berasaskan petroleum telah berkurangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, purata harga minyak mentah piawai Brent pada tahun 2010 adalah sebanyak USD79.73 setong; tahun 2011 sebanyak USD111.05 setong; tahun 2012 sebanyak USD111.94 setong; dan pada tahun 2013 adalah sebanyak USD108.82 setong. Manakala purata harga bagi bulan Januari hingga Oktober 2014 adalah pada USD104.64 setong.

Namun yang demikian, perlu dijelaskan di sini bahawa penyediaan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan unjuran purata harga minyak mentah piawai Tapis dan bukannya Brent. Oleh itu, anggaran hasil Kerajaan Persekutuan disemak 2014 yang berjumlah RM225 bilion adalah berdasarkan unjuran purata harga Tapis sebanyak USD110 setong. Manakala anggaran hasil Kerajaan Persekutuan 2015 adalah berdasarkan unjuran purata harga tapis sebanyak USD150 setong. Secara relatifnya, penurunan harga minyak mentah dunia pada masa ini tidak memberikan kesan yang ketara ke atas anggaran hasil 2014. Sehingga kini, purata harga minyak mentah Tapis dari Januari hingga 25 November 2014 adalah sebanyak USD107 setong.

Kerajaan akan terus berhati-hati memantau perkembangan ekonomi dan kewangan global serta kesannya kepada ekonomi domestik dan kedudukan fizikal. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan sasaran mikro ekonomi dan peningkatan kesejahteraan rakyat dapat dicapai sebagaimana yang dihasratkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah langkah kerajaan yang akan diambil jika harga minyak antarabangsa naik dan menyebabkan harga petrol pam RON95 meningkat secara mendadak? Juga, mengapakah kerajaan masih yakin untuk mencapai sasaran bajet defisit 3.5 peratus untuk tahun 2014? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan. Nombor satu, daripada segi harga pam, sebenarnya kerajaan telah mengumumkan untuk menjadikan harga pam *difloatkan* secara purata satu bulan kerana tujuannya untuk memastikan daripada segi harga pam pada masa sekarang mengikut trend harga minyak antarabangsa. Kita tidak ada keadaan di mana kita perlu mengenakan cukai kepada rakyat apabila mereka menggunakan terutamanya RON95. Maka, tujuan kerajaan mengapungkan harga minyak adalah untuk memastikan rakyat mendapat manfaat terutamanya daripada segi trend penurunan harga minyak.

Nombor dua, daripada segi pencapaian sasaran bajet terutama defisit pada 3.5 peratus, ia adalah berasaskan dengan anggaran purata harga Tapis untuk bulan Disember 2014 pada USD72 setong. Purata tahunan bagi 2014 adalah sebanyak USD104. Walaupun purata tahunan tersebut lebih rendah berbanding dengan anggaran awal, trend penurunan ini tidak akan menjejaskan sasaran pencapaian kerana nombor satu, pengiraan dan kutipan cukai dilaksanakan secara bulanan dan bukannya secara tahunan; kutipan cukai petroleum setakat ini telah pun mencapai lebih daripada 90 peratus; kerajaan juga telah pun menerima pembayaran penuh bagi dividen dari Petronas; dan akhirnya, trend kejatuhan harga minyak hanya berlaku pada bulan-bulan akhir untuk tahun 2014. Sekian, terima kasih.

■1130

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, adakah perlu kerajaan menilai semula perbelanjaan operasi kerajaan daripada segi penjimatan emolumen yang meningkat sebanyak 7.6 peratus dari tahun 2014 dan perbelanjaan bekalan dan perolehan kerajaan agar susutan dalam perolehan cukai bahan petroleum ditampung dengan penjimatan perbelanjaan operasi. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Okey, terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

Daripada segi kalau kita melihat terutamanya untuk unjuran tahun depan, dengan adanya pengapungan daripada segi harga minyak di mana harga pam pada masa sekarang, kerajaan mendapat penjimatan terutamanya daripada subsidi yang perlu ditanggung.

Nombor dua, daripada segi peningkatan emolumen. Kalau kita melihat sebenarnya pada Bajet 2015, kita telah menjangka daripada segi peningkatan pendapatan sebanyak 4 peratus. Akan tetapi daripada segi pengurusan, kita hanya mengunjur perbelanjaan meningkat sebanyak 1 peratus. Maka, kerajaan sentiasa menilai untuk mengutamakan terutamanya pada akhir lima tahun ini sebelum Wawasan 2020 untuk meningkatkan terutamanya bajet pembangunan yang perlu diutamakan. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

8. Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan mempunyai sebarang cadangan untuk meminda Akta Profesion Guaman 1976 untuk membolehkan persatuan profesional lain bagi profesion tersebut ditubuhkan di dalam mengawal selia profesion tersebut. Ini seiring dengan amalan negara maju di United Kingdom yang mempunyai empat (4) *Inns of Court* yang boleh menjadi pilihan untuk tujuan keahlian dan kawal selia disiplin para peguam di UK. Sedikit waktu dahulu ada ura-ura untuk mewujudkan Akademi Undang-undang, namun begitu tiada perkembangan susulan sehingga hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166] bagi membolehkan penubuhan suatu badan kawal selia lain selain Majlis Peguam bagi profesion undang-undang. Pada masa yang sama juga, sehingga kini masih tiada perancangan untuk meneruskan cadangan penubuhan Akademi Undang-undang. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira persoalan yang dibangkitkan oleh ramai ahli peguam kerana perkara-perkara yang berlaku dalam Majlis Peguam hari ini amat meresahkan ramai pihak. Kalau kita tengok dalam konteks prosedur pemilihan baru-baru ini, daripada 16,000 orang ahli, hanya 3,000 orang sahaja yang terlibat dalam pemilihan Majlis Peguam.

Jadi, saya kira di sini sahaja menunjukkan kredibiliti ataupun kewibawaan Majlis Peguam hari ini dipersoalkan oleh banyak pihak. Jadi saya kira kerajaan perlu mengambil contoh bagaimana *United Kingdom*, ada empat *Inns of Court* dengan izin, yang boleh menjadi pilihan bagi tujuan keahlian dan kawal selia disiplin para peguam di UK. Jadi saya kira dalam konteks hari ini, dengan kredibiliti dan kewibawaan Majlis Peguam yang sentiasa dipersoalkan, apakah kerajaan bersedia untuk mengambil pertimbangan secara serius berkenaan dengan keperluan untuk mewujudkan institusi lain selain daripada Majlis Peguam untuk mengawal selia profesion guaman? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Persoalan Yang Berhormat tadi mengenai penubuhan badan-badan lain. Kalau kita lihat daripada segi perundangan, Majlis Peguam yang ada di Malaysia ini cuma hanya satu dibenarkan di bawah undang-undang. Apa Yang Berhormat nyatakan tadi adalah satu administrasi yang perlu dibuktikan juga iaitu perlu diambil tindakan oleh pihak-pihak yang mempunyai kapasiti untuk menjadi ahli dalam Majlis Peguam.

Saya rasa ramai di Malaysia ini yang boleh menjadi ahli Majlis Peguam dan boleh mengambil tindakan secara dalaman ataupun mengambil tindakan undang-undang kalau ada buktinya. Namun begitu, kalau kita hendak mengatakan kita hendak menubuhkan badan lain, boleh tetapi tidak mempunyai bidang kuasa ataupun tidak boleh mempunyai kuasa yang sama seperti mana Majlis Peguam yang ada sekarang. Ini kerana kita hanya membenarkan di bawah undang-undang juga iaitu hanya satu Majlis Peguam yang boleh dibenarkan di bawah undang-undang. Kalau sekiranya wujud badan-badan yang lain, ia tidak mempunyai kuasa yang sama.

Kalau daripada segi apa yang diamalkan di negara seperti di United Kingdom, yang diwujudkan seperti *Inns of Court* dengan izin, ia hanya menyediakan sokongan. Sebuah badan yang menyediakan sokongan untuk peguam dan pelajar lepasan undang-undang ataupun *apprentice* dengan izin, melalui pelbagai rangkaian atau jenis aktiviti pembelajaran ataupun kemudahan untuk aktiviti sosial seperti tradisi *diningnya* dengan izin, akses kepada bilik-bilik dan taman-taman di *inns* tersebut.

Dan ada peruntukan pelbagai jenis geran dan biasiswa. Sesiapa yang berhasrat untuk menyertai Bar, hendaklah menjadi ahli salah sebuah *inns* tersebut yang akan bertanggungjawab untuk menerima masuk atau dengan izin, *calling barrister to the Bar*. *Inns* juga berperanan dalam mentadbir Tribunal Disiplin menangani aduan yang serius terhadap peguam atau *barristers*. Jadi, kuasanya juga tidak sama dengan kuasa Majlis Peguam seperti mana di negara kita.

Jadi apa yang menjadi ketidakpuasan hati di kalangan Ahli-ahli Majlis Peguam juga yang berada di Malaysia ini, saya rasa itu perlu diambil tindakan oleh Ahli Majlis tersendiri sama ada melalui perundangan. Kalau ada buktinya ataupun secara dalaman, mungkin ada cara mereka daripada segi ia punya peraturan sendiri sebagai sebuah Majlis Peguam untuk mengambil tindakan sesama mereka sendiri supaya mereka mengikut peraturan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau empat *inns* di UK ialah untuk mengawal selia etika profesional peguam-peguam yang berkelulusan legal di UK, bagaimanakah pula para peguam yang mendapat kelulusan guaman mereka melalui CLP di Malaysia? Siapakah yang akan mengawal selia? Adakah juga Majlis Peguam atau tidak bolehkah ada sebuah badan lain untuk mengawal selia profesional etika mereka?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila seseorang itu hendak menjadi seorang peguam mengamalkan guaman di Malaysia ini, mereka terpaksa dipanggil di bar dengan izin, *they have to be called to the bar*. Jadi, mereka adalah- kalau mereka menjadi pengamal undang-undang, mereka menjadi Ahli Majlis Bar itu. Oleh sebab semuanya akan disusun atur oleh Majlis Peguam Malaysia, jadi kita tidak ada badan lain yang mengawal selianya dan tidak dapat diwujudkan badan lain untuk menyelia. Ini kerana itulah satu-satunya yang dibenarkan di bawah undang-undang. Seperti yang saya nyatakan tadi, kalaulah hendak mewujudkan badan-badan lain, ia boleh tetapi bukan mempunyai kuasa yang sama seperti kuasa yang diberi ataupun diwujudkan untuk Majlis Peguam Malaysia. Jadi, hanya satu sahaja badan untuk mengawal selia.

Kalau saya hendak boleh bagi maklumat tambahan, badan kawal selia bagi profesion lain di Malaysia ini ada, wujud. Profesion lain yang dikawal selia di bawah undang-undang adalah tertakluk kepada sebuah badan kawal selia sahaja. Antaranya adalah seperti berikut, macam mereka yang mengamalkan perubatan, Akta Perubatan yang menubuhkan Majlis Perubatan Malaysia bagi mengawal selia doktor.

Kedua ialah Akta Pendaftaran Jurutera yang menubuhkan Lembaga Jurutera Malaysia bagi mengawal selia jurutera. Ketiga, Akta Arkitek 1967 yang menubuhkan Lembaga Arkitek Malaysia, bagi mengawal selia arkitek dan keempat, Akta Juruukur Bahan 1967 yang menubuhkan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, bagi mengawal selia juruukur bahan di Malaysia ini. Jadi, samalah keadaannya dengan peguam. Kalau mereka yang mengawal hal-hal peguam ini Majlis Peguam Malaysia yang di bawah *Legal Profession Act*, dengan izin. Terima kasih.

9. Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan, penjelasan berapakah syarikat yang telah diberi lesen untuk menjalankan aktiviti *slot machine* di seluruh negara dan apakah kawalan untuk memastikan pemegang lesen tidak menyalahgunakannya dengan aktiviti seperti pembersihan wang haram dan jenayah-jenayah yang lain.

■1140

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 71 buah syarikat diberikan lesen bagi mengendalikan mesin *gaming* di bawah seksyen 27A, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Kesemua syarikat tersebut perlu mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan dan sekiranya didapati berlaku pelanggaran terma dan syarat berkenaan, lesen yang diberikan kepada syarikat boleh ditarik balik dengan serta-merta. Selain itu juga, sekiranya syarikat yang diberikan lesen mengendalikan mesin *gaming* ini terlibat dalam aktiviti perubahan wang haram, mereka boleh diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2011. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tan Sri untuk mengemukakan soalan tambahan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kerana bersama kita pada pagi ini rombongan seramai 54 orang pelajar, 15 orang guru pengiring yang diketuai oleh Cikgu Haji Mohammad Salahuddin Haji Rasul. Rombongan ini dari Sekolah Menengah Bukit Pasir, Muar, Parlimen Pagoh, kawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin. Selamat datang. Teruskan Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Soalan tambahan saya memandangkan begitu banyak persoalan yang telah dibangkitkan berhubung dengan aktiviti-aktiviti perjudian di dalam negara, apakah dasar kerajaan terhadap resolusi yang diberi? Adakah kita hendak terus memberi lesen-lesen ini ataupun dikurangkan pemberian-lesen ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: Sebenarnya isu yang kerap dibangkitkan adalah mengenai isu boleh dikatakan operator-operator untuk perjudian yang tidak sah, yang mana kita tidak memberi lesen. Itu merupakan sesuatu yang memang melihat mempunyai impak terutamanya daripada segi sosial dan kita maklum balas bahawa ini adalah pada masa sekarang, di bawah pengurusan terutamanya ialah langkah-langkah untuk mencegah perkara ini oleh pihak polis di bawah PDRM, di mana mereka telah mengadakan beberapa Ops untuk menangani terutamanya isu *slot machine* yang *illegal*. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya dalam meluluskan lesen-lesen untuk *slot machine* ini, adakah kerajaan akan menetapkan kuota-kuota tertentu, bilangan tertentu ke arah mengurangkan pengeluaran lesen *slot machine* ini terutamanya bagi memudahkan kerja-kerja ataupun tugas penguatkuasaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Memang daripada segi tempat-tempat yang mereka menjalankan aktiviti-aktiviti *slot machine* ini, mereka perlulah menyimpan daripada segi rekod-rekod CCTV. So maka dari segi kerja-kerja penguatkuasaan, dia melihat siapa yang sebenarnya masuk untuk membuat perjudian. Daripada segi *slot machine*, memang ada terdapat penetapan daripada segi bilangan di mana untuk bilangan *slot machine* di Semenanjung Malaysia sebanyak 15 untuk satu lesen dan untuk Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 10 sahaja. Maka, ini merupakan sesuatu pendekatan untuk memudahkan daripada segi kerja-kerja penguatkuasaan. Sekian, terima kasih.

10. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta** Perdana Menteri menyatakan, apa langkah-langkah positif yang diambil untuk membantu penerima pencen memandangkan begitu ramai daripada mereka telah menghadapi tekanan kewangan akibat kenaikan harga barang-barang keperluan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Dewan Negara yang membenarkan masa soal jawab ini dipanjangkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan terhadap Dasar Persaraan supaya seiring dengan penubuhan semasa termasuk peningkatan kos sara hidup. Langkah penambahbaikan yang diambil termasuklah menaikkan kadar pencen sebanyak 2 peratus setiap tahun bagi mengimbangi kenaikan harga barang keperluan.

Selain daripada itu, kerajaan telah menetapkan amaun pencen terendah kepada RM820 sebulan bagi pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun. Perkiraan pencen bulanan juga telah diubah untuk membolehkan para pesara menerima pencen bulanan sehingga maksimum 3/5 daripada gaji akhir. Kerajaan turut bersetuju supaya penyusutan amaun pencen terbitan kepada 70 peratus selepas tempoh 12 tahun setengah dimansuhkan berkuat kuasa 1 Januari 2009. Tempoh pembiayaan pencen terbitan turut dipanjangkan daripada 12 tahun setengah kepada 20 tahun daripada tarikh persaraan kepada balu ataupun dua yang dikahwini dalam persaraan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Kenaikan dan penambahbaikan ini meliputi semua kategori pesara dan penerima pencen yang terdiri daripada pesara perkhidmatan awam, tentera, hakim, Ahli Parlimen termasuklah Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara, setiausaha politik.

Daripada segi penjagaan kesihatan pula, kerajaan telah menyediakan kemudahan pembiayaan perubatan dan peralatan yang dibekalkan kepada pesara persekutuan melalui sistem e-MASS bagi ubat dan peralatan yang tidak dapat dibekalkan oleh hospital ataupun klinik kerajaan. Terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih atas jawapan yang begitu baik. Akan tetapi apa yang membimbangkan saya memandangkan bahawa keadaan ekonomi pun tidak dapat ditentukan, kos hidup akan meningkat. Adakah syarat-syarat yang telah disediakan yang sedang ada, yang beroperasi itu cukup bagi pesara-pesara yang akan bertambah pada tahun-tahun kemudian?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pertambahan 2 peratus yang telah diumumkan oleh kerajaan termasuk juga pencen terbitan yang dinaikkan daripada 12 tahun setengah kepada 20 tahun dan itu adalah antara langkah-langkah untuk membolehkan supaya para pesara dapat menghadapi apa jua bentuk tekanan hidup sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, mereka yang bersara ini, kerajaan Malaysia masih memberi ruang dan peluang untuk mereka membina kehidupan. Mereka tidak boleh melihat bahawa persaraan itu ialah sisa-sisa hidup sebelum mati.

Akan tetapi sepatutnya ia harus digunakan dengan sebaik mungkin sebelum mati. Maka kerajaan telah memperkenalkan program 1Malaysia Pesara. Sekarang ini *1Malaysia Civil Service Retirement Support* tetapi sekarang ini diberikan nama baru 1Malaysia Pesara, yang mana ia meliputi pelbagai program dan fokus kita seperti penjagaan kesihatan, kesejahteraan, kebajikan pesara, pengurusan kewangan dan juga pengurusan. Ini termasuklah bagi mereka yang ingin menjadikan pendidikan itu ialah pembelajaran sepanjang hayat iaitu dengan kerjasama universiti-universiti era ketiga atau *University of the Third Age* pengelolaan *Institute of Gerontology*, Universiti Putra Malaysia dan Kolej Komuniti. Program yang ditawarkan itu termasuklah program jangka pendek dan juga program jangka panjang dan kita juga menyediakan modul untuk bekerja semula dan lain-lain lagi.

Jadi apa yang kerajaan telah bagi itu, kerajaan berfikir ia mencukupi untuk mereka menghadapi kehidupan yang kini mencabar. Jadi di samping menerima pencen, mereka juga digalakkan untuk menyertai Program 1Malaysia Pesara.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, awal-awalnya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan dari Sekolah Menengah Bukit Pasir. Muar, kawasan Parlimen Pagoh iaitu kawasan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin yang terdiri daripada 54 orang pelajar dan 15 orang guru pengiring. Antara 54 orang itu Tuan Yang di-Pertua, 20 orang pelajar Kelab Pembimbing Rakan Sebaya, 20 orang pelajar cemerlang dan yang lainnya. Selamat datang ke Dewan ini.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, perumahan merupakan satu keperluan bagi golongan orang pencen. Apakah kerajaan juga ada skim membantu untuk golongan seperti membaiki rumah khasnya mereka yang sudah berusia lanjut dan sudah tidak berdaya untuk bekerja lagi? Apakah langkah-langkah kerajaan membantu golongan Pencen Ilat yang tidak kurang juga memerlukan bantuan segera di masa kegawatan ekonomi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Perumahan yang ditawarkan oleh kerajaan itu tidak meletakkan had umur dan mereka boleh memohon dari semasa ke semasa. Saya sedar dan kerajaan sedar bahawa ada juga mereka yang memohon rumah PPRT bagi pencen yang terlampau rendah itu. Jadi, kita tidak ada had untuk mereka berbuat demikian dan program kerajaan ini berterusan untuk rakyat jelata. Cuma, ada beberapa perkara yang harus dilihat tentang tahap membayar balik ini kalau sekiranya melalui bank. Bank ada jangka-jangka umur tertentu dan itu kita harus ikuti. Pencen Ilat ini ialah di bawah PERKESO Yang Berhormat, di bawah Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi saya beritahu bahawa ia diperbaiki dari semasa ke semasa. Berhubung dengan sama ada pesara-pesara ini mampu untuk menghadapi kehidupan yang mencabar, kita tidak boleh beri jawapan secara umum di sini. Kita kena beri jawapan mengikut tahap-tahapnya.

Sesetengahnya pencen di tahap tertentu tetapi pendekatan yang dibuat oleh kerajaan bagi 1Malaysia Pesara ini, saya rasa kalau mereka certainly adalah di antara yang terbaik. Ini kerana pada pandangan saya, ia mesti dilihat sisa-sisa kehidupan itu ialah bukan menanti kematian. Ikutlah apa yang telah ditentukan oleh Islam bahawa tidak ada pencen dalam kehidupan. Sayidina Umar, Sayidina Abu Bakar mati dalam jawatan. Sayidina Umar mati dalam jawatan, dibunuh. Sayidina Uthman mati dalam jawatan, dibunuh. Sayidina Uthman menjangkau umur 80 tahun, Sayidina Umar juga lewat umur. Sayidina Ali walaupun muda, mati dalam jawatan. Jadi kita lihat dalam proses kehidupan itu, tidak ada pencen tetapi selagi mereka mampu untuk memberi tenaga kepada kehidupan dan juga masyarakat, mereka wajar berbuat demikian.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa pencen ini sebenarnya diperkenalkan oleh British, yang mereka pencen umur 50 tahun masa itu kerana mereka berkhidmat di Malaya, Tanah Melayu selepas itu mereka hendak balik meneruskan kehidupan di England, maka mereka merendahkan pencen. Akan tetapi apabila mereka pergi bekerja di England, mereka menaikkan pencen di tahap 65 tahun. Jadi, kita lihat pencen di peringkat awal ini diperkenalkan oleh British dan kita telah membuat perubahan pencen dari semasa ke semasa dan pencen kita sekarang ini telah naik ke tahap yang lebih baik lagi tetapi masih lagi tidak sama yang dibuat oleh Kerajaan British. Jadi pada pandangan saya Yang Berhormat, kalau dilihat pendekatan mereka yang berpencen ini, ia adalah tahap-tahap tertentu dan dengan itu kita mudah memberi perhatian kepada mereka. Akan tetapi sekurang-kurangnya anggota kerajaan ada pencen, itu yang penting yang harus dilihat oleh semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Dengan jawapan yang kita dengar daripada Yang Berhormat itu tadi, maka setakat ini dahululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan kita untuk hari ini. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" [4 Disember 2013]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya menyambung perbahasan Yang Berhormat tempoh hari. Selama 14 minit lagi Yang Berhormat ya.

11.55 pg.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau minggu lepas Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan mengambil masa dua hari untuk menghabiskan ucapannya, saya mengambil masa empat hari untuk menghabiskannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu keselamatan dan ketenteraman awam yang ada dalam Bajet 2015. Peruntukan sebanyak lebih RM17 bilion telah diperuntukkan untuk tentera dan PDRM dan ini manifestasi keseriusan kerajaan untuk menjamin kedaulatan negara Malaysia tidak mudah dicerobohi oleh pengganas atau mana-mana pihak dan juga memastikan kehidupan harian di Malaysia bebas daripada kacau-bilau dan huru-hara. Daripada RM17 bilion itu, lebih kurang RM9 bilion untuk PDRM bagi menambahaikkan logistik dan prasarana kepolisan termasuk menambah kakitangan dan balai-balai polis yang lain. Jumlah yang besar ini amat dialu-alukan.

Namun demikian, kalau PDRM disediakan dengan dana yang besar untuk logistik dan prasarana kepolisan bagi menjaga ketenteraman tetapi kuasa untuk melaksanakan ketenteraman adalah terjamin amat dikekang dan terhad, ia adalah ibarat seekor harimau yang tidak ada gigi. Justeru itu, adalah diharapkan kerajaan tidak akan berganjak dan mengalah kepada tekanan negara luar untuk terus mengekalkan Akta Hasutan. Saya bersetuju sangat Akta Hasutan ini bukan sahaja dikekalkan, malah diperkukuhkan dengan proviso-proviso, dengan izin, tambahan membolehkan tindakan terhadap hasutan-hasutan supaya Sabah dan Sarawak keluar daripada Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, suara-suara dan kenyataan yang sering berbau hasutan agar Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia perbuatan dan angkara individu-individu atau kumpulan-kumpulan yang mencari *political mileage*, dengan izin, yang murah kerana masih menyangka sentimen parokial sedemikian mampu memperoleh sokongan padu daripada rakyat. Pasca 1994, perkara ini mungkin berkesan di Sabah tetapi tidak lagi sekarang. Jadi orang-orang yang masih lagi merasakan sentimen dan hasutan untuk keluar dari Malaysia ini mereka yang bukan sahaja tidak bersyukur seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad minggu lepas, tetapi mereka juga ingin menafikan dan menidakkan kemajuan dan kemakmuran yang telah Sabah kecapi sejak 51 tahun yang lalu dalam Malaysia.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, hasutan-hasutan untuk Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia juga telah dibuat melalui blog-blog yang berpusat di luar negara. Oleh itu, apakah kita hanya membiarkan pengkhianat negara yang pengecut ini terus menerus mencabar dan menghasut negara kita dari luar negara agar memuaskan diri mereka tanpa mengambil kira kalau negara akan musnah binasa?

Seperka lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah peruntukan RM27 bilion untuk Lebuhraya Pan Borneo. Lebuhraya Pan Borneo ini akan menyambungkan dua buah negeri di Malaysia yang besar dan ini akan lebih memudahkan rakyat Malaysia di kedua-dua buah negeri ini. Akan tetapi adalah diharapkan projek ini dapat menjadi realiti melalui Bajet 2015 ini kerana perancangannya telah dibuat sejak RMKe-8 lagi.

Di samping itu, komitmen kerajaan untuk terus menaiktarafkan kemudahan dan infrastruktur luar bandar satu usaha yang mendahulukan rakyat. Tahniah diucapkan khususnya dengan dana RM160 juta untuk meningkatkan perkhidmatan udara luar bandar. Namun demikian, saya mohon kerajaan juga jangan lupakan khidmat udara di dalam bandar untuk orang bandar terutamanya kadar tambang yang tinggi.

■1200

Ekoran krisis tahun 2008, tambang pesawat MAS telah naik sebab MAS kata akan rugi kerana harga minyak naik. Akan tetapi harga minyak sudah turun beberapa kali sejak tahun 2008 tetapi tambang kapal terbang tidak pernah turun, malah naik terus dan MAS pula rugi terus. Jadi tolong tengok-tengok perkara ini. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, empat hari terlampau panjang. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian tidak adakah? Sebentar tadi saya nampak. Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah, silakan.

12.01 tgh.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2015.

Terlebih dahulu, setinggi tahniah dan syabas saya ingin ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang juga selaku Menteri Kewangan Malaysia kerana telah berjaya membentangkan Bajet 2015 iaitu Ekonomi Keperluan Rakyat, menjadi paksi dan pegangan dalam mendahulukan kepentingan rakyat. Syukur *alhamdulillah*, setelah lebih lima tahun menerajui kepimpinan negara sebagai Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dengan kebijaksanaan dan kegigihan beliau telah memperkenalkan Gagasan 1Malaysia berlandaskan Dasar Transformasi Nasional secara holistik dalam usaha kita untuk mencapai matlamat negara ekonomi maju berpendapatan tinggi.

Terbukti dari tahun ke setahun jumlah pelaburan meningkat dan kini sudah mencecah RM219 bilion dan lebih 437,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi telah diwujudkan. Sekali gus pencapaian ini telah menempatkan Malaysia sebagai yang paling tinggi di kalangan negara ASEAN dalam tempoh separuh pertama tahun 2014. Tahniah dan syabas sekali lagi saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib dan seluruh kepimpinan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan seluruh rakyat Sarawak berterima kasih dan menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mana Bajet 2015 memberi keutamaan kepada negeri Sarawak Bumi Kenyalang dan juga jiran kita negeri Sabah, Negeri di Bawah Bayu kerana meluluskan sejumlah RM4.5 bilion peruntukan untuk tujuan pembangunan infrastruktur. Walaupun setiap tahun ada peruntukan besar diluluskan, namun kawasan luar bandar di Sarawak masih memerlukan perhatian kerajaan daripada segi penyediaan prasarana dan infrastruktur untuk kemudahan rakyat.

Sarawak dengan keluasanya yang hampir sama dengan Semenanjung Malaysia (kalau dikeluarkan, keluasan Negeri Sembilan atau negeri Melaka), ditambah pula faktor geografinya dan penempatan penduduk-penduduk di luar bandar yang berjauhan, sudah pasti memerlukan pembangunan besar dengan kos yang lebih tinggi. Mungkin peruntukan berjumlah RM943 juta untuk projek jalan luar bandar dan RM374 juta bagi projek bekalan air luar bandar masih tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, kami di Sarawak menyerahkan kepada budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika permohonan tambahan dapat dipertimbangkan dalam geran pembangunan tahunan pada Sarawak ke arah itu.

Kita perlu ingat bahawa setiap pilihan raya umum diadakan, penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar yang merupakan 100 peratus bumiputera tempatan merupakan penyokong tegar kepada Barisan Nasional yang telah memberi kemenangan dengan majoriti besar kepada Barisan Nasional. Kerana apa?

Oleh sebab mereka sudah lama yakin kepada Kerajaan Barisan Nasional yang sudah terbukti membela nasib serta meningkatkan mutu kehidupan mereka selama ini. Di sini saya ingin sarankan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya mempercepatkan penyaluran bekalan elektrik ke beberapa buah kawasan di Sarawak terutamanya di pendalaman, susulan peruntukan Bajet 2015 untuk pembinaan infrastruktur bekalan elektrik ke kawasan yang belum menerima bekalan elektrik di Sarawak dan juga di Sabah. Pembekalan elektrik wajar dipercepatkan supaya pembangunan-pembangunan lain dapat diseimbangkan mengikut jadual untuk kawasan-kawasan luar bandar, sekali gus tahap pembangunan dan kemajuan dicapai di luar bandar tidak begitu ketara bezanya dengan bandar, ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Mengenai Lebuhraya Pan Borneo, sudah pasti rakyat di negeri Sarawak dan Sabah bersyukur dengan projek yang bernilai RM27 bilion itu yang akan mula dibina pada pertengahan tahun hadapan dan dijangka siap pada tahun 2025, seperti diumumkan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof baru-baru ini. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo bukan sahaja akan memudahkan perhubungan dan meningkatkan tahap ekonomi penduduk di luar bandar dalam bidang pertanian, perusahaan, pelancongan, malah menyemarakkan lagi semangat muhibah antara kaum tempatan untuk kunjung-mengunjungi.

Saya yakin bahawa pembinaan Lebuhraya Pan Borneo nanti mampu menyediakan akses kepada kawalan keselamatan di kawasan-kawasan yang sukar dihubungi di kedua-dua negeri Sarawak dan juga Sabah. Apa-apa pun, projek pembangunan luar bandar dan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang akan dimulakan ataupun sudah dimulakan, rakyat Sarawak menaruh penuh harapan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Kementerian Kerja Raya untuk memastikan agar *delivery system* dengan izin, dipertingkatkan supaya dapat dikendalikan dengan lancar dan diuruskan dengan bijaksana tanpa ada sebarang ketirisan atau halangan demi keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lengkap perbincangan saya jika saya tidak menyentuh tentang wanita dalam Bajet 2015. Saya yakin dan percaya setiap wanita yang mengikuti pembentangan Bajet 2015 ada mempunyai perasaan yang serupa dengan saya iaitu rasa bersyukur dan rasa terharu ke atas pengiktirafan peribadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib tentang keistimewaan dan keunikan wanita bukan sahaja sebagai penyeri kepada keluarga, penyuluh dalam mengatasi permasalahan kehidupan bahkan beliau berkata wanita itulah tulang belakang pembangunan negara.

■ 1210

Justeru, memang berbaloi bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi keprihatinan dan bantuan seluas-luasnya ke arah memartabatkan wanita agar terus berperanan dan menyumbang kepada negara, khususnya dalam menyediakan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan. Terima kasih daun keladi atas peruntukan sejumlah RM2.62 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi pembangunan dan operasi termasuk:

- (i) memperkukuhkan program pengarah wanita;
- (ii) Program 1Malaysia - *Support for Housewife*, dan
- (iii) Talent Corp untuk mewujudkan program *Woman Career Comeback*.

Tentang aspek keselamatan dengan pembelian premis rumah perlindungan khas wanita mengikut zon wilayah timur, utara dan tengah seperti tercatat dalam Bajet 2015, bagaimanakah pula untuk zon Sarawak dan Sabah? Langkah membenarkan kemudahan cuti menjaga anak bagi penjawat awam wanita dengan meminda syarat pemberian tidak terikat cuti bersalin membuktikan Kerajaan Barisan Nasional mengambil kira suara wanita berkerjaya untuk turut memberi perhatian kepada keluarga ketika diperlukan.

Beralih kepada soal pendidikan, peruntukan sejumlah RM1.2 bilion untuk program transformasi vokasional dan teknik serta menaik taraf kolej dikira dapat merealisasikan misi negara untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam pelbagai bidang yang kini dilihat dapat membantu memacu ekonomi negara.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang keselamatan negara. Peruntukan RM27.60 bilion bagi sektor keselamatan disifatkan sebagai satu keperluan wajib dan langkah terbaik Kerajaan Barisan Nasional bagi memastikan negara terus aman makmur. Mengekalkan kestabilan ekonomi sesebuah negara bermula dengan aspek keselamatan yang merupakan asas kemajuan bagi setiap negara. Unit keselamatan dan juga aset keselamatan kita perlu serba moden dan terancang, yang dapat mengesan lebih awal tindak-tanduk pihak yang mengancam kedaulatan tanah air kita.

Mengenai Akta Hasutan, kami di Sarawak menyambut baik ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan mengekalkan Akta Hasutan tersebut. Akta ini perlu terus dikekalkan memandangkan kini saban hari ada beberapa cabaran kepada masyarakat di negara ini kerana ada pihak cuba membangkitkan isu perkauman, tindakan menghina Yang di-Pertuan Agong, mempersoalkan Perlembagaan Malaysia, bahkan ada percubaan untuk membawa keluar Sarawak dan Sabah dari Malaysia.

Dewan yang mulia, kekeluparan, kebiadapan dan penghinaan yang dilakukan boleh mencetuskan pergeseran antara kaum dan kesannya, perpaduan yang sekian lama dibina atas keringat serta pengorbanan pemimpin dan generasi terdahulu akan rapuh dan berkecai. Tidak mustahil orang luar akan masuk untuk menjajah kita kembali. Ke manakah tujuannya hasrat kesinambungan kepimpinan negara kita untuk diwarisi generasi kita akan datang kalaulah tanah air kita sudah dijajah?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu bekerjasama dengan pihak kerajaan supaya bertindak proaktif dalam mencegah dan menangani isu hasutan dan fitnah antara agama yang kini menjadi ancaman yang serius. Pilihan untuk menjayakan perpaduan sebenarnya terletak di tangan kita rakyat Malaysia sendiri. Perlembagaan Negara telah digubal dengan begitu teliti dan menjadi tanggungjawab setiap rakyat untuk mendukung dan menghormatinya.

Dewan yang mulia, semangat patriotik dan perpaduan kaum antara faktor utama yang membawa kepada kemerdekaan tanah air kita dan seharusnya dipertahankan dalam apa jua keadaan sekalipun sejajar konsep bersatu dalam kepelbagaian kaum dan Gagasan 1Malaysia. Di sini saya ingin sarankan kepada pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) supaya memainkan lagu-lagu patriotik bukannya bermusim iaitu ketika sambutan Hari Merdeka atau Hari Malaysia sahaja tetapi setiap hari khususnya, sewaktu dan selepas rancangan-rancangan yang digemari kanak-kanak dan remaja. Tema dan lirik lagu-lagu patriotik kita seperti "*Saya Anak Malaysia*", "*Warisan*" dan juga "*Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta*" boleh dijadikan pembakar semangat dalam membina jati diri anak watan terhadap negara tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah tadi saya menyokong penuh Bajet 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Chong Sin Woon. Silakan Yang Berhormat.

12.18 tgh.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memulakan ucapan saya hari ini untuk menghayati bersama-sama tugas kita di Dewan Negara yang mulia ini, iaitu mengkaji semula dan meluluskan rang undang-undang yang dibawa naik oleh Dewan Rakyat dan juga memulakan atau meminda perundangan. Setiap rang undang-undang yang dibawa ke Dewan Negara haruslah senantiasa kita ketengahkan, seluruh rakyat Malaysia dan masa depan negara semasa perbahasan dan kritikan dijalankan.

Marilah kita terus memperkasakan dan memartabatkan Dewan Negara yang mulia ini, sebagai penggubal undang-undang yang tidak mengenal perbezaan kumpulan etnik ataupun politik untuk kepentingan rakyat. Apabila kita berbicara mengenai memperkasakan Dewan Negara, saya merujuk kepada belanjawan ataupun Akta Perbekalan 2015 yang dibentangkan di hadapan kita, di mana jumlah wang yang diperuntukkan adalah sebanyak RM176,931,731,000. Di bawah jumlah yang sebegitu besar, Parlimen Malaysia hanya diperuntukkan sebanyak RM89 juta sahaja.

Sekiranya asas kepada pentadbiran kepada kerajaan negara ini bermula dari Parlimen, bermula dari Dewan Rakyat dan kemudiannya dipanjangkan kepada Dewan Negara, peruntukan itu pada hemat saya perlu ditambah supaya Dewan ini memainkan peranan yang lebih penting.

■1220

Walaupun kerajaan merupakan pihak eksekutif yang menjalankan pentadbiran negara ini untuk selama lima tahun, tetapi sepanjang pentadbiran eksekutif itu, pihak perundangan seperti Dewan Rakyat dan Dewan Negara harus diperkasakan. Oleh itu, saya mencadangkan seperti mana yang kita lihat pada hari pertama Dewan ini bersidang, beberapa akta diluluskan tanpa didebatkan.

Itu berlaku pada hemat saya dua perkara. Pertama kerana maklumat yang diberikan kepada kita terlalu lewat. Cuma sehari dua sebelum membincangkan sesuatu usul baru kita dapat maklumat itu. Tidak cukup masa untuk kita menghayati, meneliti tentang maklumat tersebut. Kedua, kita sebagai Ahli Dewan bukannya kita fasih dan faham tentang sebarang perkara di dalam negara ini. Maka, untuk memperkasakan tugas kita, saya mencadangkan supaya setiap Ahli Parlimen termasuk Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberikan seorang pegawai penyelidik untuk membantu kita menyelidik perkara-perkara yang penting yang perlu dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ini supaya perkara-perkara itu tidak dibawa seperti itu sahaja ataupun soalan-soalan yang ditanya cuma kadar seperti di rampaian sahaja. Ini supaya kita boleh membincangkan isu secara mendalam. Itu cadangan satu.

Cadangan nombor dua, terima kasih kepada Dewan yang mulia ini menghantar saya membuat lawatan di Australia baru-baru ini. Apabila melihat kepada berfungsinya Dewan di Parlimen di Australia, terutamanya sesi soal jawab. Dalam masa satu jam setengah Sesi Soal-Jawab itu, diperuntukkan satu jam yang menunjukkan masa. Setiap yang menanyakan soalan diberikan masa satu minit. Jadi selepas seseorang Ahli Parlimen itu berdiri dan berucap, masa itu berlalu satu minit. Jadi tak ada membebel. Cukup untuk satu minit menanyakan soalan bersama dengan apa sahaja penjelasan yang diperlukan dan diperuntukkan tiga minit untuk Menteri menjawab. Tak perlu Menteri membebel ataupun Menteri tak tahu apa nak jawab, kita lihat tiga minit itu. Dengan itu, kita mempunyai masa yang secukupnya supaya Dewan dapat berfungsi dengan lebih baik dan pihak yang menjawab tahu beliau ada masa tiga minit. Kalau cuma jawab dengan terlalu ringkas, tak sampai seminit pun semua orang tahu bahawa Menteri itu hanya menjawab menggunakan masa 30 saat sahaja.

Antara cadangan yang saya berikan dan satu lagi untuk kemudahan kebajikan kepada Ahli-ahli Dewan kita. Apabila kita sentiasa menekankan kepada kesihatan, saya mengambil peluang ini mengucapkan takziah kepada Allahyarham Dato' Fuad bin Tan Sri Hassan, Ketua Pengarah JASA yang baru meninggal dunia pagi tadi. Tak sempat saya menjenguk beliau sebab dia seorang pemimpin tokoh yang memberi banyak teladan dan ajaran kepada saya. Apabila membicarakan tentang kesihatan, saya juga melihat di Parlimen Australia, semua yang berada di persidangan diberikan segelas air untuk minum. Akan tetapi, di Parlimen ini kita tidak dibekalkan kemudahan seperti itu. Kalau boleh diletakkan mesin di belakang, kita boleh ambil air sendiri dan terus berdebat. Tak payah kita dahaga di sini, nak beli air 1Malaysia itu RM2 di kantin kita. Saya rasa itu satu peruntukan yang mudah tetapi boleh memperkasakan kepada kebajikan semua Ahli-ahli di Dewan mulia ini.

Seterusnya, saya ingin memilih tiga topik utama dalam bajet kali ini iaitu...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Tuan Chong Sin Woon: Boleh.

Dato' Lim Nget Yoon: Apakah pandangan Yang Berhormat dengan naik gaji kepada Senator kita ditolak di Dewan Rakyat itu?

Tuan Chong Sin Woon: Kalau usul itu dibawa ke Dewan Negara, saya tidak nampak ada apa-apa alasan untuk kita menolak. Akan tetapi, kita sekarang menunggu kepada kelulusan di pihak Dewan Rakyat.

Ingin saya membicarakan perkara pertama iaitu tentang perumahan mudah milik. Bajet 2015 menampakkan pelan untuk membina 80,000 unit rumah di bawah projek PR1MA. *Rent-to-own* dengan izin, untuk mereka yang tidak mendapat pinjaman bank, *People Housing Programme* - Rumah Mesra Rakyat, Rumah Idaman Rakyat, Rumah Aspirasi Rakyat. Ini langkah yang baik untuk mengurangkan gelandangan ataupun *homelessness* dengan izin, dan membantu keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memperoleh rumah.

Namun begitu, ketersediaan rumah-rumah ini haruslah juga dipadankan dengan kenaikan pendapatan boleh guna ataupun *disposable income* dengan izin, dan memastikan kemudahan seperti pengangkutan dan kawasan komersial untuk mendapatkan peluang pekerjaan adalah berdekatan dan di kawasan perumahan tersebut. Selalu kita melihat projek-projek perumahan yang dilakukan oleh kerajaan tanpa adanya perancangan untuk pengangkutan awam. PPR yang disediakan di kawasan-kawasan contohnya yang berdekatan dengan rumah saya di Bukit Jalil. Beberapa buah bangunan yang besar tetapi kosong sebab penduduk tidak mahu berpindah masuk kerana jauh di pedalaman, tidak ada pengangkutan awam, tidak ada *commercial unit*, tidak ada kedai-kedai untuk membeli barang-barang untuk kegunaan harian. Maka walaupun kerajaan memang mempunyai dasar yang baik untuk membina perumahan-perumahan tersebut, tetapi haruslah disepadankan dengan adanya laluan pengangkutan awam dan adanya berdekatan dengan kawasan-kawasan komersial supaya yang menginap di situ dapat kemudahan yang sepatutnya.

Projek perumahan seperti PR1MA lebih berfokus kepada golongan berpendapatan rendah dan segelintir yang berpendapatan sederhana untuk menyeimbangkan kenaikan harga hartanah khususnya rumah dan apartmen. Kita juga perlu memastikan rakyat mampu menyewa rumah yang sudah ada di pasaran sehingga harga rumah turun. Di Malaysia, kadar pemilikan rumah 70 peratus. Peningkatan kadar pemilikan rumah ini akan mendedahkan ekonomi kepada kitaran harga hartanah.

Sebagai penggubal undang-undang, kita perlu meneliti dengan objektif berkaitan dengan polisi, berkenaan dengan kuota untuk bumiputera dan impaknya kepada kenaikan hartanah. Walaupun Kerajaan Persekutuan menetapkan 30 peratus kuota untuk bumiputera, terdapat negeri ataupun majlis perbandaran yang menaikkannya sehingga 70 peratus. Ini satu isu yang perlu kita bincangkan dengan hati yang terbuka. Kita tahu bahawa rancangan kerajaan untuk membantu golongan bumiputera itu tidak ada masalah. Akan tetapi, apabila dasar untuk kuota perumahan dinaikkan sehingga 70 peratus dan dengan dasar tidak membenarkan rumah-rumah itu sekiranya tidak dapat dijual untuk dibuka kepada bukan bumiputera, akan menyebabkan kawasan perumahan yang banyak mempunyai unit-unit yang kosong. Itu banyak pemaju telah memberikan pandangan...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta...

Tuan Chong Sin Woon: Ya, Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sedikit sahaja. Negeri mana yang memperuntukkan sampai 70 peratus kepada bumiputera ini? Saya sendiri pun tak tahu. Ini kerana dasar kita hanya 30 peratus. Kalau 70 peratus, saya sendiri pun kata terlampau tinggilah. Negeri mana ini yang buat macam ini?

Tuan Chong Sin Woon: Ya, baru-baru ini kalau tak silap negeri Kedah dan Negeri Sembilan, baru-baru ini mencadangkan untuk menaikkan kuota itu kepada 70 peratus. Daripada segi pemaju Yang Berhormat Tan Sri, memang kalau begitu pemaju tak ada pilihan tetapi menaikkan harga rumah supaya keuntungan yang dia dapat itu untuk menjaga kecenderungan ataupun peluang unit-unit rumah untuk kuota bumiputera itu tidak dapat dijual. Jadi sekiranya walaupun ada dasar seperti itu, berikanlah satu jangka masa seperti yang sedia ada tiga tahun, lima tahun. Kalau masih lagi tak dapat dijual, terbuka kepada mereka yang mampu atau mahu membeli rumah-rumah tersebut. Untuk menjaga kepentingan, itu boleh dilakukan tetapi dengan cara yang rasional seperti mana Tuan Yang di-Pertua katakan tadi.

■1230

Isu kedua yang ingin saya bantangkan di sini adalah berkaitan dengan pertanian sebagai penjana ekonomi. Semasa Malaysia mencapai kemerdekaan 57 tahun yang lalu, bidang pertanian giat diperkembangkan sebelum kita bergerak ke dalam zaman ekonomi perindustrian.

Saya berpendapat bahawa Malaysia bakal menuju ke negara yang membangun, *high income* dalam GNI *per capital* dengan izin. Bidang pertanian dan perikanan perindustrian berpotensi dalam menjana ekonomi negara yang perlu diperkembangkan lagi dan sesekali dipandang sebagai industri yang keterbelakangan terutamanya selepas kita mengadakan mesyuarat antarabangsa di Rom, Itali di mana saya diberikan peluang untuk membicarakan atau membincangkan dalam mesyuarat *Food Security*, menampakkan seluruh dunia melihat begitu pentingnya pertanian terutamanya pengeluaran makanan di Malaysia ini. Kita mengimport makanan sebanyak 40 peratus dan ini satu keselamatan negara yang sangat penting terutamanya sekarang populasi dunia mencatat RM7 bilion.

Banyak lagi orang yang perlu kita fikirkan memerlukan makanan. Sekiranya kita hanya bergantung kepada perindustrian ataupun komoditi seperti getah dan kelapa sawit, sekiranya berlaku pertelingkahan antarabangsa, ataupun bencana besar antarabangsa di mana saluran makanan tersekat dihantar ke Malaysia, kita tidak boleh makan getah, kita tidak boleh makan kelapa sawit, kita perlukan makanan.

Jadi dari situ, Malaysia mempunyai tanah-tanah yang besar yang baik cukupnya hujan, cukupnya matahari, suhu yang baik, patutnya kita boleh menanam dengan lebih banyak. Jangan kita sewenang-wenangnya membenarkan mereka menukar status tanah pertanian itu kepada tanah-tanah seperti komersial dan perindustrian dan kita melupakan kepentingan untuk memajukan pertanian kita. Negara-negara maju seperti Norway, France, Australia dan Taiwan contohnya terus meningkatkan *research and development* dengan izin, untuk meningkatkan produksi pengeluaran barangan pertanian dengan pelbagai teknologi yang mapan. Kilang-kilang pertanian dan perikanan mereka berkelengkapan komputer dan teknologi yang tinggi bukan sahaja yang bertujuan untuk produksi tetapi memastikan kualiti pengeluaran dan *sustainability* ataupun kemampanan.

Isu yang ketiga yang saya ingin bantah di sini ialah Program Transformasi Belia Nasional yang bertujuan untuk memupuk potensi dan penyemaian perpaduan di kalangan generasi muda. Dalam Bajet 2015, Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Rakan Muda, Kem Perpaduan Akademik Kepimpinan Belia, 1M4U, MyCorp, MaGIC, Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Program Padu. Diharapkan program seperti PLKN akan dapat disampaikan kepada pemuda yang tercicir daripada pendidikan sekolah. Setakat ini, PLKN hanya diberikan kepada mereka yang masih ataupun tamat SPM, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar itu adalah antara kumpulan yang perlu kita sasarkan. Statistik daripada laporan *Milenium Development Gold* ataupun MDG 2010 yang dipaparkan oleh *United Nations* tentang Malaysia menunjukkan 125,000 orang kanak-kanak di Malaysia tidak berpeluang untuk bersekolah.

Selain itu, terdapat juga isu *statelessness* atau tanpa kenegaraan kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan lebih-lebih lagi di negara yang bersempadan dengan negara lain contohnya di Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah dan Kelantan. Tidak lupa juga kanak-kanak yang dilahirkan oleh ramai warganegara Malaysia berbangsa India di pedalaman *rubber and palm oil estate* adalah penting supaya program yang lebih menyasarkan pemuda yang celik huruf turut menyasarkan mereka yang keciciran dan tidak berpeluang mendapat pendidikan kerana pelbagai masalah berkaitan status ekonomik dan kewarganegaraan.

Selain itu dengan hati yang terbuka, ingin saya mengajak Senator-Senator untuk sama-sama turun padang untuk menjemput lebih ramai belia untuk giat menyertai program yang dianjurkan. Ini akan memberi peluang untuk Senator berinteraksi dengan generasi muda dan mendapatkan pendapat dan idea mereka memahami kehidupan dan masalah mereka supaya dapat membantu kita dalam penggubalan undang-undang di Parlimen, khususnya di Dewan negara yang mulia ini. Rakan-rakan sekalian, ingin saya ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, Datuk Hanifah Aman dan pasukan beliau yang menjayakan penyertaan Malaysia sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Malaysia meraih majoriti besar dan mendapat undi 187 daripada 192 buah negara anggota yang menyertai proses pengundian secara sulit. Malaysia berkongsi tempat dengan Venezuela, New Zealand, Sepanyol dan Angora. Sudah tentunya penerimaan undi secara majoriti adalah testimoni kepada reputasi Malaysia yang cemerlang sejak sekian lama sebagai wakil yang bertanggungjawab terhadap komuniti antarabangsa terutama dalam konteks keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Sebagai sebuah negara yang merangkumi pelbagai kaum dan agama yang hidup dengan harmoni, usaha kita sama-sama mengamalkan 'moderasi' di arena antarabangsa dan Asia Tenggara yang disarankan oleh Perdana Menteri amatlah penting.

Tidak kira penyokong atau pembangkang, harapan saya supaya Dewan Negara yang mulia ini dapat meneruskan perbincangan berkaitan 'legislasi' antarabangsa. Sebagai contoh di negara Myanmar yang paling berdekatan dengan Malaysia, di mana berpuluh-puluh ribu orang Rohingya dipaksa keluar dari Myanmar kerana Kerajaan Myanmar tidak mengiktiraf orang-orang Rohingya sebagai rakyat Myanmar. Ramai orang pelarian ini tidak dapat perlindungan kerana Malaysia bukanlah *signatory of the 1951 Refugee Convention or 1976 Protocol*, dengan izin.

Ini merupakan salah satu contoh 'legislasi' antarabangsa dan usaha-usaha untuk melindungi dan mengekalkan keamanan di Asia Tenggara khususnya, supaya kita dapat menjadi pemimpin yang bermartabat di kawasan antarabangsa khususnya di kawasan Asia Tenggara. Kita perlu mengajak pengalihan terhadap isu yang tidak berimpak lebih-lebih lagi berkaitan dengan politik negatif supaya kita dapat memikul tanggungjawab yang lebih efektif dalam isu-isu di arena antarabangsa.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menguraikan *a culture of unthinking*, dengan izin, ataupun budaya tanpa berfikir yang kian menerusi cara hidup pemuda di Malaysia pada zaman yang dipenuhi pelbagai maklumat yang diperoleh di media sosial. Di bidang psikologi terdapat fenomena yang dipanggil *cognitive biases* dengan izin, ataupun kecenderungan kognitif berkaitan dengan bagaimana manusia mentafsir maklumat. Salah satu kecenderungan kognitif adalah *frequency illusion*, dengan izin, ataupun ilusi *frequency* bermaksud sesuatu yang kita lihat, kita dengar ataupun yang baca yang menjadi tarikan kita akan menjadi fokus bacaan menyebabkan kita mengetepikan ataupun mengabaikan fakta-fakta lain.

Confirmation bias dengan izin, pula bermaksud manusia sering kali berpendapat bahawa pendapat kita dihasilkan berdasarkan analisa semua maklumat yang kita terima. Sebenarnya pendapat kita adalah berdasarkan informasi untuk mengesahkan kepercayaan kita dan kita sering kali menolak maklumat yang bercanggah dengan anggapan yang sudah terbentuk dalam pemikiran kita. Kajian menunjukkan bahawa seseorang akan membaca artikel ataupun mesej 40 peratus lebih lama sekiranya mesej tersebut adalah bersesuaian ataupun bersamaan dengan kepercayaan kita. Saya menyokong *freedom of speech and information*, dengan izin.

Namun begitu, melihat budaya *unthinking* yang disebabkan oleh banyak maklumat khususnya bersifat politik negatif menyebabkan kita secara automatik menerima maklumat tanpa mencari kebenaran. Oleh itu, sempena persidangan ini marilah kita bersama-sama turut berfikir cara yang boleh mengembalikan zaman semasa kita duduk berdebat dan berkritis dengan cara yang berbudi bahasa bermula dengan memartabatkan Dewan Negara yang mulia ini dan memastikan mesej ini disampaikan kepada golongan muda, khususnya mereka yang berminat untuk berkhidmat kepada negara.

■1240

Apabila kita membicarakan tentang isu arena antarabangsa, saya juga ingin menarik Dewan yang mulia ini melihat Dasar Diplomasi Kerajaan yang ada sekarang. Saya ada menanya satu soalan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kenapakah pada 10 tahun selama ini kita tidak mempunyai sebarang perjanjian perdagangan dengan Taiwan? Jawapan bertulis yang ringkas yang dijawab adalah kerana kerajaan mengamalkan dasar *One China Policy*, Dasar Satu China.

Apa yang perlu saya ingatkan kepada kerajaan ialah walaupun saya juga menyokong kepada dasar *One China Policy*, tetapi apabila kita membincangkan isu pembangunan ekonomi dan perdagangan, ia tidak termasuk dalam rangkuman atau rangka *One China Policy*. Ini kerana Taiwan dengan China sudah menandatangani banyak perjanjian perdagangan dan perniagaan dan rancak perniagaan antara negara China dan Taiwan. Akan tetapi Malaysia adalah antara negara Asia Tenggara yang masih lagi tidak mempunyai perjanjian perdagangan yang baik bersama dengan Taiwan. Taiwan merupakan antara kawasan yang mempunyai pelaburan yang besar di negara ini. Maka, kita mendapat banyak lagi cadangan supaya kita mengadakan perjanjian bersama dengan Taiwan...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Chong Sin Woon: Ya, Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh saya mencelah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya faham bahawa sebagai sebuah dasar, oleh sebab kita percaya kita membuat dasar *One China Policy*. Walaupun begitu, saya percaya bahawa perjanjian bilateral di antara rakyat, di antara peniaga-peniaga Taiwan dan Malaysia terus diadakan. Oleh sebab itu, kita kena berjaga-jagalah. Kita ada satu *One China Policy* yang saya percaya banyak negara lain yang ada polisi seumpama itu. Jadi, kita kena imbangkan di antara dasar kita dengan dasar perniagaan yang saya percaya berlaku di antara peniaga-peniaga di dua buah negara ini. Terima kasih. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Memang betul, kita perlu mengimbangkan kepada diplomasi antara China dengan Taiwan. Akan tetapi apa yang ingin saya membawa perkara ini ialah kita melihat negara-negara di Asia Tenggara, Singapura contohnya, mempunyai banyak perjanjian perdagangan antara Singapura dengan Taiwan tanpa menjejaskan diplomasi Singapura yang juga *One China Policy*. Jadi, kita mempunyai sekatan apabila kita berdagang dengan Taiwan dan Taiwan mempunyai dana yang besar untuk dilaburkan di Malaysia.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, janganlah kerana di bawah kerangka *One China Policy*, kita melupakan bahawa kita sebuah negara yang berdaulat, mempunyai pendirian untuk berdagang dengan mana-mana ekonomi di dunia ini secara bebas. Itu yang ingin saya sampaikan untuk perdagangan antarabangsa.

Baru-baru ini sahaja kita mengadakan satu *press conference* di luar sana, Senator-Senator kita, kerana pada pagi ini, surat khabar Chin Chew melaporkan di muka depan mereka, ada 25 orang tokoh Melayu bekas-bekas Ketua-ketua Setiausaha (KSU), KP Kementerian, antaranya lapan orang Tan Sri, mengadakan satu kenyataan akhbar untuk menyokong Perdana Menteri kita meneruskan Dasar 'Moderasi'. Dalam kenyataan akhbar tersebut menyangkal bahawa ISMA dan Perkasa, dua-dua NGO ini katanya mereka tidak mewakili pendirian orang-orang Melayu dan bumiputera yang *moderate*. Cara kerajaan menjawab isu-isu terhadap beberapa isu tadi, mereka merasakan bahawa itu sesuatu yang ekstrem...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [Bangun]

Tuan Chong Sin Woon: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang memberi peluang untuk saya mencelah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa benar pertubuhan yang Yang Berhormat sebutkan tadi, Perkasa dan juga ISMA ini mewakili kelompok ekstremis dalam rakyat dan masyarakat kita? Setahu sayalah, perjuangan mereka hanyalah menuntut supaya hak dan kepentingan bumiputera itu dipertahankan dan mereka tidak pernah, saya mendengar, mahu hak dan kepentingan bangsa dan kaum lain itu diambil. Apakah apabila kita berbicara berkenaan dengan hak dan kepentingan kaum bumiputera yang sudah pun termaktub dalam Perlembagaan dan dijamin secara kedaulatan undang-undang dan Perlembagaan itu dianggap sebagai satu kelompok ekstremis dan cauvinis? Saya mohon penjelasan.

Tuan Chong Sin Woon: Kalau kita merujuk kepada laporan surat khabar hari ini, bukannya kata-kata saya tetapi kenyataan akhbar hari ini yang mengatakan bahawa kedua-dua NGO ini, cara mereka mempertahankan hak bumiputera yang katanya termaktub dalam Perlembagaan, itu bukan dalam isu perbincangan hari ini. Apa yang ingin saya bawa ialah cara mereka mempertahankan hak bumiputera dengan menyatakan bahawa orang Cina pendatang, orang India pendatang, orang-orang ini kalau tidak setia kepada kita, harus kita halau mereka balik ke negara asal mereka. Cara seperti ini bukannya cara yang *moderate* yang selama ini kita membincangkan isu perkauman yang sensitif ataupun isu-isu keagamaan yang sensitif.

Maksud saya ialah apabila kita membincangkan untuk mempertahankan hak yang ada di dalam Perlembagaan untuk setiap agama dan kaum, biarlah dengan cara yang berhemah. Jangan caranya kita menyerang atau mengadakan kata-kata yang boleh menyebabkan ketidaksenangan orang-orang lain. Seperti mana bila kita membicarakan tentang hak orang-orang Cina...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa masalah yang timbul ini bukan apa. Kita sebagai pemimpin, kita pemimpin masyarakat, pemimpin parti politik mana-mana parti politik pun, saya rasa kita yang sepatutnya memainkan peranan untuk menghentikan. Benda yang sudah ada dalam Perlembagaan- ini pandangan saya Yang Berhormat, Yang Berhormat bersetuju atau tidak, semua ini termaktub dalam Perlembagaan dan dalam *social contract* yang telah kita tentukan. Kalau kita dengar surat khabar, baca surat khabar, lihat sosial media dan sebagainya, kemudian kita pula hendak mengapi-apikan anggota-anggota kita di bawah, maka benda ini tidak akan berhenti di situ. Ia akan berterusan Yang Berhormat.

Jadi saya rasa Yang Berhormat, apa yang patut kita buat, kita - saya rasa kalau hendak bercakap soal NGOKah, mana-mana badan sekalipun, kita boleh tegur. Kita boleh lihat badan-badan yang lain pun ada, bukan sahaja Perkasa dan ISMA, yang lain yang kadang-kadang individu ini cakup menyakitkan hati kita sampai tidak pedulilah apa yang ada dalam Perlembagaan, apa yang ada dalam *social contract*, tidak peduli. Ini yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta kalau boleh, Yang Berhormat bersetuju dengan sayalah. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Saya memang setuju. Kalau ada individu yang mengeluarkan kata-kata yang mencabar, maka kita sudah cukup banyak akta dalam negara ini yang boleh kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka, *charge* mereka yang melanggar undang-undang yang sedia ada. Akan tetapi dalam hal yang terkini, apabila AG kita memilih untuk tidak *charge* dengan izin, Dato' Ibrahim Ali yang mengatakan bahawa melindungi- adakan kenyataan akhbar secara *detail*, secara terperinci, kenapa Dato' Ibrahim Ali tidak perlu diambil tindakan kerana ini, kerana itu. Itu memberikan satu persepsi bahawa kerajaan mempunyai akta tetapi memilih untuk sama ada mendakwa atau tidak terhadap individu ataupun NGO. Sekiranya kerajaan mendakwa, seperti mana sebuah dasar yang terbuka, yang standard, siapa-siapa yang melanggar atau mengadakan ucapan ataupun kenyataan yang melampau ini, maka ambil tindakan kepada semua...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah?

Tuan Chong Sin Woon: Ya.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di negara kita memang akta yang baik tetapi akta-akta baik ini mesti dilihat memang baik. Bukan seperti Yang Berhormat sebut tadi, ada pilihan atau pilih kasih. Jadi ini pandangan saya, setujukah Yang Berhormat?

■1250

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Yang Berhormat, boleh saya mencelah? Sedikit sahaja.

Tuan Chong Sin Woon: Ya, okey.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Saya tertarik tadi dengan isu yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad tentang *social contract* sebab saya cuba hendak lihat di mana *social contract* ini. Yang Berhormat boleh beri pendapat Yang Berhormat tentang *social contract*?

Tuan Chong Sin Woon: *Social contract* yang selalu kita katakan itu ikut pemahaman saya termaktub dalam Perlembagaan termasuk bahasa, termasuk Institusi Diraja, termasuk kerakyatan, sudah ada dalam Perlembagaan Negara. Jadi, yang dimaksudkan itulah yang diterjemahkan di dalam Perlembagaan.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan *social contract* yang telah termaktub seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat kawan saya tadi. Sekolah Tamil dengan sekolah Cina pun termaktub tetapi ada juga di kalangan kita dan persatuan-persatuan di luar yang mengeluarkan kenyataan bahawa dengan izin, *the existence should sees*. So, apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Sin Woon: Itulah yang saya katakan, apabila kita hendak mengambil tindakan, biarlah *standardize*. Jangan kita bertindak membuat pilihan untuk mendakwa atau tidak mendakwa. Kalau kita melakukannya secara adil, tidak ada isu. Apa yang termaktub dalam Perlembagaan, biarlah kita termaktub. Kalau kita hendak membicarakan apakah kita duduk bersama dengan minda yang terbuka untuk membincangkan apakah masalahnya. Sekiranya kita kata zaman sudah berubah, 50 tahun dahulu sudah tidak sama dengan zaman sekarang, duduk berbincang. Jangan sampai adanya kenyataan sehingga kita memporak-perandakan masyarakat majmuk kita ini. Itu yang saya maksudkan bahawa kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang mengadakan satu *movement for moderation* dengan izin, dan mendapat sokongan antarabangsa terutamanya apabila kita melihat ancaman daripada IS.

Malaysia sebagai negara Islam yang dilihat sebagai negara yang *moderate*, menjadi contoh antarabangsa. Bagaimana caranya kita boleh berkembang pesat dalam ekonomi dan politik, pembangunan sosial di bawah pimpinan kerajaan Muslim. Kita telah menerima satu lawatan dari Sepanyol sebelum ini yang memuji Kerajaan Malaysia dan negara Malaysia, dia kata dia kagum apabila melihat sebuah negara Islam boleh berkembang dengan begitu baik, dengan begitu bebas, begitu majmuk. Itu keunikan dan itu adalah satu yang sangat dilihat sebagai pencapaian yang besar. Akan tetapi akhir-akhir ini kita semakin risau, semakin banyak lagi NGO-NGO ataupun cara bertindak yang kononnya memberikan signal atau mesej supaya mereka boleh terus mencabar ataupun menyoal tentang perundangan kita, tentang hak setiap kaum, hak setiap agama.

Sebelum ini, kita mempunyai dasar toleransi hormat-menghormati. Akan tetapi kini kita melihat seperti mana Yang Berhormat kata ada individu, ada NGO yang mencabar bumiputera, Institusi Diraja seperti mana kawan saya juga kata, masih ramai yang mencabar hak untuk mengadakan sekolah SJK(C) dan SJK(T). Jadi sekiranya kita sentiasa cabar-mencabar terhadap perkara ini, tidak tenteram negara kita. Jadi saya meminta pucuk pimpinan kerajaan seperti mana di bawah pimpinan Tun Mahathir sebelum ini, yang cepat memberikan satu pendirian yang tegas oleh kerajaan supaya perkara ini selesai. Sekiranya kita berlandaskan kepada kebebasan bersuara dan terus membiarkan akar umbi kita, penyokong-penyokong kita, pengikut-pengikut kita untuk terus membincangkan isu-isu ini tanpa batas, saya risau perkara tentang toleransi ...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, saya ganggu sedikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat kenyataan, SJK(C) dan SJK(T) akan dikekalkan. Jadi tidak payahlah kita sebut, sebab kalau kita sebut, kita jadi masalah. Saya rasa saya bersetuju tadi apa yang ditanya, tetapi Yang Amat Berhormat sebagai pemimpin negara sudah sebut tidak ada. So, kita teruskan. So kalau kita hendak berhujah lagi soal ini, kita membangkitkan lagi semangat rakan-rakan yang tidak faham ini di bawah, yang masih lagi hendak mengapi-apikan keadaan. Saya rasa cukup setakat itu Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Ya sebab dicelah dan ditanya, maka saya akan mengakhiri perdebatan pada hari ini dengan menyokong bajet kita. Akan tetapi sekali lagi meminta supaya Parlimen diberikan peruntukan yang lebih supaya diperkasakan lagi Parlimen menjadi asas dan platform untuk perbincangan rakyat negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Silakan Yang Berhormat.

12.56 tgh.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan dan peluang kepada saya untuk turut sama-sama membahaskan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Saya juga mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan jutaan terima kasih serta tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu bajet yang cukup baik bagi membantu segenap lapisan rakyat yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan liku hidup, khususnya dalam menangani masalah kenaikan kos sara hidup.

Seperti lazimnya Tuan Yang di-Pertua, setiap kali pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakyat akan tertanya-tanya apakah manfaat yang dapat diperoleh daripada bajet tersebut. Pada rakyat biasa yang berpendapatan rendah dan miskin, apa yang mereka ingin tahu ialah bentuk bantuan yang boleh diberi oleh kerajaan kepada diri dan keluarga mereka. Rakyat daripada golongan ini tidak berminat kepada isu-isu makro seperti bajet defisit, hutang negara, imbalan pembayaran ataupun Keluaran Negara Kasar atau KDNK. Apa yang penting kepada mereka, bagaimana rakyat dapat membantu meringankan kos sara hidup, memiliki rumah sendiri dan peluang mendapatkan pekerjaan.

Saya dalam soal perbahasan hari ini, saya hendak menjuruskan kepada Kementerian KPKT yang Timbalan Menterinya dari awal pagi berada bersama-sama kita, tahniah. Masalah perumahan. Akan tetapi sebelum itu, saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang telah mengumumkan sebanyak 2,000 unit rumah mampu milik dengan kadar harga RM188,000 seunit di Wilayah Persekutuan untuk dimiliki oleh warga belia dan warga yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan. Isu hangat yang sering menjadi bualan rakyat akhir-akhir ini ialah masalah pemilikan rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini disebabkan oleh harga rumah yang terlalu tinggi dan di luar kemampuan pembeli khususnya di kawasan bandar. Bagaimana pembeli terutamanya orang-orang Melayu dan golongan belia yang tinggal di bandar mampu membeli rumah dengan kadar purata ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah setakat itu dahulu pagi ini kerana masa kita tidak membenarkan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Nampaknya berulang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung sebelah petang jam 2.30 Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kita sambung semula persidangan pada waktu ini. Saya mempersilakan Datuk Yahaya sambung perbahasannya.

2.32 ptg.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan saya pada tengah hari ini, saya ingin membawa masalah perumahan rakyat. Akan tetapi sebelum itu ada satu perkara yang saya hendak respons tentang perbahasan pagi tadi yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Woon, saya kira yang menyatakan ada dua buah negeri yang dasar telah diubah. Bumiputera 70 peratus daripada segi pemilikan rumah dan juga kaum bukan bumiputera 30 peratus. Itu salah sebenarnya fakta itu.

Dalam kesempatan yang ada tengah hari tadi semasa rehat, saya cuba menghubungi Exco Kerajaan Negeri- Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sembilan, Yang Berhormat Datuk Jalaludin Alias.

Saya menyatakan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator dalam perbahasan sebentar tadi. Dia kata tidak pernah ada dasar sedemikian rupa di Negeri Sembilan. Ini satu fakta yang salah yang dibawa oleh Yang Berhormat di dalam Dewan.

Seterusnya masalah perumahan. Isu hangat yang sering menjadi bualan rakyat akhir-akhir ini ialah masalah pemilikan rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini disebabkan harga rumah yang terlalu tinggi yang di luar kemampuan pembeli khususnya di kawasan bandar. Bagaimana pembeli terutamanya orang Melayu dan golongan belia yang tinggal di bandar mampu membeli rumah yang nilainya harga lebih kurang rata-rata RM300 ribu ke atas. Kita dapati rata-rata juga pendapatan ataupun gaji di negara kita lebih kurang RM3,000 ke bawah sebulan, terutamanya di kalangan belia yang *graduate* baru keluar universiti, gaji RM2,500-RM3,000 dan sudah tentu dia tidak mampu untuk memiliki rumah dengan harga RM300 ribu ke atas.

Jadi, saya setuju dengan istilah yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa Perhimpunan Agung tempoh hari. Golongan ini hanya mampu, hanya dapat rumah mampu tengok, hendak dapat rumah mampu milik, saya kira jauh sekali. Kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRIA) mendapati harga rumah mampu milik di Malaysia lebih tinggi berbanding dengan harga purata. Pada peringkat antarabangsa, harga rumah kategori ini 5.5 kali pendapatan penengah tahunan isi rumah. Ini berbanding penanda aras yang diguna pakai pada peringkat antarabangsa hanya tiga. Berdasarkan perangkaan 2012, pendapatan penengahan tahunan isi rumah di Malaysia RM43,512. Ini bermakna jika mengikut penanda aras antarabangsa, harga rumah mampu milik di negara ini sepatutnya RM130,000 seunit. Namun harganya kini sekitar RM239,316, harga di sini lebih tinggi berbanding dengan negara-negara maju yang lain.

Ini bermakna pemaju harta tanah di negara ini meraih keuntungan lebih tinggi iaitu lebih kurang 21 peratus. Isu ini walaupun kerajaan telah memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku yang lebih baik dengan menaikkan kadar pinjaman daripada RM400 ribu kepada RM500 ribu dan memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman, persoalannya adakah mampu untuk bayar balik pinjaman dengan gaji yang sebanyak itu seperti mana saya sebutkan sebentar tadi. Kerajaan telah memudahkan supaya peminjam boleh bayar balik pinjaman dalam tempoh 40 tahun, tetapi perlu diingat walaupun bayaran ansuran bulanan rendah tetapi jumlah faedah akan jadi tinggi. Harga rumah RM300 ribu dan dicampur dengan faedah akan menjadi RM600 ribu lebih kurang. Ini harus dilihat secara mendalam.

Bagi yang sudah membeli rumah pula, pelbagai masalah yang dihadapi. Masalah untuk mendapat CF dan sebagainya. Kadang-kadang kita pembeli rumah, sewa rumah kita kena bayar, *bank loan* kita kena bayar kerana kelambatan, kelewatan untuk mendapat CF daripada PBT dan sebagainya. Kesukaran untuk membeli rumah ini juga ialah disebabkan oleh aktiviti spekulasi yang keterlaluan sehingga menjejaskan pasaran hartanah yang menyebabkan harga rumah melambung tinggi. Bagi pemaju perumahan pula, mereka lebih cenderung untuk membina rumah harga tinggi demi menikmati keuntungan yang lebih lumayan. Amat mendukacitakan sekali apabila ada kawasan tanah yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada pemaju bumiputera, ada tanah-tanah di sekitar khususnya di Kuala Lumpur yang diperuntukkan tanah kepada pemaju bumiputera tetapi malangnya ada di kalangan pemaju-pemaju itu menyelewengkan tanah itu, menjual kepada kontraktor Cina, mengalibabakan projek itu. Ini jadi masalah kepada kita.

Saya ingin membawa satu contoh seperti di dalam Parlimen saya, di kawasan Batu, Parlimen Batu. Kalau Tuan Yang di-Pertua masuk ke kawasan Parlimen Batu, dari Jalan Sentul sehingga penghujungnya sempadan negeri Selangor, sempadan sahabat saya Gombak, Batu Caves, kiri dan kanan kita boleh lihat pembangunan yang sedang rancang dijalankan.

■1440

Sebelah kiri, sebelah kanan kita masuk mula-mula kita nampak *building dancing*, dengan izin, bangunan sedang menari yang didirikan oleh YTL. Beratus hektar mereka dapat anugerah daripada kerajaan walaupun satu ketika dahulu dia bantai kerajaan itu dia punya pasallah.

Akan tetapi apa yang saya hendak bawa di sini bermaknanya walaupun ada perjanjian 30 peratus pembangunan tersebut di tanah itu adalah untuk membuat rumah PPR, untuk buat rumah kos rendah, rumah mampu milik yang mampu dibeli oleh warga kota tetapi tidak ada sampai sekarang. Apa yang diutamakan rumah-rumah *apartment*, kondominium yang berharga jutaan ringgit Malaysia. Manakah mampu orang bandar hendak beli? Tidak semua orang bandar penduduk bumiputera di Kuala Lumpur ada pendapatan yang setinggi itu. Jadi, ini perkara-perkara yang harus dilihat.

Kita seterusnya daripada Sentul kiri dan kanan *One Sentul Utama*, Panorama pun ada, Bayu pun ada. Semua rumah-rumah itu harganya RM500,000 ke atas. Apa yang menghairankan kita lagi Tuan Yang di-Pertua, ada pembangunan tanah sekitar tiga ekar ataupun dua hektar macam itu lebih kurang. Sudah tentu kalau tanah seluas itu tidak mungkin untuk membuat pembangunan untuk rumah kos rendah ataupun rumah mampu milik. Sudah tentu mereka melaksanakan rumah yang berharga tinggi sebab tanah, premium di Kuala Lumpur agak tinggi tetapi persoalannya kenapa, macam mana, bagaimana tanah itu milik kerajaan, milik PTG, Kerajaan Wilayah Persekutuan, tanah itu dimiliki oleh Bandaraya ataupun sebahagiannya agensi kerajaan, kenapa tanah itu boleh dimiliki oleh pemaju-pemaju Cina, minta maaflah yang berleluasa di sekitar Kuala Lumpur. Sama ada tanah itu dimiliki oleh bumiputera dan dijual kepada pemaju-pemaju yang sedang membina...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh mencelah?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Boleh, silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam undang-undang negara kita sekarang berhubung dengan perumahan, pemaju-pemaju yang hendak membina rumah hanya dikenakan syarat untuk membina rumah murah jika keluasan perumahan itu lebih daripada 5 hektar. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat bawa tadi.

Undang-undang seumpama itu patut ditukar bukan sahaja tertakluk kepada keluasan perumahan, dalam kawasan perumahan biasa tidak apalah 5 hektar itu, tetapi dalam bandar sepatutnya apa yang dikenakan ialah bukan sahaja kawasan tetapi bilangan perumahan yang ada. Maknanya di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini misalnya kalau kawasan itu tidak mencangkum 5 hektar pun, kalau bilangannya terlebih daripada satu angka, maka kerajaan mestilah menetapkan supaya 30 peratus sekurang-kurangnya dibina dengan rumah harga sederhana atau rumah murah? Apakah pandangan Yang Berhormat daripada segi ini?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Itu Yang Berhormat Tan Sri memberi fakta tentang 5 hektar, mesti ada dibuat untuk perumahan mampu milik dan sebagainya. Akan tetapi yang saya persoalkan hari ini tanah itu tidak sampai pun 5 hektar, yang dibina *One Sentul* contohnya setinggian Kampung Sekamar dihalau dan pemaju-pemaju lain juga banyak lagi. Kalau kita pergi ke Jalan Sentul itu, memang banyak lagi perumahan-perumahan mewah yang sedang dibina. Tanah-tanahnya sempit, bukan luas, bukan sampai 5 hektar, 10 hektar dan kalau itulah 5 hektar ke atas kalau itu kita boleh berbincang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagaimana dibenarkan, bagaimana digazetkan untuk rumah perumahan rakyat dan sebagainya. Dalam soal ini, saya kira pihak kementerian ada jawapannya dan kita beri kepada kementerian untuk menjawab persoalan yang ditunjukkan tadi. Berbalik pada soal dalam bahagian lain...

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Minta mencelah Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Ya, silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tentang perasaan orang muda yang hendak membeli rumah mampu milik terutamanya di Kuala Lumpur. Walaupun kita mempunyai PR1MA dan minggu lalu saya dapati buku itu begitu cantik, projek-projek dia nampak begitu bagus dan diberitahu seramai 500 orang sudah register dengan PR1MA, tetapi seolah-olah perasaan orang ramai di luar itu macam rumah itu boleh jadi satu kenyataankah tidak boleh? Dia macam tidak *believelah*. Ini boleh menyelesaikan masalah perumahan untuk orang-orang muda. Apa pendapat Yang Berhormat tentang PR1MA ini dan sama ada PR1MA ini patut sebuah agensi di bawah Perdana Menteri atau sepatutnya di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal. Soal PR1MA, saya pun hendak sebut juga di akhir ucapan saya, perbahasan saya. Saya setuju dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Sebenarnya kita di bawah tidak terasa pun wujudnya PR1MA. Kita hanya lihat, kita hanya dengar nama dan logo sahaja. Rakyat di bawah sering tertanya-tanya kepada kita bagaimana PR1MA hendak membantu rakyat, membantu yang berpendapatan sederhana dan miskin ini? PR1MA juga kita difahamkan bahawa PR1MA mendirikan rumah, membuat rumah, membuat pembangunan dengan kadar RM500,000. So, bagaimana rakyat yang kebanyakan di bawah ini untuk memiliki? Saya percaya dalam bahagian saya ada...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Sila, sila. Banyak pun tidak apa.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kemampuan rakyat untuk membeli rumah PR1MA iaitu RM400,000, ada yang RM500,000. Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya kita lihat balik kepada sejarah di mana masa dahulu rumah-rumah ini dijual secara sewa beli. Maknanya kalau kita buat secara sewa beli, bebanan kepada pembeli itu kurang.

Jadi dalam tempoh 20 tahun lebih kurang atau 15 tahun, maka rumah itu akan jadi milik dia. Jadi, dia tidak perlu mengeluarkan deposit yang tinggi sewaktu dia ingin membeli rumah. Ini kerana kita kena faham, kos saraan hidup sekarang adalah tinggi. Kalau setakat gaji guru atau gaji *graduate* yang baru, suami isteri bekerja saya tidak rasa mereka mampu membeli rumah PR1MA. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya rumah PR1MA ini dibuat secara sewa beli khususnya di kawasan bandar? Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu satu cadangan yang baik saya kira. Saya sangat setuju sebab kalau mengambil kira pendapatan isi rumah orang muda, orang baru berkahwin sememangnya tidak mampu kalau rumah dengan kos RM500,000 ataupun RM300,000 ke atas memang tidak mampu. Mereka terpaksa membayar *loan* sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan dengan keperluan-keperluan yang kita berada di kota raya, di Kuala Lumpur berbagai-bagai keperluan yang kita mahu. Jadi, inilah yang harus difikirkan oleh pihak kementerian dan...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah? Sini, sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua itu.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Silakan Yang Berhormat Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat Senator, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Senator katakan dan saya juga merasakan kerisauan dan kebimbangan walaupun kita patut ucap tahniah kepada PR1MA, pihak kerajaan mengambil inisiatif. Ini pengalaman saya sendiri Yang Berhormat. Baru-baru ini saya terserempak seorang *graduate*, dalam bidang profesional, sedang bekerja di *Singapore*.

■1450

So argument dia, dia mengatakan pada hari ini ramai orang muda yang marah pada kerajaan, salah satu faktor utama perumahan dan beliau membandingkan walaupun saya tidak berapa suka. Beliau membandingkan di Singapura dia katakan, bahkan anak muda mempunyai keupayaan membeli rumah walaupun rumah itu mungkin berbentuk *flat*, dia kata, "*Tidak kisah. Janji kita ada rumah*". Akan tetapi di sini, saya memang sokong bahkan anak-anak kita, saya perhatikan dan ada berjumpa dengan beberapa orang anak-anak muda yang *graduate*, profesional, *senior QS*, *senior engineer*, tidak boleh membeli rumah. Saya pernah bercakap dengan ibu bapa dan ibu bapa dia kata, "*Macam inilah, duduklah dengan kami di rumah*". Dia mungkin ada bilik *extra*. "*Duduk dengan kami*".

Walhal pada zaman-zaman kita dulu, gaji tidak tinggi, kita boleh beli rumah. Pada hari ini, tidak. Saya hendak mencadangkan, bahkan saya hendak bertanya, walaupun saya menghormati pihak PR1MA dan lain-lain, tidak adakah polisi kerajaan untuk membantu PR1MA dan agensi-agensi ini yang lebih menekankan kepada rumah berbentuk tinggi, mewah ini, satu lagi edisi khas dibuat untuk melihat dan memberi peluang kepada anak-anak muda ini memiliki rumah. Contohnya pada saya, kalau kita membuat *condo* memanglah mahal. Dengan dia punya *swimming pool* dia, *finishing* dia yang *high class*. Tidak bolehkah kita membuat *condo* yang mungkin bertaraf rendah sedikit, tidak perlu *swimming pool*, dengan harga yang agak berpatutan, yang anak-anak kita boleh bayar. Kalau anak kita *senior engineer* pun, satu bulan sampai RM2,000 hingga RM3,000 walaupun suami isteri bekerja, untuk pengetahuan, tidak ada *chance* dia hendak beli rumah melebihi RM500,000, dengan izin.

Pertanyaan saya, adakah kemungkinan pihak kerajaan mendirikan satu lagi agensi khas untuk membantu anak-anak muda ini supaya mereka layak, bermakna secara automatik- *graduate* sahaja, kerja penat-penat, belajar penat-penat, takkan rumah pun tidak boleh beli? Ada tidak kemungkinan kita tubuhkan agensi yang lain? Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih. Kalau PR1MA yang ada hari ini tidak boleh menangani masalah perumahan untuk anak-anak muda yang ada hari ini, *why not* kita serah kepada Yang Berhormat Menteri supaya memikirkan jalan yang terbaik untuk beri pengkhususan, lihat secara lebih jelas, lebih dekat masalah orang muda. Masalah anak-anak muda yang berada dalam negara kita. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tan Sri sebentar tadi. Kita bagi kalau ada peluang dan ruang, kita cuba beritahu kepada Yang Berhormat Menteri bahawasanya ini keperluan. Anak-anak muda, keperluan anak-anak muda hari ini harus diberi penelitian yang jitu, yang jelas supaya mereka tidak meraba-raba berada untuk mendapat tempat tinggal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pendekkan saja sebab saya juga bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain melihatkan kerisauan ini melanda kawasan bandar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, ia membawa sampai ke kawasan saya di Gombak. Cuma walaupun pelbagai cadangan yang disampaikan, saya mohon ataupun mungkin adakah Yang Berhormat bersetuju seperti ada sesuatu *well plan*, dengan izin. Satu strategi yang cukup tersusun bagaimana dapat menghakiskan kumpulan-kumpulan yang tertentu keluar dari kawasan bandar dengan hanya meletakkan jumlah harga yang cukup tinggi sebab ini berlaku di kawasan bandar. Pulau Pinang mungkin bersetuju, di Selangor di kawasan bandar.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju, adakah ini merupakan satu strategi jahat yang disusun supaya mengeluarkan golongan-golongan yang tertentu dari kawasan bandar dan akhirnya ada puak-puak tertentu yang menguasai, duduk dalam bandar, mengawal hartanah, ekonomi dan sebagainya. Jadi, mohon penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Kemungkinan itu ada. Di Parlimen Batu, penghuni Melayu 38 ribu, penghuni Cina 32 ribu. Pada pilihan raya yang lepas, pengundi Cina yang memberi undi kepada Barisan Nasional hanya 1,300 orang daripada 32 ribu. Jadi tambahan pula sekarang ini perumahan-perumahan yang berstatus mewah harganya naik macam cendawan di bahagian saya, Parlimen saya. Sudah tentulah lagi ramai orang-orang Cina, bangsa-bangsa lain yang berkemampuan untuk membeli rumah tersebut. Ini cukup membimbangkan kita. Pilihan raya yang lepas kita kalah dengan 13 ribu undi. Pilihan raya sebelumnya kita kalah dengan 9 ribu undi. Semuanya di kalangan orang-orang Cina tidak memberi undi kepada kita.

Orang Melayu pada pilihan raya yang lepas, 70 peratus memberi undi kepada Barisan Nasional. Bayangkan orang Cina hanya daripada 32 ribu, hanya memberi undi 1,300. Bayangkan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: [Bangun]

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Banyak betul hari ini.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Boleh mencelah?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon pendapat Yang Berhormat juga mengenai pengundi-pengundi Melayu dan Cina. PR1MA pertama dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sidang Kedah. Apa yang membimbangkan saya semasa perasmian PR1MA, sebanyak 2 ribu unit rumah akan dijual. Alangkah sedihnya kami di negeri Kedah, terutama di Sungai Petani, di mana pendapatan golongan bawahan dan sederhana tidak sampai RM3 ribu. Kata kerajaan hendak tolong peniaga, hendak tolong pekerja kilang tetapi apa yang kita takut sekarang ini Yang Berhormat, sempadan Kedah dengan Penang. Orang-orang pembangkang dari Penang akan ambil kesempatan ke dalam negeri Kedah. Kawasan yang boleh menang, lepas ini tidak boleh menang. Apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih, sebenarnya isu ini berlegar. Isu ini sebenarnya berlegar di dalam bandar dan pinggir bandar. Kita takut, kita lihat pada pilihan raya yang lepas, yang sebelum ini, kawasan-kawasan bandar semuanya kalau kita menang 1-2 Kerusi pun agak tipis majoriti dan ini membimbangkan kita. Dengan pula adanya pemaju-pemaju perumahan yang mendirikan rumah yang berskala tinggi, berharga tinggi, yang sudah tentu orang lain yang mampu membeli, sudah tentu. Pada pilihan raya yang akan datang terutamanya di Wilayah Persekutuan amat sukar untuk kita pertahankan.

Jadi saya bersetuju dalam semua persoalan. Mungkin ini ada satu yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Megat tadi, *grand design* dengan izin, untuk menolak pengundi-pengundi orang-orang Melayu yang berada di dalam kawasan, contohnya kawasan Batu, menolak orang-orang Melayu yang tidak mampu. Maknanya balik kampung dan sebagainya, ini akan berlaku. Tuan Yang di-Pertua, kita sedih kerana perkara ini berlaku dan saya harap kerajaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil berat dalam perkara ini. Tengok pembangunan setempat, tengok pembangunan rumah-rumah yang akan didirikan di kawasan-kawasan terutamanya di dalam Wilayah Persekutuan. Saya hendak sambung fasal...

Dato' Dr. Johari bin Mat: [Bangun]

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Sila, sila, sila Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Dato' berhubung dengan perumahan tadi yang kita baca dalam bajet kita ini. Orang Melayu, bumiputera hanya memiliki 10 peratus saja daripada ekuiti dengan proses yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Apakah ini akan memperlahankan lagi pertumbuhan untuk capai 30 peratus ataupun duit tahap itu tidak bergerak-gerak atau turun lagi? Jadi saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat.

■1500

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan untuk mencapai objektif kita 30 peratus, sekarang kita pun tidak sampai. Kita uar-uarkan pada setiap perbahasan Dewan Negara, Dewan Rakyat, Melayu ekuiti hendaklah 30 peratus...

Tuan Yang di-Pertua: Melayu bumiputera.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Melayu bumiputera 30 peratus. Itu *target* kita tetapi daripada sejak merdeka sampai sekarang tidak pernah sampai dan saya setuju dengan Dato' Dr. Johari bin Mat sebentar tadi. Mungkin dengan cara ini, ekuiti yang dimiliki hari ini mungkin bertambah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Ya *Allah* Tuan Yang di-Pertua, saya dibekalkan oleh Timbalan Yang di-Pertua memberi masa saya 45 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Yang di-Pertua bercakap macam itu?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Jadi, saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Banyak lagi. Ini masalah perumahan. Saya hendak cerita masalah...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, baiklah saya bagi...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: ...Nelayan di kampung yang memberi mandat kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, saya tambah sedikit.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih atas jasa baik Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bangun itu. Dia hendak tanya apa?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Sudahlah. Janganlah banyak soal sangat. Masa sudah tidak ada ini [Ketawa]

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Hendak tolong tambah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih beri peluang kepada saya bercakap sedikit. Saya ingat lagi tahun 1974, saya ketika itu menjadi Pengarah Pilihanraya Setapak. Jadi datanglah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak, datang masa *briefing* kami di Dewan Sharifah Rodiah, Jalan Raja Muda, Kg. Baru di Parlimen Setapak, dia kata, "*Please jaga kawasan ini, this is the only safe Malay Seat.*" Masa itu Wilayah Persekutuan ada enam sahaja kawasan Parlimen. Dia kata, "*...this is the only safe Malay Seat*". Jagalah, kata dia. Akan tetapi akhir sekarang tengok, sedikit-sedikit jadi pula bahagian Parlimen Setapak, jadi Titiwangsa dan sekarang jadi Setiawangsa. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, mula-mula dahulu majoriti kita tetapi tidak sekarang, mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah penjelasannya Yang Berhormat? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Jadi saya hendak tanya, tidak adakah usaha sekarang ini kita hendak tolong supaya Melayu bumiputera ini dapat memiliki rumah di kawasan mereka itu tadi dengan cara harganya tadi kita dapati macam-macam lagi. Saya juga dengar takut ini. Betul tidak bahawa kalau tidak ada orang bumiputera mengisi 30 peratus itu, diberi kepada orang lain pula. Benar tidak itu? Hendak tanya itu. Awasilah. Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih ayahanda Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Akan tetapi saya hendak teruskanlah, masa tidak berapa ada...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani: Selain itu, dasar kerajaan yang membenarkan orang asing membeli rumah di Malaysia juga telah menyebabkan harga rumah melambung tinggi di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Walaupun kerajaan telah menaikkan kadar pemilikan rumah oleh orang asing sebanyak kepada RM1 juta, namun langkah tersebut tidak boleh membendung orang asing untuk terus membeli rumah di Malaysia kerana apa? Ini kerana mata wang mereka jauh berbeza dengan Ringgit Malaysia.

Sungguhpun baik untuk perkembangan industri rumah tetapi tidak membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Kebimbangan terhadap kos harga rumah ini ditambah dengan kenyataan REHDA tempoh hari, kerana GST mereka hendak naikan harga rumah lebih kurang 10 peratus. Daripada kenaikan kadar cukai keuntungan hartanah (RPGT) yang diumumkan kerajaan, malah khabarnya harga rumah akan naik 3 peratus lagi selepas GST dikuatkuasakan.

Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk membantu rakyat dalam mengatasi masalah pemilikan rumah melalui pelbagai program yang diadakan. Antaranya, usaha kerajaan untuk menyediakan sejuta unit rumah mampu milik untuk rakyat dalam tempoh lima tahun yang mendatang.

Ini disusuli inisiatif kerajaan untuk memberi subsidi antara RM15,000 kepada RM20,000 bagi membolehkan rakyat membeli rumah mesra yang dimajukan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Namun begitu, saya dapati usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ini tidak akan tercapai jika rakyat yang memerlukan tidak berupaya mendapat pinjaman bank atau tidak mampu membayar ansuran bulanan yang tinggi yang di luar kemampuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mewajibkan pemaju hartanah swasta membina rumah kos rendah pada sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sesuatu projek hartanah yang mereka laksanakan. Dengan banyaknya rumah kategori ini dibina, maka kenaikan harga rumah sudah pasti akan dapat dibendung. Oleh itu, kerajaan perlu mengkaji semula dasar perumahan dengan membuat penetapan harga rumah, bekalan bahan binaan, undang-undang tanah, inovasi teknologi, pembinaan dan kewangan dalam mengatasi masalah harga rumah yang tinggi. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mewujudkan sebuah pusat penyimpanan data pemilikan rumah bagi memantau pembelian rumah di bawah program PPR, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Ini bertujuan untuk mengelak seseorang itu memiliki lebih dari rumah yang disediakan di bawah program kerajaan ini.

Saya juga memohon supaya kerajaan dapat mengecualikan cukai kediaman yang berharga RM500,000 ke bawah dikecualikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dengan cara ini akan mengurangkan harga rumah dan merancakkan pembinaan rumah mampu milik oleh pemaju. Selain itu, skim sewa beli hendaklah diperluaskan, khususnya bagi golongan yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, khasnya kepada yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan tetap yang sukar untuk mendapatkan pinjaman bank.

Usaha yang dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan mengadakan program Rumah Transit bagi pasangan muda yang baru berkahwin adalah sangat dialu-alukan. Program ini dapat membantu golongan muda yang berpendapatan kecil menyewa rumah tersebut untuk sementara waktu sebelum mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan memperoleh pendapatan yang lebih stabil. Jadi, saya syorkan supaya lebih banyak lagi rumah transit diadakan di kawasan-kawasan bandar.

Rumah keperluan asas rakyat, terutamanya di bandar raya seperti Kuala Lumpur. Jadi, saya sangat berharap pihak kementerian dan agensi-agensi yang bertanggungjawab melihat perkara ini dengan lebih serius. Itu perkara yang pertama, soal perumahan.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebut dalam perbahasan saya, soal Kementerian Belia dan Sukan. Perkara yang pertama, sukan teras prestasi tinggi mula dilaksanakan pada tahun 2004. Sebanyak 19 sukan teras dipilih dari berpuluh-puluh sukan yang ada di negara kita. Kini tahun 2014, sudah masuk 10 tahun sukan teras dilaksanakan. Apakah kata pihak kementerian menilai semula kesemua 19 sukan teras ini dalam jangka masa 10 tahun? Apa pencapaian yang dicapai dan apa kelemahan yang ada dalam sukan tersebut. Sukan yang bukan teras tidak termasuk sebelum ini pun saya berharap kementerian *review* semula dan diberi peluang sekali lagi bagi dipertimbangkan bagi sukan bukan teras yang cemerlang yang boleh menggantikan sukan teras yang tidak mencapai KPI yang dikehendaki.

■1510

Adakah 19 sukan teras ini perlu ditambah jumlahnya atau dikurangkan ataupun ditukar ganti terserah kepada jawatankuasa yang ditubuhkan? Tahun 2016, pihak kementerian boleh mula kembali jumlah sukan teras yang baru bagi 10 tahun mendatang. Jadi perkara ini saya mohon pihak kementerian perelaskan sebab mutakhir ini kita lihat Yang Berhormat, pencapaian dalam sukan teras agak membimbangkan kita.

Kita pergi di mana-mana pun contohnya di Sukan Komanwel, contohnya di Sukan Asia walaupun *target* kita lapan buah pingat emas tetapi kita tidak mencapai. AFF Suzuki semalam yang satu perkara lagi yang saya hendak sebut di sini ialah Stadium Nasional Bukit Jalil, dibina pada tahun 1998 kerana Sukan Komanwel. Masalah yang menimpa Stadium Nasional Bukit Jalil tidak pernah reda, tidak pernah tidak kunjung padamlah orang kata. Masalah padang rumput. Stadium Nasional Bukit Jalil imej negara.

Semalam sukan bola sepak AFF Suzuki kita kalah 2-1 Tuan Yang di-Pertua, dibuat di Stadium Shah Alam kerana apa tidak buat di Stadium Nasional Bukit Jalil kerana masalah rumput. Kita sudah belanja berjuta-jutaan ringgit setiap kali untuk menukar rumput tetapi tidak pernah selesai masalah ini dan saya harap pihak kementerian mengkaji balik. Apa salahnya kita ambil pakar-pakar dari luar, daripada FIFA contohnya untuk kita sekurang-kurangnya dapat menampung atau menyelesaikan sedikit masalah. Ini semua perbelanjaan duit rakyat. Kita belanja RM2 juta untuk pasang rumput, kita belanja RM3 juta untuk pasang rumput, akhirnya padang itu tidak boleh digunakan, tidak sesuai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Jadi saya ringkas-ringkaskanlah Tuan Yang di-Pertua. Ketiganya tentang penstrukturan semula. Saya payah sedikit saya hendak sebut, lidah sebab orang Kelantan. Kita tengok sudah tujuh tahun antara ISN dan MSN berpisah. Sekarang sudah masuk enam tahun, sepatutnya kementerian setiap lima tahun buat perubahan daripada segi kakitangan dan sebagainya. Semasa dibuat perubahan penstrukturan semula pada enam tahun yang lepas, banyak kakitangan yang ada dalam MSN contohnya, pekerja kontrak diberinya, disahkan jadi pekerja tetap, yang pegawai-pegawai dinaikkan gred dan sebagainya. Akan tetapi tidak ada - sudah enam tahun berlalu. Jadi kasihan kita kepada rakyat, kepada pekerja-pekerja awam di MSN, di ISN, di KBS dan sebagainya. Agensi-agensi KBS pangkat tidak naik, bekerja sebagai kontrak, tidak ada *facilities* utama kepada mereka ini. Kita harus melihat dan saya ingat pihak Kementerian Belia dan Sukan harus melihat secara mendalam. Banyak lagi soal KBS ini yang saya hendak perkatakan tetapi masa sudah tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat, satu minit lagi.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Jadi masa sudah tidak ada, saya hendak bawa tentang satu lagi perkara. Kalau saya tidak sebut ini Tuan Yang di-Pertua, orang kampung marah saya. Orang kampung akan mencemuh saya. Ini ia juga terlibat dengan masalah rakyat di bawah termasuklah kawasan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi, termasuk di kampung saya Tok Bali, termasuk di Kampung Genting. Ini masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah dia Yang Berhormat? Apakah dia Yang Berhormat? Silakan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Masalah industri perikanan kita. Industri perikanan kita, penangkapan ikan kita, kita ada empat buah zon, Zon 'A', Zon 'B', Zon 'C' tetapi saya tidak hendak cerita fasal tiga buah zon itu. Apa yang saya hendak cerita ini tentang Zon C2 iaitu penangkapan ikan laut dalam, 30 batu nautika ke atas. Daripada 1,023 orang pengusaha laut dalam ini, sebahagiannya sudah ramai yang gulung tikar, kenapakah? Mereka mengeluh Zon 'A', Zon 'B', dan Zon 'C' minyak subsidi RM1.45 seliter untuk ketiga-tiga zon- Ini Yang Berhormat Menteri ada tepi ini. Akan tetapi Zon C2 minyak yang terpaksa ditanggungnya ialah RM2.20 seliter diesel, sedangkan mereka berkata bahawa hasil tangkapannya lebih kurang sama walaupun Zon C2 ini boleh pergi ke laut lepas tetapi berbagai-bagai cabaran yang mereka hadapi Tuan Yang di-Pertua.

Persaingan dengan nelayan-nelayan asing, pemantauan tidak dibuat secara khusus, tambahan lagi hari ini nelayan Vietnam yang sentiasa berada di perairan antarabangsa tetapi lepa sedikit kita dia terus masuk perairan kita. Mereka menggunakan kaedah tunda gading. Tahu atau tidak tunda gading? Bermaknanya tunda gading ini mereka lima buah bot, lapan buah bot, sepuluh buah bot sekali dikaut dalam kawasan perairan kita. Jadi bagaimana nelayan-nelayan laut kita hendak bersaing dengan mereka...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Masa sudah tidak ada. Masa sudah tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tidak ada ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat giliran Yang Berhormat nanti, Yang Berhormat bercakap.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Biarlah saya habis. Yang Berhormat Datuk biarlah saya habis. Masa sudah tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Jadi itulah saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan KPDNKK tolong ambil perhatian. Tadi saya sempat bercakap dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di luar, dia kata kita hendak hapuskan semua pukut tunda C2 ini, laut dalam. Kalau itu berlaku, nelayan-nelayan di Pantai Timur kita merasa kecewa dan sedih sebab itulah punca pencarian kita. Pencarian orang-orang kampung dan salah satu kemenangan kita di kawasan Yang Berhormat kita tempoh hari adalah dengan bantuan orang-orang nelayan dan kita berterima kasih kepada kerajaan dan kementerian kerana menaikkan sara hidup kaum-kaum nelayan sama ada di Pantai Timur ataupun di seluruh negara daripada RM200 kepada RM300.

Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang hendak saya sampaikan dan memorandum yang dibuat oleh Persatuan Nelayan kawasan Genting Tumpat ini saya akan serah kepada Menteri semasa penggulungan nanti supaya sama-sama kita mendengar apa hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri nanti dan *insya-Allah* itulah sedikit sebanyak perbincangan yang dapat saya utarakan dan terima kasih kepada sahabat-sahabat memberi sokongan dan dorongan, campur tangan dan sebagainya dalam perbincangan saya. Terima kasih banyak dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengambil perhatian semua Ahli Yang Berhormat, separuh daripada Yang Berhormat boleh bercakap macam mana Yang Berhormat Datuk Yahaya bercakap, separuh Ahli Yang Berhormat pendek sahaja, yang menjadi masalah kepada saya di atas ini masa itu Yang Berhormat.

■1520

Kepada Ahli Yang Berhormat yang ada lebih banyak lagi perkara yang hendak dibangkitkan tetapi tidak sempat, saya akan tengok di masa kemudian nanti kerana saya nampak rasanya tak semua nak bercakap ini. Itu sebab saya dah pesan banyak kali, sila kemukakan nama bila nak berucap dan sebagainya supaya senang saya nak buat jangka masa. Kita ada sampai 11 hari bulan Yang Berhormat, nampaknya tak semua mengemukakan nak bercakap. Itu sebabnya kalau saya bagi lama sangat itu, separuh dapat 45 minit, separuh ini tak, nanti orang kata Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tak adil, kenapa singkat sangat. Inilah dia, saya nak cuba sebaik mungkin tetapi mohon kerjasama semua Yang Berhormat. Kemukakan nama dan kalau boleh bila nak berucap dan sebagainya, kita boleh timbangkan. Sekarang tanpa membuang masa, saya mempersilakan Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian. Selepas itu Dato' Lim ya.

3.21 ptg.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Bajet 10 Oktober 2014 dan Timbalan Menteri Kewangan diulas lagi minggu dulu. Walaupun terdapat banyak peruntukan untuk Sabah dan Sarawak seperti *Pan Borneo Highway*, dengan izin, bekalan elektrik, bekalan air bersih tetapi Sabah dan Sarawak selepas 51 tahun merdeka dalam Malaysia, masih harap boleh *catch up* dengan izin, untuk pembangunan yang sama seperti Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak sekolah dan hospital di Sarawak yang bukan sahaja dalam keadaan yang buruk, malah kekurangan peralatan dan kakitangan. Malang sekali walaupun begitu banyak rayuan sama ada secara bertulis mahupun secara lisan, namun kesabaran penduduk Sarawak tidak harus dipandang ringan. Mengapakah saya berkata sedemikian? Pengalaman peribadi saya berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bermula sebagai Pegawai Perubatan U48 kepada Pegawai JUSA A dalam tempoh sepuluh tahun mendapati Menteri berkaitan, Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah sentiasa tidak kerap melawat Sabah dan Sarawak dan tidak cukup turun padang ke tempat-tempat yang memerlukan perhatian.

Melihat dan mengalami sendiri situasi sesuatu tempat adalah penting dengan izin, *seeing is believing*. Sebagai contoh, peruntukan untuk makmal jantung Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2014, namun oleh sebab tidak ada sebarang tindakan diambil menyebabkan saya terpaksa menimbulkannya di Dewan ini pada bulan Jun yang lepas.

Selepas itu, peruntukan baharu diberi pada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak tetapi peruntukan itu diberi begitu lewat menyebabkan tender tidak dapat dibuka. Sekarang kena tunggu tahun depan ada peruntukan lagi atau tidak.

Mengapakah perkara ini berlaku? Saya selalu tertanya. Terlepas pandang, kurang akauntabiliti atau sebab-sebab yang lain? Nasib baik saya mempunyai jalan untuk memastikan projek ini dijalankan seperti sepatutnya kerana ada banyak orang sakit jantung tunggu untuk operasi. Bagaimanakah kalau orang yang diberi tanggungjawab ini tidak mempunyai cara penyelesaiannya? Terlepaslah peruntukan ini begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak sudah semestinya mendapat banyak faedah dengan menyertai Malaysia. Kita berasa amat berterima kasih kepada tentera dari Semenanjung Malaysia, Australia dan Britain yang mempertahankan negeri Sarawak dan Sabah bila merdeka. Sebagai balasan, beberapa orang askar Sarawak juga mempertahankan negara dan terkini ialah di Lahad Datu. Dalam hal ini, Sarawak dan Sabah telah menyumbang kepada kejayaan semangat 1Malaysia. Mengapa pula Sabah dan Sarawak dengan izin, *still under current*, mahu keluar dari Malaysia?

Isu berkaitan kerja juga perlu diberi perhatian. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan semua perlu bekerjasama untuk mengekalkan negara ini sebagai sebuah negara dan bangsa iaitu bangsa Malaysia. Saya secara peribadi merasakan bahawa bukan sahaja penduduk Sarawak sedar tentang kurangnya pembangunan di Sabah dan Sarawak, malahan pekerjaan di peringkat perkhidmatan kerajaan khususnya jawatan tinggi juga perlu diberi perhatian.

Keperluan daripada segi jawatan seperti Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah bagi kementerian juga perlu diagihkan secara sama rata kepada penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak. Jawatan tinggi di peringkat Kerajaan Persekutuan di negeri amat penting juga. Ia akan menyediakan asas kepada persepsi pegawai bawahan di peringkat persekutuan yang akan memupuk pemahaman yang lebih di kalangan Menteri dan keseluruhan kementerian berkaitan dengan keperluan Sabah dan Sarawak. Di peringkat negeri pula, pegawai berkaitan amat penting dalam membetulkan persepsi yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan mengubah Akta Hasutan dan saya berpendapat bahawa pelbagai perkara dalam akta ini perlu diteliti dan diperincikan. Apa yang penting dengan izin, *judicial affair and consistent enforcement* tetapi saya tidak bersetuju dengan izin, *second clause* iaitu termasuk Sabah dan Sarawak dengan izin, *subsection* di dalam akta itu. Jangan pula jadikan perkara ini sebagai isu pengkhianatan tetapi lebih kepada mencari cara penyelesaian yang lebih sesuai dan melihat isu ini dari sudut mikro. Saya berpandangan cara keras seperti melalui undang-undang Akta Hasutan tidak akan membawa kita ke mana-mana sebaliknya cara mengagihkan pembangunan yang lebih setaraf pada Sabah dan Sarawak, termasuk dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memberi peluang kepada pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak untuk menyandang jawatan tinggi dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan lebih sesuai dan mampu menyelesaikan isu ini dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini bersetuju dengan saya bahawa kalau satu *boss* cakap pekerja-pekerja dengan bagus, mana ada pekerja mahu lari daripada *boss*. Maka kalau sekiranya hanya penduduk Sabah dan Sarawak diberi perhatian, isu Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang perlu dilakukan dan banyak yang berlaku tidak selaras dengan yang penting untuk Sabah dan Sarawak berbanding dengan apa yang telah dilakukan untuk Sabah dan Sarawak. Marilah sama-sama kita menunjukkan kepimpinan melalui teladan. Kita sedia maklum...

Tuan Chong Sin Woon: Tuan Yang di-Pertua, minta celah sikit boleh?

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Ya, ya.

Tuan Chong Sin Woon: Yang Berhormat Senator tadi mengatakan bahawa adanya *under current* untuk menjadikan Sabah dan Sarawak merdeka atau keluar dari Malaysia. Soalan saya ialah, berapakah serius *under current* ini dan apakah keinginan kerajaan memasukkan isu itu dalam Akta Hasutan tidak dapat menyekat perkara ini berlaku? Terima kasih.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih. Saya fikir itu banyak kali di *website*, di media dan juga di *coffee shop* tetapi yang penting ini bukan rasa *open* tetapi kita mesti jaga-jaga *before* dengan izin, *blow out*.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua berasal dari Sarawak. Maka, kita ingin menjemput Tuan Yang di-Pertua untuk turun padang ke negeri Sarawak dan Sabah, merasai sendiri keadaan sebenar dan seterusnya dapat menyumbang kepada perpaduan negara. Semua Yang Berhormat Senator dari Sarawak akan berbangga menyambut semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari Dewan ini pergi ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan dianggap gagal menjalankan tugas saya sekiranya saya tidak menimbulkan kos kehidupan penduduk di Sarawak. Sarawak sebagai negeri yang ketiga kaya dengan lebih bajet untuk lapan tahun berturut-turut amat kurang bernasib baik kerana pendapatan per kapita penduduk Sarawak bukan yang ketiga, kaya. Oleh itu, program-program di Bajet 2015 amat penting untuk rakyat Sarawak.

Saya sekali lagi menyokong Bajet 2015 dan berharap kementerian berkaitan akan mengambil perhatian *especially*, dengan izin, JPA terhadap peluang untuk penduduk-penduduk Sarawak dan saya- isu-isu yang lain.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap di Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapati Yang Berhormat Dato' Khairudin dan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren belum berucap lagi ya? Nampaknya yang belum ini, selepas Yang Berhormat Dato' Lim, saya fikir Yang Berhormat Dato' Khairudin dan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren, ya, elok bersedia. Yang Berhormat Dato' Goonasakaren, *are you ready* ataupun hendak ubah?

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Tuan Yang di-Pertua, saya berucap esok.

Tuan Yang di-Pertua: Esok?

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Selepas Yang Berhormat Dato' Lim, Yang Berhormat Dato' Khairudin. Silakan.

3.32 ptg.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk menyertai perbahasan Perbekalan 2015 ini.

Jadi saya berasalah semua rakyat di Malaysia berasa sedih sebab Piala Suzuki, pasukan kita telah tewas kepada pasukan Vietnam. Jadi dengan ini, saya ingin bertanya kementerian, adakah apa-apa langkah...

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian mana, Yang Berhormat?

Dato' Lim Nget Yoon: Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebut Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian sahaja tidak cukup, sebut.

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi, apakah langkah boleh diambil oleh kementerian untuk membaiki mutu sukan kita yang semakin merosot? Saya ingin menarik perhatian kementerian tersebut tentang bagaimana kita hantar pasukan kita ke negara asing. Ambil contoh, *Commonwealth Games* di Glasgow, kita hantar pasukan ragbi kita pergi sana dan kita dapati skor dia berpuluh dengan *zero*, yang *zero* itu ialah skor negara kita. Pasukan itu terlibat ramai pemain. Jadi perbelanjaan itu adalah besar dan duit itu duit rakyat kita. Jadi saya memang tidak fahamlah kenapa hantar pasukan yang besar sekali, perbelanjaan yang besar tetapi dapat skor begitu teruk. Sebaliknya, kita ada boling padang yang kita dapat pingat, dua buah pingat. Lelaki dan perempuan pun dapat pingat.

Jadi kenapa kita tidak memberikan tumpuan kepada sukan di mana kita boleh menang? Itulah soalan saya tentang kementerian tersebut.

Dengan isu masa ini, kita dapati Ketua Pembangkang, *title* dia ditarik balik oleh Sultan Selangor. Saya fikir Sultan Selangor sudah membawakan keadilan dengan mengadakan tindakan untuk melindungi *dignity* Sultannya sendiri. Ini sudah adil tetapi Ketua Pembangkang itu telah buat dengan sengaja, dengan kepentingan sendiri untuk mengadakan pilihan raya kecil. Itu memanglah menentang, kalau ada *code of ethics*, untuk pilihan raya. Setahu saya, pilihan raya kecil hanya berlaku pada seseorang wakil rakyat yang sudah meninggal, itu sahaja. Jadi, isu ini bukan hanya sekali tapi dua kali. Kali pertama di Permatang Pauh dan kali kedua di Kajang. Jadi di sini saya ingin bertanya SPR kita, adakah apa-apa langkah atau tindakan untuk memberhentikan kejadian diperlakukan kali ketiga atau kali keempat? Itu sahaja.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat mahu cadangkan kepada pihak SPR untuk membentangkan keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan untuk kedua-dua pilihan raya kecil ini yang tidak ada faedah langsung? Hanya kerana menuruti hawa nafsu untuk berkuasa, kita menggunakan duit rakyat yang sebegitu banyak. Jadi, apa Yang Berhormat hendak satu persoalan dibangkitkan kepada kementerian ataupun kerajaan bagi menyatakan jumlah sebenar terutamanya kepada SPR, bagi kita di Dewan yang mulia ini dapat satu penjelasan. Apakah berlaku pembaziran terhadap duit rakyat dengan mengadakan pilihan raya yang tidak perlu itu?

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, memang setuju 100 peratus. Ini kerana, yang duit rakyat ini selalu dibangkit oleh pihak tertentu iaitu pembangkang, kerajaan BN membazirkan duit rakyat. Jadi di sinilah terbukti pembangkang sendiri lagi teruk. Kalaulah BN memang membazir duit, dia lagi teruk, tanpa apa-apa faedah kepada rakyat.

Di sini saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan kita yang ingin sangat meningkatkan bahasa Inggeris kita. Saya diberitahu, kita mengupah guru-guru asing untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Tidak ada soalan untuk menentang tindakan itu.

■1540

Kita memang ada guru-guru Inggeris yang berkualiti, yang telah bersara pada masa sekarang. Kenapakah saya berkata begitu? Kalau guru-guru yang bersara pada masa sekarang, mereka ialah yang mengikuti pendidikan bahasa Inggeris atau *English education*, kalau dia bersara pada masa sekarang. Jadi dengan mengupah guru-guru yang telah bersara itu, bukan sahaja kita boleh mengurangkan kekurangan sumber manusia tetapi juga boleh memberhentikan mata wang kita mengalir kepada negara-negara asing. Jadi kenapa tidak? Jadi saya di sini bercadang kepada kementerian membuat demikian.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, *thank you*.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Cadangan itu amat baik, cuma saya terfikir dan saya cukup setuju selama ini memang kita menerima hakikat cukup ramai guru bahasa Inggeris yang telah bersara, yang cukup baik. Ini pengalaman kita sendiri semasa belajar dulu, saya dapati guru-guru bahasa Inggeris *local* tidak kira bangsa India, Cina ataupun Melayu, penggunaan bahasa Inggeris memang *perfect*, dengan izin.

Persoalan saya, kalau kita hendak mengimplementasikan atau mencadangkan idea ini kepada pihak kerajaan, sudah pasti salah satu masalahnya umur. Persoalan saya, boleh atau tidak kita mencadangkan sampai ke tahap umur yang agak tinggi bahkan umur 75 tahun, kalau mereka sihat untuk mengajar. Ini kerana saya memikirkan semasa saya menjadi *student*, saya duduk congak-congak mereka sudah berumur 70-an, mungkin dekat umur 80 tahun tetapi *they are so good, perfect*. So, dengan izin, bolehkah kita mencadangkan kalau kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan kos mengambil guru-guru di luar negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada cadangan daripada Yang Berhormat Tan Sri. Saya memang setuju untuk menaikkan umur pesara. Tentang meningkatkan bahasa Inggeris kita, saya ingin menarik perhatian kementerian bukan pendidikan, yang ini tentang program TV. Dalam program-program TV... [Disampuk] Kementerian Komunikasi dan Multimedia, kementerian yang terlibat tentang TV. Dalam program TV kita, kita dapati sari kata atau *subtitle*, sari kata, *thank you*.

Jadi kadang-kadang kita dapati dengan mengambil contoh, *couples of days* dialih bahasa selama dua hari sebab dia nampak *couple*. Satu *couple* dua hari. Juga ada pengacara sebut perkataan "*honourable*", mereka sebut "*honorable*". Program-program TV ini ialah satu kaedah di mana kita boleh membaiki atau belajar bahasa Inggeris kita. Akan tetapi dengan kesilapan tersebut, bagaimanakah kita hendak meningkatkan bahasa Inggeris kita? Jadi saya ingin menarik perhatian kementerian yang terlibat iaitu untuk meningkatkan bahasa Inggeris kita.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [Bangun]

Dato' Lim Nget Yoon: Ya nanti, saya tidak ada masa.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey. Sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya amat teruja bila Yang Berhormat Senator berbicara dengan bahasa yang begitu baik sekali dalam Bahasa Melayu dengan semangat keberaniannya. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, bagaimana kita hendak masukkan elemen-elemen keberanian seperti Yang Berhormat ini, macam mana? Ini kerana bahasa ini perlukan keberanian, tidak rasa takut untuk berbicara dalam bahasa apa sahaja yang kita hendak jadi pakar. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh berkongsi dengan Dewan dan juga kementerian, bagaimana semangat keberanian itu boleh kita terapkan di kalangan anak-anak pelajar kita, anak-anak murid kita supaya mereka dapat menguasai bahasa Inggeris, Bahasa Melayu sebagaimana Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, isu yang sama kalau boleh sekejap Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah yang Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf. Saya hendak tambah sahaja apa Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf sebutkan tadi. Saya ingat pada minggu pertama Yang Berhormat Dato' Lim berada dalam Dewan ini, Bahasa Melayu sangat teruk, terus terang sahaja. Akan tetapi dalam masa tidak sampai satu sesi, saya nampak Yang Berhormat Dato' Lim berbicara dalam Bahasa Melayu yang teratur, sistematik dan jelas.

Jadi saya hendak tahu, apa rahsia Yang Berhormat Dato' Lim dapat menguasai Bahasa Melayu dalam masa yang begitu singkat. Saya hendak tuntut, waktu Yang Berhormat Dato' Lim pada hari pertama bercakap, minta maaflah Tuan Yang di-Pertua saya kata, *wrong choice*, dengan izin. Akan tetapi yang jelas saya *wrong assessment on my part*, dengan izin. So, hendak tahulah. Itulah sambungan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tadi. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih atas pujian tersebut. Saya malulah... [Ketawa] Jadi untuk menjimatkan masa, saya teruskan dengan perbincangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pertanian. Saya memang setuju dan mengalu-alukan bantuan diberi kepada petani padi atau nelayan. Kalau tidak silap saya, bantuan diberi kepada nelayan selain daripada subsidi petroleum, Zon 'A' dapat RM300 sebulan, Zon 'B' mendapat RM250 sebulan dan Zon 'C' mendapat sebanyak RM200 sebulan. Jadi, tidak ada soalanlah tentang bantuan itu. Akan tetapi, adakah kementerian fikir adakah cara yang lebih baik untuk saluran bantuan ini? Di sini saya ingin bercadang, kita membantu mereka dengan tangkapan mereka. Itu satu cara yang sangat adil dan sangat terus terang. Kalau tangkapan besar, bermakna nelayan ini sangat rajin, dia bekerja keras dan dia patut dapat bantuan yang lebih. Sebaliknya nelayan yang kurang rajin, tangkapannya sedikit, jadi dia tidak dapat...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: [Bangun]

Dato' Lim Nget Yoon: Tidak ada masa, jaga masa saya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ramai orang minat dekat Yang Berhormat ini nampaknya. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato'. Memanglah saya melihat Yang Berhormat Dato' fasih berbahasa Melayu, saya sudah sayang sama *youlah [Ketawa]* Tahniah, ini yang kita lihat, yang kita kehendaki di kalangan rakyat Malaysia. Cuma persoalan saya, apabila saya mendengar Yang Berhormat mengatakan daripada segi keuntungan yang didapati oleh nelayan. Persoalan saya, adakah benar walaupun nelayan-nelayan ini dibantu oleh pihak kerajaan, tetapi mereka melakukan satu bentuk penyelewengan di mana mereka telah menjual ikan-ikan ini dengan nelayan-nelayan asing di lautan dalam. Terima kasih.

■1550

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih atas soalan itu. Itulah sebab kenapa saya mencadangkan kepada kementerian...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: *[Bangun]*

Dato' Lim Nget Yoon: ...Untuk memberikan bantuan mengikut tangkapan. Kalau dengan tangkapan yang besar, dia dapat bantuan subsidi yang lagi besar.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Boleh beri laluan?

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu sekejap, Yang Berhormat, tunggu sekejap. Beri dia jawab dahulu.

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi, dia tidak akan jual tangkapannya kepada nelayan-nelayan daripada negara asing. Jaga masa saya ya. Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Lim kerana memberi laluan kepada saya. Soal bantuan nelayan yang kementerian telah laksanakan, kita alu-alukan dan terima kasih. Akan tetapi apa saya difahamkan, kementerian juga telah memberi insentif ke atas pendaratan ikan sebanyak 20 sen saya kira, di merata-rata tempatlah. Mungkin Yang Berhormat hendak lebih agaknya, 20 sen tidak berapa mencukupi.

Akan tetapi apa yang saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat, daripada segi kaedah pembayaran sara hidup kepada nelayan-nelayan khususnya di Pantai Timur yang melibatkan keseluruhan 99 peratus bumiputera. Kalau semasa pilihan raya, duit sara hidup itu dibahagi secara langsung kepada nelayan tetapi kalau tidak ada pilihan raya, waktu-waktu sebegini tidak ada program sedemikian, ia terus masuk akaun. Nelayan mungkin tidak terasa, RM300 atau RM200 diberi kepada nelayan melalui akaun sebagaimana BR1M yang dibuat sekarang melalui akaun, tidak guna kepada kepimpinan di peringkat kawasan, saya rasa ia kurang memberi faedah kepada kerajaan, kepada parti kita. Setuju ataupun tidak Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Soalan ini saya fikir kita serah kepada kerajaan *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Seperti kita telah dimaklumkan, kerajaan memberi bantuan kepada pekebun kecil. Kita ada skim tanam semula sawit pekebun kecil dan skim tanam baru sawit pekebun kecil. Saya dimaklumkan bahawa untuk satu permohonan mendapatkan kelulusan daripada MPOB hanya makan masa tiga bulan. Akan tetapi saya ada bukti, hanya untuk mendapat surat daripada MPOB, katakan permohonan telah *dirceive*...

Seorang Ahli: Terima.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima. Hanya yang itu sahaja sudah makan masa tiga bulan. Apalagi hendak mendapatkan kelulusan. Saya dapati aduan daripada permohonan sampai dapat kelulusan makan masa satu tahun, di mana satu tahun itu masa memanglah panjang kalau pekebun kecil itu berhenti kerja hendak mengikut skim tersebut dan ingin menanam semula. Jadi, apakah terjadi? Dia akan tunggu satu tahun tanpa bekerja. Jadi yang ini memang sudah menjejaskan tujuan baik kerajaan untuk memberikan bantuan serta ekonomi kita sebab kerja tidak berjalan, kerja tergendala. Jadi yang itu akan merosakkan ekonomi negara kita. Kenapakah prestasi-prestasi pegawai kerajaan kita begitu lemah? Selalunya tujuan baik kerajaan yang mengadakan program-program, bantuan-bantuan dan akta-akta, semua terjejas oleh sebab penguat kuasa prestasi kakitangan kita.

Selepas itu, kerajaan dapat tuntutan dikatakan kerajaan yang lemah. Jadi saya ingin menarik perhatian mana-mana Kementerian yang ada kelemahan tersebut.

Ambillah contoh isu di Cameron Highlands. Saya tahu ramai sudah bangkitkan tentang isu Cameron Highlands. Saya berasal dari negeri Pahang. Jadi kalau saya tidak bangkitkan isu ini, saya tidak boleh baliklah [*Ketawa*] Malu hendak balik. Oleh sebab isu Cameron Highlands ini pada pandangan saya, sudah mengalih fokus, fokus *divert*. Kenapakah kita memberikan tumpuan kepada PATI? Setahu kita, PATI pergi tempat yang boleh cari duit, yang ada kerja. Isu Cameron Highlands ini, kalau tidak ada salah guna kuasa pegawai, tidak ada kelemahan penguat kuasa, tidak ada peneroka haram. Kalau tidak ada peneroka haram, tidak ada lah kerja. Kalau tidak, ada lah kerja, tidak ada PATI akan wujud di sana. Saya memang nampak begitu dan bukan saya sahaja, semua rakyat lihat dan tahu kejadian yang sebenar dan mereka menanti-nantikan apakah tindakan yang wajar. Apakah tindakan susulan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah dan isu tersebut?

Sekarang banyak tempat sudah bersedia untuk mengalami banjir. Ada banjir kilat. Kita sudah tahu punca untuk banjir dan untuk tanah runtuh semua ialah hutan simpan atau tanah rizab sungai dicerobohi oleh orang. Dalam isu ini, penceroboh dapat keuntungan. Selepas itu tanah runtuh, banjir kilat, rakyat susah dan kerajaan kita kenalah berbelanja yang besar yang tambahan dan selalu dibangkit.

■1600

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap Yang Berhormat. Sebelum saya beredar dan diambil alih oleh Timbalan saya, Yang Berhormat agaknya banyak memberi minat kepada Yang Berhormat tadi setuju sungguh kerana Yang Berhormat ini saya pun perlu menegur Yang Berhormat tetapi teguran Yang Berhormat terima dengan penuh perasaan bertanggungjawab usaha Yang Berhormat dan tanpa segan silu Yang Berhormat jadi minat sekarang ini.

Walau bagaimanapun— ini contoh, kalau hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih. Itu sebabnya Yang Berhormat jadi contohlah. Akan tetapi Yang Berhormat ini memang *versatile*. Bila saya bawa ke luar negara pun bila menari, dia menari sekali. Hebat [*Ketawa*] Hebat, hebat. Bagus Yang Berhormat, sebenarnya. Yang Berhormat ada lebih kurang- saya serahkan kepada Timbalan saya dan juga untuk makluman semua kita ada sampai Khamis. Saya nampak hari Khamis itu tidak ramai.

Akan tetapi saya hendak beri peluang yang dulu itu mesti didahulukan. Maka hari ini pun mungkin agak tidak semua boleh berucap atau berbahas, akan bawa ke esok. Beri keutamaan yang kita bawa pada hari ini ke esok beri keutamaan dulu sebelum kerana ini dia ada berkait-kait. Kita ada macam-macam majlis kita adakan. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita akan berusaha membolehkan semua Ahli Yang Berhormat berbahas dalam Dewan ini. Sekian. Teruskan Yang Berhormat.

[*Timbalan Yang di-Pertua mepengerusikan Mesyuarat.*]

Dato' Lim Nget Yoon: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang isu Cameron Highland dengan izin, selalu kita kata *once beaten twice shy* dan isu ini bukan kali pertama berlaku. Kali pertama berlaku pada tahun lalu bulan Oktober yang pada insiden itu empat nyawa terlibat. Kali ini lima nyawa terlibat, terkorban. Jadi jumlahnya...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Yang Berhormat, bolehkah mencelah?

Dato' Lim Nget Yoon: Jaga masa saya.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon. Saya pun kalau tidak cakap Cameron Highland ini saya pun takut tidak balik-balik ke Pahang.

Jadi Yang Berhormat Dato' Lim ada menyebut bahawa dengan izin, *divert* dengan isu Cameron Highland ini sebenarnya PATI itu datang ke sana oleh sebab banyak pekerjaan di sana. Jadi maknanya, dia boleh mendapatkan pendapatan yang lebih.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimanakah caranya sebenarnya untuk mengatasi isu di Cameron Highland ini? Adakah disebabkan oleh kecuaiannya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di Cameron Highland sama ada dia terlepas pandang ataupun sengaja tidak mahu ambil tindakan. Kalau kita lihat dalam media-media melaporkan kawasan-kawasan penanaman sayur itu dibangunkan kawasan yang begitu hebat yang saya fikir menelan perbelanjaan mungkin berjuta-juta ringgit. Tidak akan tidak boleh nampak. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak akan kita tidak boleh nampak bahawa kawasan kita telah diceroboh oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Lim Nget Yoon: Sebenarnya soalan ini kita serah ke kementerian untuk menjawab. Akan tetapi saya cuba memberi sedikit pandangan saya. Kalau tidak ada *foul play*, tidak akan ada peneroka haram yang yakin sangat dan berani sangat *invested* sebanyak RM20 juta ada di surat khabar kita.

Jadi, di manakah- soalan saya pun sama ya. Di manakah peneroka haram itu dapat keyakinan dan keberanian yang kerajaan tidak akan ambil tindakan untuk menghapuskan tanah haram dia? Itulah soalan semua dalam Dewan kita dan juga di luar sana semuanya rakyat Malaysia ingin tahu.

Jadi di sini saya - tadi dekat mana ya? Sudah sembilan nyawa terkorban. Jadi sebelum insiden berlaku pada tahun lalu di surat khabar *Star*, saya ada baca di *first page* dan *second page*. *Reporter* itu membawa orang dengan pegawai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pergi ke Cameron Highlands untuk menyiasat orang menceroboh hutan simpan itu. Kenapa pada masa itu apabila surat khabar ada, memberitahu maklum beribu-ribu hektar hutan simpan telah dicerobohi. Kenapakah kementerian dan kerajaan kita tidak mengambil tindakan pada masa itu? Kalau pada masa itu tindakan sudah diambil, kemungkinan kedua-dua tragedi di Cameron Highlands ini tidak akan berlaku.

Bila insiden kita sudah berlaku, janganlah pandang itu satu impak yang negatif kepada kerajaan. Kesalahan telah dibuat. Memang ada kesilapan. Akan tetapi dengan kesilapan, kesalahan itu, kita boleh betulkan. Kita ambil tindakan yang betul, yang tegas untuk menyelesaikan masalah insiden Cameron Highlands itu. Tidak akan rakyat tidak sokong kita kalau ini diambil tindakan yang betul.

Jadi di sinilah saya berharap kementerian kita janganlah *divert focus*. *Go straight to the point* siapa yang bersalah, tindakan diambil supaya akta-akta yang sedia kita ada, memanglah baik dan adil tetapi akta-akta yang baik dan adil yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tidak dilihat baik dan adil. Tidak diambil tindakan oleh pekerja-pekerja kerajaan ataupun penguat kuasa kita. Jadi itulah masalah kita.

Ini bukan sahaja di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, di mana-mana kementerian kita dapati memang ada kelemahan penguat kuasa. Ambillah contoh cermin gelap. Cermin gelap tidak dibenarkan tetapi kenapa barang-barang yang tidak boleh dijual boleh didapati di kedai dan dipasang kepada kereta masing-masing. Penguat kuasa kita tidak tahu bagaimana kita nampak banyak kereta dengan cermin gelap, tidak nampak apa pun, tetapi penguat kuasa kita tidak nampak pula. Jadi itu pun satu isu di masyarakat kita.

■1610

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin menarik perhatian kementerian, khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tentang insiden isu di Cameron Highlands ini, bukan sahaja berlaku di Cameron Highlands. Di mana adanya hutan simpan, di situlah ada pencerobohan hutan simpan. Jadi dengan ini saya memohon menyokong akta tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. *Thank you*. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato 'Megat' Khairuddin. Dato' Khairuddin, maaf.

4.11 ptg.

Dato' Khairudin bin Samad: Saya tidak ada 'Megat'.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada 'Megat'. Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul Belanjawan 2015. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun membentangkan satu bajet yang cukup baik, setiap tahun baik. Ada beberapa perkara yang hendak kita sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh rakan kita, Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon pagi tadi, di mana beliau telah pun menyebut tentang memperkasakan Dewan Senat ini. Saya boleh kata setiap kali, setiap sesi saya berbahas di sini, saya juga akan menyebut perkara yang sama. Pada kali ini sudah tentulah saya akan mengaitkan lagi perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita tahu Dewan Negara ini adalah Dewan yang paling tinggi dari segi protokolnya di dalam negara kita. Kita mesti bermula dengan Dewan Negara, baru Dewan Rakyat, baru Dewan Negeri dan sebagainya. Akan tetapi saya melihat yang pertama, kita hendak memperkasakan tetapi kita sendiri di dalam Dewan ini, kita lihat papan tanda di luar itu, ia bermula daripada Dewan Rakyat, baru Dewan Negara. Saya jadi hairan. Sepatutnya Dewan Negara dulu, baru Dewan Rakyat. Itu satu. Kita perlu beri perhatian. Walaupun perkara ini remeh, tetapi kita hendak beritahu kepada mereka, pegawai, rakyat bahawa Dewan Negara ini Dewan yang paling tinggi daripada segi protokolnya walaupun gaji kita paling rendah, daripada segi gajinya. Ini kenyataan.

Dulu saya bercakap tentang satu dunia, sekarang ini satu Malaysia, kita yang paling rendah, RM4,200, belas-belas. Memang belas pun, kasihan. Belas kasihan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Ini kita kena sebut sebab baru-baru ini dalam Dewan Rakyat, saraan ini ditolak, ditarik balik, kemungkinan dibawa ke bulan Mac. Akan tetapi kita kena beri pandangan. Jadi saya berdiri pada hari ini untuk Tuan Yang di-Pertua, untuk Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan dan untuk rakan-rakan saya semua. Saya hendak perjuangkan sebab yang pertama, kerana kita Dewan tertinggi, gaji paling rendah. Jadi kita hendak minta, ada rakan-rakan kita di dalam Dewan Rakyat berkata kepada saya, "*You Dewan Negara tidak payah naik sebab yang duduk dalam Dewan Negara ini, adalah semua yang kaya-raya. Semua yang tauke-tauke*". Saya tidak nampak pun, adalah mungkin satu atau dua orang. Akan tetapi, kita tidak tauke, kita bukan tauke. Jadi kita hendak perjuangkan. Itu yang pertama.

Saya memohon kalau boleh kita beri pertimbangan, kita minta kerajaan beri pertimbangan, kita ada Menteri yang jaga kita, yang *handsome*, yang baik, yang faham kita ini terpaksa ikat perut. Walaupun Menteri tidak ada di dalam, saya rasa beliau sedang mendengar. Dia yang mengatakan bahawa kita ini ikat perut kerana hendak membela rakyat. Kita duduk dalam Dewan ini pun setiap kali kita bercakap kerana membela rakyat. Saya berpendapat seelok-eloknya saraan Ahli-ahli Parlimen, daripada Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga kakitangan Parlimen. Mereka yang bertugas di Parlimen, warga-warga yang bekerja di Parlimen ini juga masuk di dalam satu saraan di bawah kelolaan Ketua Pentadbir Parlimen supaya mereka ini juga diberi pembelaan. Kakitangan Parlimen juga diberi pembelaan, bukan sahaja kita di Dewan Negara.

Kemudian, saya juga ingin mengesyorkan supaya Dewan Negara dan Dewan Rakyat disamaratakan gajinya termasuklah pegawai-pegawainya. Ini ada pegawai yang jaga Dewan Negara, gajinya rendah daripada Dewan Rakyat. Kenapakah harus ada diskriminasi? Dua-dua dewan, tambahan lagi, Dewan ini Dewan yang mulia. Saya tidak minta supaya kita dapat lebih tetapi disamaratakan. Kalau mereka diberi gaji RM15,000, kita juga RM15,000. Kita bukan kata kita hendak ambil duit rakyat dan sebagainya, tidak. Kita hendak membantu rakyat tetapi kita mestilah dapat gaji yang setimpal yang boleh kita membela rakyat juga kerana kita balik ke kawasan masing-masing, juga kita...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Dato' Khairudin bin Samad: Silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan perbahasan oleh Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad. Saya cuma ingin bertanya apa pandangan Yang Berhormat, sebab apa sebagaimana yang kita dengar sewaktu perbahasan di Dewan Rakyat, apabila membincangkan soal gaji, elaun untuk Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara ini dibuat perbandingan dengan JUSA 'C', kalau tidak silap saya. Jadi, saya merasakan bahawa tugas seorang pemimpin politik berbanding dengan pegawai kerajaan adalah sangat-sangat berbeza sebab kita bekerja 24 jam, *around the clock*, dengan izin. Kalau orang telefon atau ada apa masalah, kita sebagai pemimpin harus turun ke akar umbi. Jadi saya rasa perbandingan harus dibuat antara kita dan Ahli-ahli Dewan Negara di peringkat negara-negara luar, seperti di Thailand, di Singapura, di Filipina, yang pertama.

Kedua, saya merasakan elaun ini, kita seharusnya mempunyai akta khusus untuk elaun dan kebajikan Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, yang mana berasingan daripada pegawai kerajaan, khas untuk Senator dan Dewan Rakyat. Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Norliza binti Abdul Rahim. Saya kalau boleh saya hendak mohon kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ini, stail saya ini, stail saya ikut *rhythm*. Kalau saya tengah *hot*, tengah sudah masuk gear tiga, hendak masuk gear empat, selepas itu, saya kena turun balik, masuk gear satu, ada masalah sedikit. Saya memang hendak sampai ke situ, jangan risau. Selepas saya habis nanti, kalau saya tertinggal, saya minta kawan-kawan yang ada, rakan-rakan tolong bantu saya untuk mengingatkan apa yang saya tertinggal. Akan tetapi masa tengah ada *rhythm* ini, dia tidak boleh diganggu, minta maaf. Sebab saya bukan presiden *union* Dewan Negara, tidak. Akan tetapi saya melihat ini satu perkara

Saya bersetuju ini bukan salah Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat mungkin menggunakan JUSA C 54, sebagai garis panduan. Akan tetapi bila diserahkan kepada JPA, dia ambil gaji yang paling rendah. Ini yang menjadi masalah, melainkan kalau JPA hendak buat gaji untuk JUSA A, B, C dan Turus sebagainya, dia akan cari yang paling tinggi. Akan tetapi untuk Ahli Dewan, dia akan cari yang paling rendah. Saya bukan hendak salahkan pegawai-pegawai JPA, tetapi ini berlaku. Saya masih ingat lagi suatu ketika dahulu, apabila mereka merangka gaji untuk pegawai-pegawai di JPA, yang Turus, yang JUSA ini tinggi melangit, sehinggakan pegawai-pegawai kumpulan sokongan merasa sedih kerana bezanya terlalu jauh. Hendak capai pun memang susah.

■1620

Akan tetapi kita kalau nak suruh mereka melihat gaji Ahli Dewan, dicari yang *basic*, yang paling rendah. Itu yang ditolak di Dewan Rakyat. Itu yang ditolak. Apa salahnya kalau gaji- Yang Amat Berhormat kata gaji JUSA C dan 54. Kalau dah kata itu, ambil yang maksimum.

Saya rasa Dewan Rakyat tak tolak. Saya berpendapat begitu dan saya minta selepas ini biarlah kita yang menentukan. Mana mungkin penggubal undang-undang gajinya ditentukan oleh pegawai dan penggubal undang-undang yang menentukan pegawai ini nak naik atau tidak. Terbalik, jadi terbalik. Kita ini legislatif, so kitalah yang nak menentukan untuk mereka. Kenapakah pula mereka menentukan gaji kita? Jadi, saya berpendapat itu tak betul.

Kalau kita nak pakai JUSA, JUSA B kah, JUSA C. Okey, kelayakan JUSA apa? Dapat kereta? Kita nak kereta. Kelayakan JUSA dapat apa? Dapat minyak? Kita nak minyak. Kelayakan JUSA dapat apa? Dapat SmartTAG? Kita nak SmartTAG. Itu kalau nak buat perbandingan. Akan tetapi kita bukan kerana itu. Kita kerana duit kita akan balik kepada rakyat juga walaupun kita kata gaji kita begitu banyak. Maksimumkah, esok kita pencen dapat separuh juga.

Kalaulah gaji RM4,000 ini pencen, percaya dan yakinlah...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh?

Dato' Khairudin bin Samad: ...Sebentar, boleh. Duduk, duduk. Boleh. Bagi saya, tengah *hot* ini. Presiden *Union you* ini. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita katakan misalannya, kalau gaji itu duduk di RM4,000. Apabila Saudara Bahar, Saudara Bahar kawan kita yang lama, Yang Berhormat dulu, kalau dialah pencen sekarang, gaji dia kerana dia satu penggal. Gaji dia hanya RM1,000 lebih sedikit. Percaya dan yakinlah, masa itu dia akan bawa anak dia yang orang ingat cucu sebab dia belum berkahwin.

Dia bawa anak dia pergi beratur untuk dapatkan BR1M. Cuba kita bayangkan. Beratur untuk dapatkan BR1M. Lepas itu apa kita akan kata? Ini bukan Yang Berhormat Senatorkah dulu yang pegang tongkat ini yang bawa cucu? Dia mantan Senator tetapi dia bukan bawa cucu, bawa anak sebab dia lambat berkahwin. Akan tetapi dia pergi ambil BR1M. Ini akan berlaku kepada kita.

Jadi, saya bukan melihat itu. Bukan kerana kita nak gaji lebih, kita nak hebat, tidak. Ini kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Norliza tadi, kita bekerja 24 jam, 365 hari setahun dan 366 hari selepas empat tahun. Betul? *Leap year, leap year*. So, ini menjadi masalah kepada kita. Ini yang menjadi masalah. Jadi, kalau boleh kita minta supaya ia dipindahkan Akta Saraan untuk Ahli Parlimen dibuat oleh Parlimen.

Dalam masa yang sama, semua pegawai yang bertugas di Parlimen juga diberi perhatian oleh badan ini yang mengawasi, yang diketuai oleh Menteri boleh melihat dan saya difahamkan Yang di-Pertua Dewan Negara juga adalah, kalau tak salah saya, Pengerusi Jawatankuasa Kepada Pembentukan Saraan Ahli-ahli Parlimen. Selepas itu - ini bukan elaun. Elaun lain. Ini gaji kita. Ini kerana gaji kita berpencen. Elaun kita yang tidak berpencen. Fasal itu saya tak penting sangat soal elaun.

Akan tetapi kalau kita lihat apa - kita dengar apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Chong tadi ya, betul. Kenapakah tidak kita pun ada seorang pegawai penyelidik yang ada sekarang ini di Parlimen? Mereka ini membantu semua kita yang ada di sini. Ini ditambahkan kita sebagai ada pegawai penyelidik untuk membantu kita untuk menyelidik membuat kerja-kerja, untuk membantu kita dalam menyampaikan hujah-hujah kita di dalam Parlimen. Kadang-kadang kita perlu fakta-fakta yang lebih untuk kita sampaikan supaya kerajaan memberi perhatian kepada apa yang disampaikan oleh kita. Jadi, yang ini yang perlu. Tuan Yang di-Pertua, saya beri peluang kepada Dato' Lim apa yang nak ditambahnya, nak ditambah.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi satu peristiwa saya ditanya oleh *member* AIPA daripada *Singapore*. Dia tanya berapa gaji Senator di Malaysia? Jadi, saya pun malu nak maklum kepada dia. Memang sebab memang berasa malulah nak *quote* gaji yang begitu rendah. Jadi yang tadi Yang Berhormat Dato' kata yang untuk penggal satu itu termasuk sayalah, saya akan tidak lama lagi menamatkan tempoh saya. Jadi, saya satu penggal sahaja dan *pension* saya RM1,028. Jadi, saya layaklah mendapatkan BR1M. *Thank you*.

Timbalan Yang di-Pertua: Sabar Yang Berhormat, sabar. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Dato' Lim kena beratur ambil BR1M, saya setuju. Saya pula, saya nak pertahankan supaya jangan beratur. *Insyallah*, saya bantu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Lim, sebenarnya tak payah cerita orang *Singapore*. *You* cerita dekat orang di negeri Perlis pun cukup. Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis, negeri yang kecil, yang hasil kurang. Hasil kurang tetapi gajinya lebih daripada Ahli Dewan Negara, Dewan yang paling tinggi di dalam negara ini.

Kita bezakan dengan *Singapore* jauh sebab dia dengan *Singapore*, Dolarnya lagi, memang jauh lagilah. Kita bandingkan dengan negeri Perlis. Itu pun cukup, walaupun dia sekarang ini ada mangga madu, ada anggur, harum manis, harum manis. Akan tetapi apa yang kita dapat memang menyedihkan. Sudah tentulah yang paling banyak Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak, paling tinggi. Selangor pun tinggi. Nak bandingkan dengan kita, tak sampai separuh. Ini yang kadang-kadang mendukacitakan.

Saya bukan setakat itu. Elaun menghadiri Mesyuarat ini kalau kita ini Ahli Dewan Negara nak dibandingkan dengan GLC-GLC, amat menyedihkan. Amat menyedihkan.

GLC ini syarikat yang dibentuk oleh kerajaan, letak CEO, pengarah-pengarah yang ada di situ, mendapat elaun mesyuarat sahaja tiga kali, empat kali lebih tinggi daripada Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat. Jadi, kita ini Ahli Dewan Rakyatkah, Ahli Dewan Negarakah, kita minta supaya disamaratakan.

Di Dewan Rakyat, mereka selalu perjuangkan untuk mereka, kita mereka endahkan. Akan tetapi oleh sebab kita Dewan tertinggi, yang pertama kita pindahan dulu, kita ubah tanda nama daripada Dewan Negara di bawah, letak di atas supaya mereka faham, ini bukan *rubber stamp*. Ini kerana kita ikut apa Tuan Yang di-Pertua kata, kita nak memperkasakan. Kalau nak memperkasakan, kita kena buat yang betul-betul. Kita pun boleh buat kejutan kalau kita nak buat. Akan tetapi kita bukan yang macam itu.

Kita hendak berunding dan cari jalan penyelesaian yang baik. Oleh sebab saya melihat kebajikan-kebajikan ini kalau kita lihat mereka yang ada di Putrajaya, tak mungkin tahu apa yang berlaku di Parlimen. Tak mungkin mereka tahu. Kebajikan kakitangan kita di Parlimen ini. Saya bersembang dengan kawan-kawan, dengan rakan-rakan yang ada di sini, yang bertugas di sini, saya sedih. Perbezaan di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat pun cukup. Itu belum lagi kebajikan-kebajikan yang lain. Kebajikan di antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara pun ada perbezaan. Kenapakah kita mesti diskriminasi? Termasuklah Setiausaha Dewan ini. Kenapakah kita harus ada diskriminasi? Padahal dua-dua Dewan dan sudah tentulah seperti saya katakan tadi Dewan ini Dewan yang paling tinggi.

■1630

Sekarang saya nak bercakap soal kakitangan kerajaan seluruh negara pula. Saya memahami kemungkinan ada kekangan-kekangan tertentu sehingga kerajaan terpaksa menangguhkan pembayaran bonus sehingga ke bulan Januari. Saya hendak minta kerjasama, minta jasa baik Yang Amat Berhormat dan juga kerajaan supaya mempertimbangkan semula bonus kepada kakitangan kerajaan seluruh negara dibayar dalam tahun ini juga sebelum persekolahan bermula... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya oleh sebab saya datang dari Putrajaya, mereka yang ada di Putrajaya ini 90 peratus kakitangan kerajaan. Gaji kumpulan sokongan tidaklah sebegitu sangat tetapi mereka ini apabila hujung tahun, memerlukan sangat dana-dana tambahan. Dana-dana tambahan ini terutamanya untuk memasukkan anak ke sekolah sehingga ke IPTA atau IPTS.

Jadi, kalau boleh saya minta kerajaan mempertimbangkan semula untuk membayar bonus, carilah di mana boleh, subsidi yang kita sudah potong dan tarik untuk beri kepada kakitangan kerajaan ini yang banyak memberi sokongan, pekerjaan yang banyak memberi tugas, yang kita tugaskan kepada mereka kepada negara ini agar mereka ini dapat bonus lebih awal. Jadi, tidak ada masalah sangat.

Kemudian, saya juga memohon kerajaan untuk mempertimbangkan supaya BR1M yang diberikan kepada rakyat dikaji semula. Daripada meletakkan gaji pendapatan sekeluarga RM4,000 kalau tidak salah saya, dikaji semula untuk dijadikan per kapita ke RM1,500 ke RM1,000 per kapita. Bermakna kalau dia ada anak lima orang, gaji dia RM4,000, dia layak dapat kerana mengikut per kapita, lima orang mesti RM5,000. Jadi, dia layak.

Kadang-kadang oleh sebab ini, anak dia mungkin seorang dan gajinya RM5,000, anaknya seorang tetapi dia layak. Ada orang anaknya lima orang tetapi pendapatannya RM3,800, dia tidak layak. Jadi, kita kasihan kepada orang yang macam ini ataupun gaji dia RM4,000 tetapi kerana anaknya lebih, keperluannya itu lebih. Akan tetapi kita tersalah pandang yang itu. Oleh sebab kita pegang kepada pendapatan RM4,000 satu keluarga, maka yang ada anak ramai walaupun dia dapat gaji RM5,000, anaknya ramai, dia tidak layak. Jadi, apa salahnya kalau kita gunakan per kapita sebagai panduan untuk memberi BR1M kepada rakyat. Ini salah satu yang perlu kita beri perhatian.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang operasi JPJ baru-baru ini. Oleh sebab ramai rakan-rakan yang sebut tetapi saya hendak sebut sebab saya sebut sebelum ini. Pertama, operasi JPJ ini pasal cermin gelap macam Dato' Lim Nget Yoon kata tadi, saya bersetuju. Cermin gelap tetapi di kedai aksesori semua ada. Lampu hidrogen atau apa, lampu pelik-pelik ini, HID, di kedai aksesori ada.

Lampu polis yang biru itu yang letak di depan, banyak kereta Menteri pakai sekarang, lampu itu pun ada. Saya mengelaklah di atas jalan raya. Tengok-tengok *Alphard* potong saya. *Alphard* pula *Alphard* orang biasa. Saya ingat polis, jadi mengelak. Ini semua dijual. Saya berbincang dengan rakan-rakan dalam JPJ. Saya kata kenapa *you* membenarkan mereka ini jual? Dia kata kita tidak ada kuasa untuk menyekat mereka ini menjual.

Saya kata, kalau *you* boleh tangkap orang dengan secara bersepadu, bawa segala alam sekitar, polis, buat secara bersepadu untuk tangkap mereka yang buat kesalahan jalan raya, kenapa tidak *you* boleh buat bersepadu dengan KPDNKK untuk pergi ke kedai-kedai aksesori dan tangkap apa yang mereka jual ataupun kalau kita duduk tangkap yang bawa atau seludup masuk rokok daripada luar, kenapakah kita tidak tangkap mereka yang bawa aksesori ini melalui pelabuhan? Melainkan dia buat di kawasan-kawasan pedalaman yang kita tidak tahu.

Akan tetapi ini menjadi masalah. Kalau kita biar, mereka jual, kawan kita beli, esok kena buka selepas itu pasang balik. Akhirnya, yang untung orang yang jual aksesori. Oleh sebab kereta ia tetap hendak pasang sebab keadaan panas yang begitu *global warming* ini, dengan izin. Jadi, orang akan pasang cermin gelap. Saya melihat apa yang dibuat oleh JPJ baru-baru ini dengan apa yang diberitahu kepada saya sebelum ini dan sewaktu saya menghadiri satu majlis agama Maal Hijrah, Tuan Yang di-Pertua. Ustaz yang beri ceramah itu bercerita, kata ada 70 peratus kemalangan maut di jalan raya ini motosikal.

Saya terperanjat sebab saya pernah bawa dalam Dewan yang mulia ini bahawa kemalangan yang berlaku di jalan raya, kemalangan maut 70 peratus terdiri daripada motosikal. Akan tetapi operasi yang dijalankan ialah operasi hendak cek nombor kereta, operasi cek cermin gelap, operasi cek lampu kereta. Perkara yang menjadi masalah motosikal, yang maut motosikal. Kenapakah kereta yang diperiksa?

Jadi, kita pun jadi *confused*, dengan izin. Apakah yang sebenarnya yang kita hendak selesaikan? Masalah apa? Masalah motosikal di jalan raya? Ada Yang Berhormat baru ini sebut fasal- Dato' Boon Som a/l Inong pasal motosikal di jalan raya. Mereka ini tidak bayar tol. Betul, bukan setakat tidak bayar tol. Dia mencelah di jalan raya, dia hendak masuk kirikah, dia hendak masuk kanankah, masuk tengahkah, empat buah lorong sekarang ini ikut suka dia.

Kadang-kadang apabila kita hendak potong, kita yang rempuh dia. Dia jatuh, maut. Ini yang selalu berlaku. Jadi, kita minta kalau boleh kerajaan buat satu keputusan. Keputusan ini bukan keputusan popular tetapi keputusan yang boleh menyelamatkan nyawa iaitu jangan benarkan motosikal lalu di atas jalan tol, itu sahaja. Hendak jadi popular boleh, kita sediakan lorong motosikal. Jadi, motosikal mesti ada di lorong motosikal ataupun di jalan alternatif, jalan lama daripada kita membiarkan mayat bergelimpangan setiap hari di atas jalan tol.

Ini negara-negara lain berani buat keputusan itu. Kenapakah kita harus takut? Oleh sebab kita hendak menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia, lebih baik daripada kita mendapat popular kerana itu...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan sedikit boleh?

Dato' Khairudin bin Samad: Silakan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Biarlah tengah gear empat pun tidak mengapa. Ada *statement*. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad. Ada *statement* yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JPJ Malaysia, kerana untuk mewujudkan cermin gelap, nombor yang standard. Beliau mengatakan hendak kurang jumlah kematian daripada 10,000 lebih orang kepada 5,000 orang. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad? Terima kasih. Hendak mati 5,000 orang.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya pun susah sedikit. Oleh sebab ada yang kata Ketua Pengarah JPJ ini malaikat maut sebab dia boleh menentukan setahun 5,000 orang mati. Saya kata tidak, dia pun kawan kita. Mungkin *statement* yang diberikan begitu tergesa-gesa kerana ada- saya pun tidak tahulah macam mana dia dapat ilham itu.

Walau bagaimanapun, kita hendak menyentuh tentang *plate number*. Ini kawan kita, dia bagi juga maklumat dekat kita kenapa. Kalau tidak, saya tidak tahu 67 peratus daripada kemalangan maut adalah daripada motosikal. Cuma saya kata dekat dia, *you* carilah masalah motosikal, jangan cari masalah kereta. Oleh sebab dalam masa yang sama, saya hendak tengok juga logiknya. Dalam masa yang sama kita jual nombor kereta, tender. Ada yang beli sampai beratus ribu nombor kereta.

■1640

Ada orang SMS pada saya NAJ13 yang dirapatkan jadi Najib. Polis tengah hendak saman dia tanya saya polis berani samankah, sebab Najib- NAJ13 Tuan Yang di-Pertua. NAJ13 Tuan Yang di-Pertua. Nombor 3 itu disambungkan dengan 1 nampak macam B-“NAJ13”. Jadi nampak macam “NAJIB”. Trafik duduk di depan kereta itu hendak saman tidak saman, dia pun fikir dua kali sebab Najib. Ini orang buat seloroh tetapi perkara itu benar orang selorohkan, buat kelakar benda-benda seperti itu. Soalan saya kepada Kementerian Pengangkutan, kalau kita jual nombor sudah tentulah orang yang beli nombor dia mesti kreatif. Dia beli nombor itu kerana dia hendak lekatkan di kereta dia bagi nampak sesuatu. ERA misalan bukan Era Radio, Erra Fazira kita kenallah. Erra Fazira saya kenal, penyanyi dan pelakon yang sekarang ini janda.

Dia macam itu, dia lebih kurang macam itu. Bila kita beli nombor, kita beli nombor sudah tentulah kita ini kreatif. Kita akan beli nombor macam kawan saya beli DR15 orang ingat Dris tetapi bukan. Namanya Dr. Ibrahim Saad, DR15 tanya Datuk Suhaimi betul? Ini sebab DR15 jadi nampak seperti Dr. Ibrahim Saad. Saya bagi contoh, kita kreatif fasal itu kita beli nombor. Lepas itu beli nombor, balik. Sudahlah bayar beratus ribu pasang dekat kereta, balik kena saman. Lebih baik kita jangan ada sudah, adakan lagi tender membeli nombor, tidak payah ataupun kita hendak buat, kita kena cari jalan macam mana kita hendak selesaikan masalah itu.

Ini yang kita dengar daripada orang *complaint* tetapi saya tidak peduli sangatlah sebab yang ini, yang beli nombor ini dia sudah tentulah orang kaya-kaya. Kalau tidak, dia tidak beli. Kadang nombor kereta dia lebih mahal daripada kereta yang dipakai. Proton Saga, bubuh harga plat nombor yang RM80,000. Bayangkan Proton Saga tetapi plat nombor yang dibeli, dia tender RM80,000, lebih mahal nombor daripada kereta. Boleh beli kereta dua buah kereta, tetapi dia beli nombor satu. Ini pun ada juga. Jadi kita perlu lihat semula perkara-perkara ini supaya tidak menjadi masalah.

Kemudian, bila kita cakap fasal pengangkutan, fasal kereta ini Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini lorong dua jadi tiga, tiga hendak dijadikan empat. Sekarang banyak sepanjang jalan utara-selatan, semua. Apakah pendidikan yang diberikan kepada rakyat cara-cara menggunakan lorong-lorong ini? Saya minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini supaya balik kepada asal macam dahulu. Bila tahu hendak mengundi, hari hendak mengundi dalam TV ada, “*Marilah mari, kita mengundi*”. Siap dengan cara hendak mengundi, apa semua siap. Kalau jalan di atas jalan raya lorong ini lorong laju, lorong ini lorong perlahan. Sekarang ini tiga buah lorong orang *confuse*, empat lorong lagi *confuse*. Bagi yang bawa Morris Minor duduk tengah jalan, jalan lorong laju hendak pergi makan angin ke apa kita pun tidak tahu.

Kadang-kadang kereta antik memang dia suka tetapi dia duduk di lorong laju sebab dia orang pencen, orang pencen ini dia rasa dia paling senang. Dia buat jalan pun perlahan tetapi dia duduk tengah-tengah. Bila kita lalu ke tepi, kita hon dia, dia marah kita balik. Ini kita kena- so kita bagi pengajaran. RTM pun sekarang ini orang sudah kurang tengok. So hendak bagi orang minat balik, so kita tunjuklah kita bagi pengajaran, kita bagi pendidikan. Ini kalau jalan macam ini, jadi sekurang-kurangnya orang kata, “*Oh! Apakah dia hendak buat? Macam mana dia hendak tahu, macam mana hendak guna jalan dia boleh tengok RTM.*” Selamatlah RTM sebab sudah kurang orang, banyak dengan ASTRO fasal banyak sangat cerita-cerita yang bagus, yang rakan kita dalam Dewan Rakyat marah ASTRO ini fasal ada *advertisement*.

Jadi kita di sini kita hendak bercakap ini fasal kita hendak memperkasakan balik RTMlah. Boleh tidak kementerian ini bagi perhatian seperti itu? Pendidikan, pengajaran macam mana kita hendak menggunakan soal siviklah maksudnya. Sivik ini banyak yang sudah lupa. Tambah lagi yang muda-muda ini lagi banyak tidak tahu langsung soal sivik, Tuan Yang di-Pertua. Kita minta supaya mereka ini tunjuk semula dalam RTM supaya kita boleh mendidik anak-anak kita dan diri kita sendiri untuk belajar. Kalau tidak, kita tidak tahu.

Siapakah yang boleh jawab dekat saya lorong yang sebelah kanan paling kanan di lorong yang keempat hendak buat apa? Siapa pun tidak boleh jawab Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh hendak jawab. Untuk hendak memotongkah, untuk hendak memecutkah, orang tidak tahu. Lorong yang ketiga untuk apa? Lorong yang kedua untuk apa? Lorong yang pertama untuk apa? Tidak tahu, semua tidak tahu. Jadi kita mesti cari satu penyelesaian dalam soal ini.

Kemudian, saya hendak menyentuh sedikit fasal SPRM.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Boleh?

Dato' Khairudin bin Samad: Sila, sila.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Tidak menghalangkah?

Dato' Khairudin bin Samad: Sila Yang Berhormat. Ini tengah gear rendah.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi menyebut dua perkara yang menarik perhatian saya. Pertama, RTM dan yang kedua Morris Minor. Memang berlaku di kalangan pemandu-pemandu kita sama ada yang agak dewasa atau orang lama ataupun orang muda dan juga termasuk warga kita. Dia tidak tahu hendak guna jalan kanan, jalan kiri. Dia perlahan sahaja kereta itu sederhana tetapi dia duduk jalan kanan. Jadi perkara ini memang berlaku di mana-mana saya tengok.

Jadi yang kedua hendak tanya Yang Berhormat, semacam RTM ini sudah tidak mendapat tempat di kalangan masyarakat dan orang berubah selera sekarang ini. Pergi ke macam-macam Astro dan banyak media lain. Kenapakah jadi begitu? Masyarakat kita tidak mahu lagi tengok RTM? Adakah berita RTM itu tidak *update*, cara persembahannya atau maklumatnya tidaklah secantik yang lain-lain? Jadi oleh sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimanakah kita hendak memperkasakan soal itu? Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jawab dekat Dato' Dr. Johari Bin Mat sebab saya tidak mewakili kementerian tetapi sebagai rakan. Pertama, kalau kita bercakap soal perlahan laju kereta di atas jalan ini, saya pernah bawa dalam Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Pengangkutan. Kalau boleh, lorong yang laju kalau kereta perlahan samanlah sebab orang yang bawa laju kena saman. Ada AES kamera sana, kamera sini, AES itu kita kata AESlah. Kamera sana, kamera sini tangkap orang yang laju. Orang yang menyusahkan orang laju ialah orang yang perlahan. Dibawa di tengah jalan tetapi dia selamat. Sepatutnya yang laju pun kena, yang perlahan duduk di lorong laju pun kena. Baru betul, tetapi ia tidak berlaku. Kita sudah bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Bayangkanlah kalau rakyat di kampung cakap minta lagi tidak dapat, di dalam Dewan yang mulia ini bercakap pun orang tidak ambil tindakan, saya minta selepas ini kerajaan ambil tindakan. Itu yang pertama.

Kedua, soal RTM ini. Saya pun kasihan juga dekat RTM. Akan tetapi bila kita menonton, tengah duduk sedap menonton dia berhenti tidak ada isyarat. Kalau dalam ASTRO dia pandai cara dia hendak berhenti, ini kita tengah dok *pick* dok tengah sedap tengok tup berhenti *advertisement*, iklan. Kemudian Negeri Sembilan ada kes lelaki pakai baju perempuan, pondanlah pondan. Ada tindakan tetapi dalam drama RTM atau TV3 dibenarkan. Drama Melayu tetapi lelaki pakai perempuan, berlagak pun perempuan. Kita tahu dia pun memang berlagak berlakon jadi pondan. Takkan lakonan kita boleh benarkan. Saya tidak tahulah. Yang Berhormat Menteri lebih arif soal agama ini. Betul? Ini kadang-kadang orang jadi.

■1650

Kemudian apabila biadab Tuan Yang di-Pertua, biadab kepada ibu bapa. Selepas itu tidak ada kesudahan. Biadab itu biadab sampai habis. Tidak ada hukuman daripada Tuhan. Jadi, orang malas hendak menonton filem yang macam itu. Kalau anak saya hendak menonton pun saya tidak bagi, cucu saya hendak menonton saya tidak bagi kalau filem macam itu. Sebab, kalau ada pengajaran, dia biadab terima hukuman daripada Allah SWT, kita boleh terima. Ini tidak.

Jadi, drama-drama seperti ini sepatutnya dihentikan oleh RTM, dihentikan oleh TV3. Sebab itu orang beralih ke ASTRO. ASTRO ini dia ada mega lawaklah, dia tarik minat orang. Walaupun melalaikan kita, tetapi dia tarik minat hendak dibandingkan dengan RTM. Itu jadi masalah. Kita tidak memahami kehendak penonton, itu yang jadi masalah. Kalau kita faham, berita umpamanya, macam Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tanya tadi, berita, sama. Cara menyampaikan berita kita dengar pun tidak ada semangat. Saya pun kalau hendak tengok berita, saya suka tengok TV3 lagi.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omaidin: Boleh mencelah? Belakang. Saya betul amat tertarik apabila Yang Berhormat sebut soal mutu-mutu drama yang kita paparkan dalam media elektronik hari ini. Adakah Yang Berhormat Dato' bersetuju bahawasanya dengan adanya paparan-paparan yang agak melampaui batas, soal penderhakaan seorang anak kepada ibu bapa menyumbang kepada apa yang berlaku dalam masyarakat hari ini? Ini kerana benda ini kalau kita lihat zaman Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, semuanya filem-filem yang mendidik masyarakat. Akan tetapi hari ini filem-filem yang ditawarkan, yang dihidangkan kepada masyarakat, semuanya berkisar kepada penipuan, kecurangan yang berlaku dalam keluarga dan sebagainya. Adakah ini menyumbang kepada gejala yang sedang melanda masyarakat ini? Kalau baru-baru ini kita tengok ada berlaku anak sembelih bapa, sebab ini dipaparkan di media, setiap hari dimainkan. Adakah ini juga Yang Berhormat Dato' rasa menyumbang kepada gejala yang berlaku dalam masyarakat hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat meneruskan perbahasan, Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, kasihan kepada saya. Selalu, kebetulan...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kasihan, tetapi masa yang tidak kasihan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tadi Tan Sri Yang di-Pertua kata ramai orang yang tak nak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi sekarang ramai.

Dato' Khairudin bin Samad: Jadi kalau orang macam saya seorang boleh bercakap macam lima orang bercakap, cantik.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, empat minit.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kena kayuh lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan - saya hendak menambah sedikit di sini. Keganasan yang berlaku juga angkara perkara-perkara seperti ini kerana kita tidak - maksud saya tadi, *ending* kita tidak betul. Sepatutnya kita hendak tamatkan sesuatu drama itu, ia mestilah berakhir dengan hukuman, baru tidak berlaku perkara-perkara seperti itu.

Sekarang saya hendak sentuh tentang SPRM. Saya kasihan. SPRM ini mencuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah-masalah rasuah dan kita menyokong. Akan tetapi saya bertanya kepada rakan-rakan dalam SPRM, saya kata apabila *you* mengambil tindakan, apakah *you* ada bagi syor kepada kerajaan untuk membuat pembaikan menyelesaikan masalah yang ada. Dia kata ada. Saya kata kalau ada, apakah dia?

Saya melihat sekarang ini, saya kasihan kepada pegawai-pegawai ramai yang kena tangkap. Bukan saya menyokong mereka, tetapi saya bersimpati dengan mereka. Mereka yang kena tangkap ini ramai di kalangan mereka penyeludup terlepas. Macam mana tidak terlepas, *lorry driver* tidak ada. Saya ingat *lorry driver* tidak ada okeylah. Pemandu tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Satu kontena tangkap, tidak ada pemandu, macam mana hendak tangkap penyeludup? Tangkap kapal di dalam laut, kapten kapal dengan krew semua tidak ada. Kapal dengan barang seludup ada... [*Disampuk*] *Auto cruise* itu yang hilanglah ini. Selepas itu, pegawai-pegawai ramai kena.

Tahukah Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, rakan-rakan semua, bahawa ramai di kalangan pegawai-pegawai ini kadang-kadang hendak tangkap, tetapi terima peluru di rumah. Kebanyakan pegawai. Kalau tidak percaya, apakah jadi kepada imbalan Ketua Pengarah Kastam? Cermin kereta *bullet proof* pun boleh kena tembak, sebab tidak beri kerjasama. Itu sahaja. Jadi pegawai-pegawai ini akan terima peluru, kalau tidak ikut, kalau ikut SPRM.

Kadang-kadang tidak payah itu, dia telefon sahaja. “*Tuan, isteri tuan beli barang di Giant Shah Alam ya.*” Dia telefon macam itu pun cukup. Kita hendak pergi *report* kata kita terima ugutan, polis dengar pun dia kata itu bukan ugutan, dia bagitahu isteri *you* pergi *Giant*. Itu bukan ugutan. Akan tetapi itu ugutan, cuma tidak boleh laporan. Penyeludup ini dia pandai.

Saya kadang-kadang kasihan kepada pegawai ini bukan kerana saya menyokong dia buat kerja itu, tetapi mereka ini menerima ugutan seperti itu. Terima peluru di rumah. Anak sekolah di mana, dimaklumkan. Jadi ini menjadi masalah. Jadi saya minta tolong pegawai-pegawai SPRM ini cari jalan macam mana untuk selesaikan masalah ini juga. Ini kerana, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada kementerian ataupun Menteri dari Jabatan Perdana Menteri yang jaga SPRM. Kalau kita melihat penyeludupan, berlaku kepada minyak. Minyak kita murah kalau hendak dibandingkan dengan jiran. So, minyak kita diseludupi keluar. Jadi, kenalah tangkap pegawai-pegawai yang membenarkan penyeludupan keluar. Sekarang ini mereka ini menyeludup masuk sebab rokok mahal. Jadi, perbendaannya ialah kalau barang kita murah, seludup keluar. Kalau barang mahal, seludup masuk. Sekarang ini saya tengok ramai kawan kita yang hisap rokok, saya pun hisap rokok, ramai kawan kita yang hisap rokok seludup.

Rokok seludup ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, termasuklah rokok *recycle*. Rokok *recycle* ini Tuan Yang di-Pertua, ialah rokok-rokok yang diupah orang untuk kutip keluaran tembakau, gaul buat rokok baru. Kemudian, ada orang yang tidak tahu, beli rokok seludup. Beli-beli, rokok *recycle*. Ini jadi masalah. Rokok pun kitar semula sekarang.

Ini belum lagi saya bercerita pasal arak sebab saya tidak minum arak. Arak ini satu hari akan kembali balik samsu haram di mana samsu akan dibuat secara haram, orang akan minum selepas itu minum dengan air karat. Ini akan berlaku sebab naikkan harga rokok, naikkan harga arak untuk membuat penyelesaian tentang penghisap rokok, tidak mahu bagi kita hisap. Saya bersetuju dengan kerajaan kalau hendak *stop*, tetapi *stop* orang yang belum hisap. Kalau *stop* orang yang sudah hisap macam saya ini 40 tahun, saya takut saya berhenti hisap rokok, jantung saya pun berhenti... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, gulunglah. Takut jantung berhenti nanti... [Ketawa]

Dato’ Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya baru hisap sebatang baru masuk, jadi jantung tidak berhenti. Sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan, saya kasihan betul. Ini kita cari jalan macam mana kita hendak selesaikan masalah-masalah ini. Saya rasa kerajaan tentu bersetuju dengan saya, minyak diseludupi keluar oleh sebab harga itu mahal di luar. Jadi dibawa keluar, dijual di luar. Rokok diseludupi masuk oleh sebab harga mahal.

Saya ingat sewaktu kempen dari kerajaan, Kempen Tak Nak, yang untung ialah orang yang buat *sign board*. Semua orang tak nak berhenti, bukan tak nak menghisap. Semua orang tak nak berhenti merokok. Ini tak nak, tak nak apa? Saya tak nak berhenti. Saya ingat lagi Menteri Perusahaan Utama masa itu, Datuk Seri Lim Keng Yeak, dia ditanya oleh Perdana Menteri, Pak Lah. “*Bila you hendak berhenti Dato’ Sri?*” “*Saya sudah tidak hendak.*” “*Bilakah you tidak hendak?*” “*Saya sudah tidak hendak.*” “*Tidak hendak apa, you baru hisap.*” “*Saya tidak hendak berhenti.*” [Ketawa] Itu Menteri jawab, “*Saya tidak hendak berhenti.*” Ya, itu.

■1700

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua. Ini pakaian yang bersopan yang kita bincang dalam isu...

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Yang Berhormat. Saya bagi satu minit lagi. Yang Berhormat tolonglah.

Dato’ Khairudin bin Samad: Tolonglah lebih sedikit Tuan Yang di-Pertua, lebih sedikit. Ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang banyak yang hendak berucap Yang Berhormat. Jadi saya minta kerjasama Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tidak, ada sedikit ini fasal nama-nama ini. Mula ini saya hendak sentuh yang pakaian ini. Pakaian ini Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak kata apa. Pakaian berhijab ini ialah hukum kepada orang Islam. Suami kena suruh isteri dia pakai. Kalau isteri dia pramugari, disuruh pakai, kena pakai. Suami tidak suruh, suami salah. Bila dia suruh isteri dia pakai, isteri dia kena pakai. Ini satu perkara yang bukan mainan tetapi kalau MAS boleh bersetuju untuk buat, dia kena buat sebab suami dia suruh dipakai, dia bekerja di situ. Takkan hendak berhenti kerja pula, sudah jadi satu masalah bagi kita kurang pendapatan. Jadi, kita biar. Kalau dia kena pakai, pakai. Pihak yang tidak hendak pakai itu yang bukan Islam, itu lain. Bersopan, pakai hijab.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Khairudin bin Samad: Saya sudah kata, *you* tidak dengarkah? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, minta maaf yang pakaian ini sebab di New York, ada satu percubaan hendak melihat pakai hijab dengan tidak pakai. Orang yang sama, perempuan yang sama berjalan selama enam jam tanpa hijab, dia *dingorat* oleh ramai orang sewaktu dia berjalan, yang seksi tidak pakai hijab. Akan tetapi enam jam kemudian dia diberikan pakaian hijab, dia jalan tiada satu orang pun ganggu dia. Jadi, ini tidak jadi masalah. Kenapa masalah hijab ini bukan untuk mendapatkan keuntungan dan sebagainya. Hijab ini hukum kepada orang Islam. Jadi kita jangan campur, yang lain yang bukan Islam jangan campur.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan sedikit lagi berkenaan dengan penggunaan nama-nama. Saya minta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tolong ambil perhatian. Ada tempat-tempat yang menggunakan nama, saya beri contoh di Putrajaya. Di Putrajaya, pembangunan rumah yang pesat berlaku di IOI. Rumah mewah, *apartment high end* berlaku di Putrajaya. Sekarang ini ada *IOI City Mall* yang terbesar di Asia telah pun buka, ada hotel di situ, Palm Hotel dan juga Marriott Hotel. Apa sahaja boleh berlaku di situ dan orang akan ingat Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua main golf di situ, dia tanya saya rumah ini dijual mahal sangat, siapa yang hendak beli. Putrajaya tidak boleh ini. Saya kata bukan Putrajaya Tan Sri, ini bukan Putrajaya tetapi tauke itu menggunakan nama Putrajaya. Jadi kalau berlaku maksiat di situ pun, Putrajaya. Berlaku apa sahaja di situ pun, Putrajaya. Jadi saya minta KPKT tolong lihat semula, dia tidak termasuk dalam Putrajaya dan dia di bawah Majlis Perbandaran Sepang, itu IOI. Tidak masuk langsung, tetapi menggunakan nama Putrajaya. Jadi kalau berlaku sesuatu yang tidak baik, ia akan mencemarkan nama Putrajaya. Ini kita kena pertahankan, tidak boleh. Mana-mana tempat pun kalau bukan ada kaitan dengan tempat itu, dia jangan pakai nama tempat itu. Tidak betul. Saya takut satu hari nanti *IOI City Mall* akan buat bagi Alamanda ini tutup sebab orang sudah mula tumpu di IOI City Mall. Tidak jadi masalah tetapi jangan pakai nama Putrajaya. Orang yang hendak pergi ke situ kerana ia duduk di dalam Sepang, pergi, tidak ada masalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak membantu saya dalam soal ini, saya akan tunggulah kalau-kalau ada rakan-rakan saya di Dewan yang tidak ambil kesempatan untuk berhujah, saya ambillah di saat-saat akhir nanti pada 11 hari bulan. Kalau ada kekosongan lagi, saya akan tambah lagi apa yang patut saya tambah. Akan tetapi sebelum saya akhiri, saya cuma hendak minta satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab akhir-akhir ini banyak sangat isu-isu sensitif yang kita pun kadang-kadang berasa sedih kerana kita pemimpin belaka. Pemimpin sama ada pemimpin parti politik ataupun pemimpin persatuan-persatuan NGO yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya berterima kasih terutama kepada Presiden Gerakan kerana mengambil tindakan yang begitu tegas terhadap ahlinya yang mempertikaikan soal orang Melayu. Terus buang daripada keahlian kerana kita kena faham Perlembagaan, kontrak sosial, kita kena faham.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, sewaktu kita hendak membentuk Malaysia ini, ia Persekutuan Tanah Melayu bergabung dengan Singapura, bergabung dengan Sabah dan Sarawak dan menjadikan ia Malaysia. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, Singapura sudah keluar, tinggalah Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak tetapi Persekutuan Tanah Melayu juga dikeluarkan daripada sejarah. Tidak boleh, kita hendak generasi akan datang mengetahui bahawa ketiga-tiga buah negeri ini menjadi satu negara. Apa yang saya hendak cadangkan di sini, kerajaan melihat semula untuk menggunakan.

Tidak payah pakai Persekutuan Tanah Melayu, boleh pakai Semenanjung Tanah Melayu campur Sabah campur Sarawak, jadilah Malaysia, pembentukan Malaysia supaya tidak ada orang akan mempertikaikan lagi pada suatu hari nanti Melayu daripada mana.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kita janganlah bangkitkan lagi isu ini kerana Melayu pada ketika itu ialah Melayu dari Kepulauan Melayu. Jadi kalau ada pemindahan ketika itu, pemindahan masuk ke Persekutuan Tanah Melayu, mereka itu Melayu. Jadi, kita tidak mahu. Ini hendak berhujah panjang Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta kalau boleh kerajaan melihat semula supaya Persekutuan Tanah Melayu ini dijadikan Semenanjung Tanah Melayu campur Sabah dan Sarawak supaya ia jadi Malaysia.

Jadi kalau orang yang datang dari Sabah dia hendak datang ke Semenanjung, dia akan mengatakan dia hendak pergi ke Semenanjung Tanah Melayu. Bukan Semenanjung Malaysia, Semenanjung Tanah Melayu. Orang Sarawak hendak datang ke sini, hendak datang ke Semenanjung Tanah Melayu. Begitulah, barulah generasi akan datang akan memahami pembentukan Malaysia.

Jadi sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kerana diberi peluang untuk melanjutkan masa lebih daripada yang sepatutnya. Saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sekian. *Wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Norliza Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

5.08 ptg

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Khairudin, jantung okeykah? Okey, *alhamdulillah*.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi saya peluang dan ruang untuk turut berbahas bagi Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya melihat Bajet 2015 ini yang bertemakan 'Ekonomi Keperluan Rakyat' telah memberi penekanan serta menggariskan tujuh strategi utama iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, memantapkan tadbir urus fiskal, mengupayakan modal insan dan keusahawanan, memperkasakan agenda bumiputera, memartabatkan peranan wanita, membangunkan transformasi belia negara dan menyejahterakan negara dan rakyat.

Izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang saya rasa ingin saya mohon penjelasan daripada kementerian. Pertamanya, saya ingin bercakap di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sebagaimana kita Ahli-ahli Dewan Negara, kita pun amat faham bahawa peranan MARA buat masa ini adalah sangat penting dan sentiasa dititikberatkan khususnya oleh kaum bumiputera. So kalau kita lihat, MARA banyak membeli kedai-kedai ataupun membangunkan bangunan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera untuk menjana ekonomi yang lebih mantap.

■1710

Saya cuma mendapati bahawa masalah kedai-kedai MARA yang dibeli ini, ada kalanya ia dibeli di tempat yang kurang strategik. Jadi kesannya, kedai-kedai MARA ini tidak dapat beroperasi dengan baik dan ada kalanya ia terbiar kosong begitu sahaja. Jadi saya ingin mengambil satu contoh di Bagan, saya ingat Yang Berhormat Dato' Khairudin asal dari Bagan bukan? Mungkin tahu bahawa ada sebuah bangunan MARA di Bagan yang sekarang ini dah jadi gajah putih. Bangunan yang besar tetapi hanya sepuluh buah kedai sahaja yang berniaga. Jadi saya rasa ini satu pembaziran, sedangkan perancangan utama kita membantu peniaga-peniaga untuk memulakan perniagaan tetapi bangunan itu terbiar begitu sahaja disebabkan tempat yang tidak strategik. Jadi soalan saya, adakah MARA membuat kajian pasaran sebelum membuat sebarang pembelian? Kedua, berapakah jumlah bangunan-bangunan komersial yang dibeli dan dibina oleh MARA? Ketiga, adakah tindakan atau jumlah bilangan tindakan yang diambil kepada unit yang disewa dan tidak beroperasi?

Saya ingin mengambil contoh di kawasan saya, di flat Kampung Melayu...

Dato' Khairudin bin Samad: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita sedikit fasal yang di Bagan itu. Yang Berhormat, yang di Bagan itu dia buat di persimpangan lampu isyarat, orang hendak masuk pun tidak boleh. Lagi satu di Kajang. Di Kajang hendak masuk pun tidak boleh, sebab itu kita lihat yang ini Yang Berhormat kata tadi itu, sebab orang tidak boleh pergi. Kononnya hendak membantu, letak tempat membayar bil elektrik TNB pun sama juga. Jadi tidak boleh menyelesaikan masalah, robuhkan sahaja bangunan itu, setuju atau tidak?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Itulah tadi Yang Berhormat, saya kata sebabnya tidak ada perancangan yang strategik. Maknanya saya merasakan tidak ada kajian dibuat terlebih dahulu untuk kita mengetahui keadaan pasaran sama ada di simpang jalan, *parking* dan *market* untuk kawasan di sekitar itu.

Apa yang ingin saya ambil satu lagi contoh juga, yang ini senarionya berbeza. Kedai MARA di Flat Kampung Melayu di kawasan saya. Kedai ini telah disewakan melebihi sepuluh tahun, tetapi tidak ada sebarang perniagaan, selama sepuluh tahun kedai itu ditutup. Jadi setiap hari kita pergi tengok ditutup, jadi pihak kita telah membuat surat kepada pihak MARA untuk bertanya kenapa kedai ini tidak beroperasi dan tidak diambil tindakan. Sebabnya, ada orang yang berminat tetapi tidak boleh mendapat kedai MARA tersebut. Jawapan yang kita dapat sentiasanya, "*Oh ada peniaga di situ*". Akan tetapi sepuluh tahun kita memantau, masih tidak ada perniagaan. Jadi saya rasa di sini penguatkuasaan dan tindakan yang diambil adalah sangat-sangat lemah. Jadi oleh yang demikian, saya harap MARA dapat memberi jawapan kenapa kejadian sedemikian berlaku. Ini baru satu kes. Kalau kita tengok lebih banyak kes lagi yang boleh kita ketengahkan.

Isu yang kedua di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah mengenai peruntukan yang diberi untuk aktiviti-aktiviti KEMAS. Saya rasa aktiviti KEMAS ini juga penting untuk membantu rakyat bawah untuk kita melihat kepentingan rakyat dan keperluan yang harus kita utamakan. Saya mendapati bahawa kita meletakkan Penyelia Kanan KEMAS yang ditempatkan di setiap Parlimen, tetapi di Pulau Pinang, kita ada seorang Penyelia Kanan KEMAS yang terpaksa menjaga tiga Parlimen. Jadi saya rasa ini kurang bersesuaian kerana kalau tiga Parlimen dia hendak jaga, maknanya dia tidak dapat melaksanakan tugasannya dengan efisien. Jadi pertanyaan saya kepada kementerian, adakah setiap Parlimen perlu diletakkan setiap penyelia kanan ataupun bagaimanakah penempatan ini dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu SPRM. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang begitu prihatin dan begitu ambil berat mengenai isu rasuah. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Speaker kita yang mengetuai jawatankuasa ini dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua yang menjadi Ahli Jawatankuasa Khas Rasuah yang mana kita dapat buku rasuah ini, buku laporan tahunan. Saya amat tertarik dengan kata-kata yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin mengenai, "*Agenda memerangi rasuah bukan satu opsyen, sebaliknya satu kemestian. Bertindak secara tegas dan tidak selektif kunci penting yang wajib dijadikan prinsip*". Saya rasa Sultan pun amat peka dengan isu ini.

Kalau kita tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Rasuah adalah musuh nombor satu negara*". Dengan izin "*I want to make corruption part of Malaysia's past not its future*". Saya rasa ini adalah *statement-statement* yang amat baik yang harus kita tengok daripada segi peranan kerajaan yang betul-betul ingin memerangi rasuah. Jadi saya hanya ingin bertanya sebab kalau kita lihat daripada apa yang saya baca laporan tahunan ini, saya dapati sindiket perjudian tanpa lesen dan gejala aktiviti maksiat.

Kedua-dua aktiviti ini sangat-sangat berleluasa di kawasan bandar khususnya di Pulau Pinang. Jadi saya rasa ada kalanya sindiket ini beroperasi dengan mempunyai-daripada kalangan orang-orang yang sangat profesional yang kita tidak boleh hendak kesan pergerakannya. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, berapakah kes-kes yang mana perjudian tanpa lesen ini telah dikesan? Apakah tindakan yang telah diambil sehingga kini? Saya rasa ia amat membahayakan dan di Pulau Pinang ramai anak-anak gadis yang ditangkap atas isu yang tidak baik. Jadi saya rasa aktiviti yang kurang sihat ini harus kita beri penekanan, dan...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [Bangun]

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Hendak tanya? Okey.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mencadangkan atau bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat boleh masukkan sekali dalam pertanyaan kepada pihak kementerian dan pihak kerajaan? Oleh sebab Yang Berhormat sebutkan tadi peningkatan kes-kes rumah urut, perjudian haram dan sebagainya di Pulau Pinang. Bahkan beberapa bulan yang lalu begitu banyak diviralkan, dengan izin, di dalam media sosial. Peningkatan perjudian haram dan juga perkara-perkara yang melibatkan keruntuhan akhlak ini di negeri-negeri yang melibatkan negeri pembangkang.

Jadi, mungkin kita boleh tanya kepada kementerian untuk bawakan kita statistik sebenar. Apakah benar, apabila Selangor diambil alih oleh pihak pembangkang, Pulau Pinang diambil alih oleh pihak pembangkang, kes-kes perjudian haram, kes-kes maksiat haram ini semakin meningkat yang ada kaitannya dengan soal rasuah dan sebagainya? Kita hendak *ones and for all* dengan izin, hendak dapatkan kepastian daripada pihak kerajaan kerana benda ini diviralkan dalam media sosial. Jadi rakyat sudah tentu mahukan satu statistik yang lebih berwibawa daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Asyraf. Saya amat-amat bersetuju dan saya juga ada membaca di media-media sosial mengenai peningkatan yang begitu ketara dalam tempoh masa yang sangat singkat. Jadi saya rasa perlulah pihak kementerian memberi kita sedikit statistik sewaktu menjawab. Peningkatan itu bagi saya amat membimbangkan. Jadi *it has to*, dengan izin, ia kena dizahirkan dengan *numbers* supaya kita dapat menilai. Kita juga memikirkan kenapa ia berlaku kebanyakannya di negeri-negeri pembangkang. Adakah penguatkuasaan yang kurang berkesan? Jadi ini tindakan yang harus dilihat balik dan apakah peranan kementerian untuk mengawasi benda ini walaupun ia berlaku di negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: [Bangun]

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh mencelah?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Norliza. Tadi Yang Berhormat membangkitkan berkenaan dengan isu rasuah dan saya fikir semua kita bersetuju bahawa rasuah ini memang perlu kita hapuskan sehingga ke akar umbi. Akan tetapi biasanya yang kena tangkap, yang kena dakwa penerima rasuah. Jadi saya fikir jarang sangat pemberi rasuah itu didakwa. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, adakah undang-undang yang ada hari ini ataupun akta yang ada hari ini tidak boleh menyebabkan kita menangkap juga pemberi rasuah itu? Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Saya hendak berkongsi sedikit dengan Dato' Olian tadi. Saya baca semalam akhbar Mingguan yang menyatakan bahawa jerung-jerung tidak diapa-apakan, tidak ada yang buat tangkapan kepada jerung, sedang anak-anak bilis yang ada.

■1720

Apa yang dimaksudkan oleh akhbar tersebut ialah kita selalu mendengar penangkapan PATI yang ramai, juga GRO yang dipaparkan. Itu ialah orang-orang yang biasa-biasa yang mungkin mereka juga masuk secara haram dan sebagainya tetapi di sebalik itu akhbar tersebut mahu bertanya, mana dikata pengarah-pengarahlah atau orang-orang besar yang terlibat. Orang-orang besar bermaksud orang yang berkuasa dalam golongan-golongan itu. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih. Mulanya saya ingin memberi komen mengenai Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian cakap tadi. Saya amat setuju. Sebenarnya yang beri rasuah juga harus diambil tindakan. Jadi kita minta pihak kementerian untuk memberi kita gambaran yang sebenarnya. Adakah kedua-duanya diambil tindakan dan masalah kita ini kadang-kadang kita mempunyai akta, mempunyai perundangan tetapi penguatkuasaan, pelaksanaannya harus kita titik beratkan.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari, memang bagi saya, saya amat bersetuju. Kadang-kadang kalau kita tengok daripada segi aspek lain, yang jerung itu tidak dikenakan tindakan, yang ikan bilis ini yang kena sedangkan ramai lagi yang mengamalkan rasuah yang sehingga ke tahap yang saya rasa amat besar tetapi diketepikan atau tidak dipandang ataupun terlepas pandang. Sedangkan yang kecil-kecil yang masuk, ada masalah PATI semua. Ini kita sangat titik beratkan tetapi kita terlepas pandang yang betul-betul menyebabkan masalah mereka ini yang bawa masuk. Jadi macam saya kata tadi, seolah-olah ada satu kumpulan yang diberi pengecualian atas sebab-sebab tertentu tetapi saya berharap dengan ada suruhanjaya yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua kita sekali, saya rasa *there is no selective action*lah. Jadi *inshaaAllah* semua akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai Akta Hasutan sebab saya rasa ramai yang telah berbahas mengenai Akta Hasutan. Jadi saya hendak ucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mendengar hati naluri rakyat dan sanggup mengekalkan Akta Hasutan ini, malah akan ditambah baik lagi. Dulu kalau kita lihat ada pihak-pihak yang mendesak kerajaan untuk hapuskan ISA. Walaupun kalau kita tengok di Singapura, di Amerika, ada juga ISA tetapi dia desak kita Malaysia untuk hapuskan ISA.

Bila sudah tidak ada ISA ini, maka semakin ramailah orang-orang kita yang semakin berani, yang ingin meraih popular daripada keberanian mereka dengan menghina kedaulatan Sultan, dengan menghina agama. Jadi menyebabkan ketegangan kaum ini menjadi lebih serius. Kalau kita lihat pada zaman dahulu waktu saya menjadi pelajar, saya mempunyai rakan sebilik yang berbangsa Cina. Saya boleh tinggal dengan dia. Dia menghormati, dia tidak makan benda-benda yang haram dan waktu kita bersolat, dia tidak akan mengganggu dan kita akan pergi kuliah bersama-sama. Kenapa waktu itu benda ini tidak menjadi isu tetapi sekarang isu perkauman menjadi begitu ketara.

Jadi saya rasa ini disebabkan *political mileage*, dengan izin. Saya tidak rasa benda lain sebab semuanya ingin meraih *political mileage* dengan menggunakan isu perkauman. Jadi saya rasa, saya amat berharaplah apabila Akta Hasutan ini dikekalkan dan ditambah baik, kita minta tindakan haruslah dilaksanakan dan jangan tunggu. Kalau ada saja dalam media sosialkah, atau orang yang memperlekehkan negara kita, harus diambil tindakan sekeras-kerasnya. Jangan tangkap sekejap tanya, lepas balik, dia sudah tidak hairan sudah, kalau orang Penang kata. Dia mesti *drastic action* dengan izin. Jadi saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengekalkan Akta Hasutan ini yang mana kita anggap sangat-sangat penting dan juga sebagaimana hari ini kita punya presiden, Majlis Senator buat *statement*...

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Oh belakang, okey.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan ini seumpama satu sumpahan buat pembangkang dan senjata buat kerajaan tetapi kalau tidak ada Akta Hasutan seperti mana telah diberitahu oleh Yang Berhormat kepada Dewan yang mulia ini, saya ingat huru-haralah negara kita ini. Akan tetapi Yang Berhormat, setuju tidak kita kena ada satu *standard operating procedure* seperti mana yang telah dibangkitkan oleh kawan kita Yang Berhormat Puan S. Bagiam bahawa kalau terdapat dengan izin, *conditions* yang wujud bila seseorang itu membuat kenyataan, AG terpaksa mengambil tindakan, tidak ada lagi dalam bidang kuasa budi bicara. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan saya rasa saya juga setuju. Macam saya katakan tadi, kena terus ambil tindakan. Kalau hendak tunggu sana sini ambil tindakan, masuk dulu kemudian kita tengok apa kesalahan dan bagaimana kita nilai *percentage* kesalahan tersebut. Walau bagaimanapun, kita serahlah kepada kementerian untuk memberi jawapan kepada kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai tanah rizab Melayu. Isu tanah rizab Melayu ini bagi saya semakin kritikal dan sekiranya tiada tindakan dan kawalan dibuat, maka stok tanah rizab Melayu akan semakin terhapus. Saya merasakan kerajaan negeri harus lebih tegas menangani isu ini dan bagaimana kementerian dapat memainkan peranan untuk memastikan ia dapat dikawal daripada segi situasi ini. Ada kalanya tanah ini diambil alih dan digantikan ke tapak-tapak yang kurang nilainya. Sebagai contoh kita ada tanah rizab Melayu di kawasan bandar, tetapi disebabkan hendak dibuatkan pembangunan, jadi dia *swap land* dengan izin, di kawasan yang bukan *prime land*, di kawasan luar bandar yang tiada harga, tiada nilai. Jadi saya rasa ini tidak betul kerana kita hendak memastikan bahawa tanah itu dapat kita kawal dengan baik.

Jadi terdapat banyak tanah rizab Melayu juga yang mana ia tanah rizab Melayu tetapi atas nama orang lain. Jadi soalan saya kepada kerajaan, adakah kerajaan mempunyai rekod kes seumpama dan apakah tindakan kerajaan agar tanah ini kekal atas nama orang Melayu? Saya mencadangkan tanah-tanah milik kerajaan negeri atau persekutuan ini haruslah dikategorikan sebagai *lease hold*, bukan *free hold* agar kita dapat mengawal kenaikan harga tanah sekali gus dapat mengawal kenaikan harga rumah. Sebab apa, kalau kita lihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat membicarakan mengenai isu kenaikan harga tanah khususnya di kawasan bandar.

Jadi kalau kita fikirkan balik, kita mempunyai tanah-tanah persekutuan yang berada di kawasan tengah-tengah bandar ada, yang di kawasan pinggir bandar juga ada. Jadi bagaimana tanah-tanah ini boleh kita bangunkan untuk dibina rumah mampu milik dan pada masa yang sama harga tanah ini dapat kita kekalkan. Jadi saya merasakan dengan menjadikan tanah ini sebagai sebuah tanah *lease hold* daripada *free hold*. Bila *lease hold* ini, dia di bawah kawalan kerajaan negeri. Kalau sudah *free hold* ini, dia boleh naik harga sesuka hati. Jadi itu cadangan saya, kementerian supaya agar tanah persekutuan dan juga tanah kerajaan negeri harus kita kategorikan sebagai tanah *lease hold* untuk kita menjaga kadar kenaikan harga tanah. Sekali gus ia akan menjaga kenaikan harga rumah dan ini akan menyelesaikan masalah spekulasi terhadap tanah dan juga rumah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu tapak di Pulau Pinang. Ini di bawah Kementerian Pertahanan iaitu isu tapak TUDM Butterworth. Penswastaan tanah-tanah persekutuan ini saya rasa harus dikaji kesannya kepada penduduk setempat. Pangkalan TUDM di Pulau Pinang ada di Teluk Air Tawar. Saya rasa ramai di kalangan Ahli Dewan Negara yang pernah ke Pulau Pinang, yang pernah melalui dulu kita panggil tapak RAAF iaitu Pangkalan TUDM yang berada di kawasan Teluk Air Tawar iaitu tanah seluas 407 hektar iaitu seribu ekar lebih. Tapak ini telah diswastakan dalam perancangan untuk diswastakan dan untuk dimajukan sebagai perumahan dan kawasan perumahan bercampur.

Soalan saya, apa rasionalnya membangunkan tapak ini kerana saya difahamkan untuk membangunkan tapak ini, Pangkalan TUDM ini dipindahkan ke sebuah tempat yang telah digazetkan tanah itu untuk membina rumah kos rendah dan perbezaan tapak ini, jauh jarak tapak ini hanyalah 20 kilometer. Jadi kenapa kita hendak pindahkan Pangkalan TUDM ini kepada sebuah tapak yang jaraknya hanya 20 kilometer dan tapak itu telah digazetkan untuk rumah kos rendah dan tapak itu juga berbukit-bukit sebagaimana...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat berhenti setakat itu dulu dan sambung balik esok semasa sesi perbahasan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan sekarang hingga jam 10 pagi hari Selasa, 9 Disember 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]